

IDENTITI KEBUDAYAAN MASYARAKAT MELAYU DALAM
TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN
SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*

WAN SITI NUR AINI BINTI WAN NOOR AJMAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

IDENTITI KEBUDAYAAN MASYARAKAT MELAYU DALAM
TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN
SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*

WAN SITI NUR AINI BINTI WAN NOOR AJMAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TESIS YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN

WAN SITI NUR AINI BINTI
WAN NOOR AJMAN
C19A0845

Tarikh : / / 2023

TANDATANGAN PENYELIA

DR. MOHD FIRDAUS CHE YAACOB

Tarikh : / / 2023

MALAYSIA

KELANTAN

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Maha Penyayang”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pertama kali saya ingin memanjat kesyukuran kepada Illahi, Alhamdulillah dengan limpah dan izin-Nya, maka telah sempurnanya kajian ini dengan penuh jayanya. In sha'Allah, Kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada diri saya dari segi pengetahuan dan juga ianya memberi sebuah pengalaman yang diperoleh sepanjang pelaksanaan kajian ini pada masa akan datang.

Saya Wan Siti Nur Aini binti Wan Noor Ajman mengucapkan ribuan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis saya iaitu Dr.Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah banyak membimbing dan sentiasa berkongsi ilmu sejak kajian ini bermula sekali sehingga kajian ini dapat diselesaikan dengan baik. Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kerana tidak pernah jemu dalam memberi sokongan dan dorongan moral serta mempercayai akan keupayaan saya dalam menjalankan kajian ini.

Tidak saya lupakan juga rasa kesyukuran atas kurniaan insan yang istimewa iaitu ibu saya yang hebat di samping sentiasa menyokong dari sudut fizikal serta mental sepanjang menjayakan kajian ini. Juga ucapan jutaan terima kasih kepada rakan, sanak saudara kerana setia di sisi dengan memberi semangat .Sesungguhnya,segala jasa dan pengorbanan yang dihulurkan oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung amat saya hargai dan semoga Allah SWT membalas jasa kalian dengan sebaik-baik balasan

Sekian, Terima Kasih.

Wan Siti Nur Aini binti Wan Noor Ajman
Lot 1238, Kampung Gong Garu, 16800, Pasir Puteh, Kelantan
011-29403520
ainiti.c19a0845@siswa.umk.edu.my

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

JADUAL KANDUNGAN

	KANDUNGAN	HALAMAN
	PENGESAHAN TESIS	i
	PENGHARGAAN	ii
	JADUAL KANDUNGAN	iii
	SENARAI JADUAL	v
	SENARAI CARTA	vi
	SENARAI RAJAH	vii
	ABSTRAK	viii
	ABSTRACT	ix
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Batasan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Definisi Operasional	16
	1.7.1 Cerita Rakyat	16
	1.7.2 Identiti	17
	1.7.3 Kebudayaan	18
	1.7.4 Masyarakat	18
	1.7.5 Melayu	19
1.8	Organisasi Kajian	21
1.9	Penutup	24
BAB 2	SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	25
2.2	Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia	26
2.3	Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-Karya Sastera	60
2.4	Penutup	82
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	83
3.2	Metodologi Kajian	84
3.3	Reka Bentuk Kajian	85
	3.3.1 Kaedah Kajian	86
	3.3.1.1 Kepustakaan	86
	3.3.1.2 RujukanTeks	87
3.4	Analisis Data Secara Kualitatif	88
3.5	Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu	89
	3.5.1 Latar Belakang Teori Pengkaedahan Melayu	89
	3.5.2 Teori Pengkaedahan Melayu	91
	3.5.2.1 Pengkaedahan Alamiah	92

3.5.2.1.1)	Pendekatan Gunaan	93
3.5.2.1.2)	Pendekatan Moral	94
3.5.2.1.3)	Pendekatan Firasat	95
3.5.2.2	Pengkaedahan Keagamaan	96
3.5.2.2.1)	Pendekatan Seni	97
3.5.2.2.2)	Pendekatan Kemasyarakatan	97
3.5.2.2.3)	Pendekatan Dakwah	98
3.6	Kerangka Konseptual	99
3.7	Penutup	100
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	101
4.2	Unsur Kebudayaan	102
4.2.1	Alam Sebagai Sumber Kehidupan Masyarakat Melayu	102
4.2.1.1	Sistem Ekonomi	103
4.2.1.2	Sumber Pencarian	105
4.2.1.3	Sistem Pengetahuan	109
4.2.2	Sistem Kemasyarakatan	118
4.2.2.1	Sistem Politik dan Sistem Hukum	118
4.2.2.2	Sistem Kerabatan dan Perkahwinan	121
4.2.2.3	Hidup Bermasyarakat	126
4.2.3	Bahasa	133
4.2.3.1	Bahasa Dialek	134
4.2.3.2	Bahasa Istana	139
4.2.4	Kesenian	143
4.2.5	Sistem Agama dan Kepercayaan	148
4.2.5.1	Kepercayaan dan Ritual	148
4.2.5.2	Kematian	154
4.2.5.3	Firasat	157
4.2.5.4	Agama dan Kepercayaan Kepada Tuhan	161
4.2.6	Teknologi dan Peralatan Hidup	169
4.2.6.1	Teknologi	169
4.2.6.2	Peralatan Hidup	176
4.3	Penutup	181
BAB 5	Rumusan, Cadangan dan Penutup	
5.1	Pengenalan	182
5.2	Rumusan	183
5.3	Cadangan	190
5.4	Penutup	195
BIBLIOGRAFI		197
BIODATA PENULIS		209

Jadual 1.5: Tajuk cerita rakyat yang terdapat dalam *teks Seuntai
Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu,
Kelantan*


13



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN


	SENARAI CARTA	HALAMAN
Carta 1 :	Teori Pengkaedahan Melayu	92
Carta 2 :	Jenis pengkaedahan Alamiah	95
Carta 3 :	Jenis Pengkaedahan Keagamaan	98




UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian cerita rakyat yang menjalankan penelitian secara terperinci terhadap identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam *teks Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih mengfokuskan kepada unsur budaya dengan mengetengahkan isi kandungan teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Oleh itu, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dilihat terdapat begitu banyak kebudayaan masyarakat Melayu. Di dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan 32 cerita rakyat yang terdapat di dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu secara kaedah kepustakaan dan juga analisis teks. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini menerusi pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan diterapkan bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi dapatan kajian. Hasil daripada analisis telah membuktikan bahawa melalui cerita rakyat Melayu, kita dapat lihat dengan jelas akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Melayu yang dipelihara dan dijadikan sebagai norma kehidupan seharian oleh masyarakat Melayu.

Kata kunci; Cerita rakyat, identiti, kebudayaan, masyarakat Melayu, Teori Pengkaedahan Melayu, teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

The Cultural Identity of the Malay Community in the Text of *an Oral Narrative in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*

ABSTRACT

This study is a folklore study that conducts detailed research on the cultural identity of the Malay community in the text of the *Oral Narrative Chain in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. This study was conducted with the aim of filling the void of previous studies that focus more on cultural elements by highlighting the content of the text of *the Oral Narrative in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. Therefore, the objective of this study is to identify and analyze the cultural identity of the Malay community in the text of *the Oral Narrative Strand in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan* through a study of Malay community. In this study, the researcher has limited 34 of the folklore found in the text of *the Oral Narrative Strand in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. In addition, this study uses a qualitative method which is a bibliographic method and also a text analysis. Application of the Malay Methodology Theory has been applied by the researcher in this study through natural methods and religious methods applied to strengthen and strengthen the findings of the study. The results of the analysis have proven that through Malay folk tales, we can clearly see the cultural identity of the Malay community in Malay folk tales which are preserved and used as the norm of daily life by the Malay Community.

Keywords ; Folklore, identity, culture, Malay society, Theory of Malay Methodology, the text of an *Oral Narrative Chain in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sebagaimana yang sudah kita fahami, karya sastera adalah suatu karya yang telah diciptakan oleh pengarang yang bertujuan untuk memberi pengajaran dan membentuk sahsiah diri masyarakat dengan penerapan unsur dan nilai-nilai murni di dalam sesebuah karya sastera. Selain itu juga, karya sastera dianggap sebagai sebuah harta dan khazanah yang sangatlah ternilai harganya bagi masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana sastera telah dianggap sebagai sebuah medium penjaga peradaban sepanjang zaman. Malah, kandungan yang terdapat di dalam sesebuah karya sastera mengandungi nilai, norma dan juga cara kehidupan masyarakat Melayu yang mestilah diperturunkan dan dipelihara oleh generasi sekarang dan akan datang. (Samsudin A. Rahim, 2001).

Perkataan kesusasteraan berasal dan berasaskan daripada perkataan sastera. Menurut *Kamus Dewan* (2007:1396), sastera merupakan bahasa yang telah digunakan dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan). Manakala, kesusasteraan pula bermakna hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu. Menurut Hashim Awang (1987:4) mengatakan bahawasanya kesusasteraan berasal daripada penggunaan bahasa untuk dijadikan sebagai alat penyampaian kepada masyarakat. Sebagai sebuah ciptaan seni, ciptaan sastera itu sangat indah dan keindahan ciptaan sesebuah karya sastera itu diperlihatkan melalui penggunaan bahasanya.

Seterusnya, cerita rakyat merupakan salah satu daripada khazanah masyarakat Melayu dan ianya merupakan satu bentuk sastera rakyat Melayu yang tertua sekali. Menurut Utley (1965), menyatakan definisi sastera rakyat adalah bercorak lisan yang dipertuturkan. Manakala menurut Othman Puteh (1984), sastera rakyat bermaksud ianya diceritakan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Kebanyakkan cerita rakyat berasaskan kepada keadaan persekitaran, cara hidup masyarakat dan juga budaya pada waktu tersebut. Tambah beliau lagi, setiap naratif rakyat yang telah diciptakan akan meliputi dan merangkumi unsur-unsur seperti hiburan, pengajaran, nilai murni dan lain-lain lagi unsur yang telah diterapkan di dalam sesebuah cerita rakyat. Dapat disimpulkan disini bahawasanya naratif rakyat ini merupakan suatu penceritaan yang telah diucapkan menerusi percakapan.

Manakala, kebudayaan pula dapat dimaksudkan sebagai satu cara kehidupan. *Kamus Dewan* (2005) mendefinisikan budaya sebagai kemajuan dari segi fikiran, akal budi iaitu cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya. A. Aziz Deraman (1994), menyatakan budaya membawa maksud satu gaya kehidupan yang diperturunkan kepada satu generasi ke satu generasi yang merangkumi segala perbuatan, pemikiran dan juga hak pemilikan sesuatu perkara dalam suatu kehidupan. Oleh itu, disini dapat kita simpulkan bahawasanya budaya adalah sebagai satu cara hidup yang diamalkan oleh suatu kumpulan tertentu dan ianya meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan juga nilai.

Seterusnya kita dapat lihat pengertian daripada Monier (1981), yang menyatakan budaya merujuk kepada suatu gaya pemikiran sesuatu kaum yang telah menyebabkan kepada pembentukan sahsiah kehidupan manusia. Hal ini kerana manusia mempunyai kebijaksanaan dan juga akal fikiran kreatif, yang mana mereka dapat mendalami, memahami dan menghayati antara satu sama lain melalui intelek ini. Manusia juga boleh mengadaptasikan cara hidup mereka dengan alam persekitaran,

yang mana kita dapat lihat proses penyesuaian tersebut melahirkan budaya yang berbeza-beza antara kawasan.

Rentetan daripada definisi tentang kesusasteraan, cerita rakyat dan juga kebudayaan yang telah diberikan oleh pengkaji di dalam pengenalan ini, pengkaji akan mengkaji identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana seperti yang dinyatakan di setiap pengertian di atas, kebudayaan masyarakat Melayu amatlah penting dan ianya merupakan salah satu perkara yang sering digambarkan dan diceritakan di dalam sesebuah cerita rakyat Melayu seperti yang dinyatakan oleh Wan Abdul Kadir (2007) menjelaskan warisan daripada gaya kehidupan masyarakat telah mewujudkan kebudayaan dan menjadi identiti dan lambang diri sesuatu masyarakat. Selain itu, kita dapat lihat dengan jelas bahawasanya, para pengarang akan mengambil alam persekitaran dan masyarakat sekeliling mereka lalu dijadikan sebagai inspirasi dan juga pemangkin dalam penciptaan sesebuah karya sastera. Kita dapat lihat disini melalui norma kehidupan dan alam sekeliling, telah mewujudnya kebudayaan lalu diterapkan di dalam sesebuah cerita rakyat

Secara kesimpulannya, cerita rakyat adalah satu perkara yang dipertuturkan secara lisan oleh masyarakat pada zaman dahulu dan diwarisi oleh mereka dari satu generasi ke generasi yang baru. Manakala, identiti kebudayaan masyarakat Melayu pula adalah satu perkara yang bersifat dinamik dan juga diwarisi dari satu kumpulan ke kumpulan yang baru. Identiti kebudayaan ini lebih tepat menggambarkan sesuatu perkara yang dimiliki oleh sesuatu anggota masyarakat Melayu. Pada kajian pada kali ini, pengkaji akan mengkaji identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai Naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dengan satu penelitian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang.

1.2 Penyataan Masalah

Pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah dalam penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Antara permasalahan yang didapati oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu melalui pemerhatian terhadap sorotan kajian yang lepas oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu yang berkaitan dengan kajian identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah melihat kajian lepas oleh para pengkaji yang terdahulu dari aspek pengkajian terhadap cerita rakyat dan juga pengkajian terhadap Teori Pengkaedahan Melayu. Terdapat beberapa kajian yang telah diteliti dan diperhatikan oleh pengkaji seperti kajian oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Shaifudin Yusof (2015), Siti Zuhaidah Zakaria dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016), Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016), Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), Mohd Fahmi Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019), Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Sehubungan dengan itu, kajian-kajian lepas ini telah membuktikan bahawa kajian terhadap cerita rakyat yang dilaksanakan oleh pengkaji lebih memberikan penelitian terhadap aspek nilai murni, aspek nilai dan juga nilai budaya tanpa mengutarakan kepada aspek identiti dan juga aspek kebudayaan dalam kajian.

Hasil daripada pemerhatian terhadap kajian-kajian lepas tersebut, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu* masih belum diberikan pemerhatian secara khusus dan mendalam oleh para pengkaji. Selain mengetengahkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu, pengkaji berhasrat dan berharap kajian ini dapat menarik kembali minat masyarakat agar mereka dapat melihat akan kepentingan cerita rakyat ini.

Selain itu juga, permasalahan yang pengkaji telah ditemui dalam mengkaji identiti kebudayaan masyarakat Melayu ini adalah melalui kesan yang telah ditonjolkan dan ditampilkan menerusi unsur kebudayaan ini kepada anggota masyarakat. Seperti yang kita sedia maklum, setiap perkara membawa dua perkara di dalamnya iaitu yang dapat dilihat dari sudut positif dan juga negatif. Dari sudut positif, pengarang telah menghasilkan naratif lisan dan juga cerita rakyat ini dengan tujuan yang tertentu. Ianya bukan sahaja untuk memaparkan nilai-nilai dan juga pengajaran yang positif, selain daripada memaparkan akan identiti kebudayaan yang dimiliki dan diperturunkan oleh masyarakat Melayu terdahulu kepada satu generasi ke satu generasi yang baru agar adat resam dan juga tradisi masyarakat Melayu dapat dipetahankan dan dikekalkan. Namun begitu, ianya juga telah memberi kesan yang sangat buruk dan negatif kepada masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, unsur kebudayaan yang telah diterapkan dan dipertonjolkan di dalam cerita rakyat menerusi pengamalan adat istiadat dan juga tradisi yang dipraktikkan oleh masyarakat di dalam cerita rakyat telah menggambarkan dan memaparkan keburukannya yang tersendiri. Sebagai contoh yang kita dapat lihat di dalam cerita rakyat adalah melalui kepercayaan dan juga pengamalan masyarakat Melayu dengan mengamalkan kepercayaan dan ritual penyembahan makhluk-makhluk halus yang dikatakan dapat membantu mereka. Sedangkan kita tahu, sebagai seorang manusia dan juga hamba Allah, kita perlulah meletakkan sepenuh pengharapan dan juga pergantungan hanya kepada Allah SWT dan bukan kepada makhluk ciptaan-Nya seperti jin dan penunggu. Maka, ia sangat jelas di sini ianya telah membawa pengamalan adat tradisi dan juga kebudayaan yang buruk kepada masyarakat.

Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu ini adalah merupakan satu perkara atau khazanah yang sangat tidak ternilai yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Oleh disebabkan hal yang sedemikian. Kajian mengenai identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu ini sangatlah wajar untuk dilaksanakan dan

dilakukan kajian keatasnya bagi menyelesaikan permasalahan kajian ini. Kajian ini akan dapat memberi pemahaman dan pencerahan dengan lebih jelas dan terperinci mengenai identiti kebudayaan masyarakat Melayu terutamanya melalui cerminan identiti kebudayaan yang terkandung dalam teks *Seuntai Naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.



1.3 Persoalan Kajian

Persoalan yang didapati oleh pengkaji di dalam kajian ini ialah:-

1.3.1 Apakah identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai* Naratif

Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?

1.3.2 Bagaimanakah identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai*

Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?

1.3 Objektif Kajian

Objektif yang didapati oleh pengkaji di dalam kajian ini:

- 1.4.1 Mengenalpasti identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu*.
- 1.4.2 Menganalisis identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.



1.5 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan hanya tertakluk kepada beberapa batasan kajian iaitu kajian hanyalah mengfokuskan hanya beberapa buah cerita rakyat iaitu ianya terhad dan terbatas kepada 32 buah naratif lisan yang pengkaji pilih yang terkandung dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob yang merangkumi aspek seperti cerita asal usul, cerita mistik, cerita tokoh dan juga cerita binatang. Buku ini telah diterbitkan oleh Penerbit UMK, dan dicetak oleh Pencetakan Mesbah Sdn Bhd pada tahun 2021.

Seterusnya, justifikasi daripada pemilihan buku ini, di dalam pengkajian ini, pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih buku teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana ianya telah memaparkan dan mengandungi begitu banyak gaya bahasa, kritikan sosial, banyak nilai, plot yang menarik, banyak pengajaran dan juga unsur kebudayaan yang telah dipamerkan di dalam buku ini.

Daripada sudut gaya bahasa, buku ini mempunyai gaya bahasa yang sangat menarik dengan setiap kosa katanya yang bukan sahaja mudah difahami oleh pembaca, tetapi juga dapat menarik pembaca untuk membacanya disebabkan oleh kerana keindahan gaya bahasa yang terkandung di dalam buku teks ini. Definisi gaya bahasa menurut Aminuddin (1995: 5) yang menyatakan gaya bahasa bermaksud gaya yang telah pengarang gunakan di dalam penulisan untuk menggambarkan gagasan penulisan mereka yang mengandungi kesan dan tujuan yang hendak dicapai oleh pengarang. Oleh itu, penulis buku ini telah menerapkan begitu banyak gaya bahasa yang kepelbagaian di dalam buku ini yang menyebabkan ianya telah menimbulkan nilai estetikanya yang tersendiri. Selain itu juga, gaya bahasa ini juga bermaksud adalah satu bentuk retorik, iaitu pengarang telah menggunakan kata-kata dalam melakar penulisan dan pembicaraannya untuk menarik minat pembaca di samping

mempengaruhi dan meyakinkan pembaca (Tarigan,1985: 5). Oleh itu, jelaslah disini bahawasanya antara salah satu faktor pemilihan buku teks ini adalah melalui gaya bahasanya.

Selain itu, buku ini juga mengandungi begitu banyak kritikan sosial. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana pengkaji telah menghasilkan sebuah karya yang bukan sahaja sebagai alat untuk berhibur semata-mata tetapi juga ingin memberikan kritikan terhadap permasalahan sosial yang berlaku yang mana jika ianya tidak ditangani akan membawa kepada perpecahan masyarakat. Sedangkan kita ingin mencapai kehidupan yang aman dan harmoni di dalam kehidupan bermasyarakat ini.

Pemilihan buku teks ini oleh pengkaji juga adalah kerana disebabkan oleh mengandungi plot yang menarik. Kita dapat lihat bahawa penulis telah menerapkan dan menyusun plot yang terdapat di dalam cerita ini dengan baik sekali. Kita dapat lihat menerusi plot permulaan, plot kemuncak, plot peleraian yang disusun secara teratur telah menyebabkan ianya menjadi satu penceritaan yang menarik. Hal ini dapat membuatkan pembaca tertarik dan berminat untuk meneruskan pembacaan buku ini kerana plot yang dimiliki tidaklah berterabur sehingga menyebabkan kekurangan minat di dalam diri pembaca untuk membacanya. Oleh tu, jelaslah disini bahawa buku teks ini mempunyai plot penceritaan yang menarik yang dapat menjadi tarikan pembaca.

Seterusnya, pengkaji telah memilih buku ini adalah kerana buku ini sarat dan kaya dengan nilai-nilai dan pengajaran. Definisi nilai menurut Shukri Ahmad (2002), menyatakan nilai bermaksud satu perkara yang dimiliki oleh individu seperti keinginan mereka yang diteguhkan oleh akal fikiran dan memberi kesimpulan yang positif dan baik di dalam kehidupan seseorang. Manakala, Latifah Abdul Majid (2012), menyatakan nilai murni bermaksud satu kelakuan yang murni, tatasusila dan juga peradaban yang dimiliki oleh seseorang individu di dalam hubungannya dengan

sesama masyarakat, Tuhan dan juga alam semesta. Di sini, dapat disimpulkan bahawa nilai adalah merupakan keinginan dan juga keperibadian yang menonjolkan sifat-sifat yang murni dan baik yang ingin ditonjolkan di dalam cerita rakyat. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana penulis bukan sahaja telah menghasilkan sebuah buku yang dapat digunakan ketika bagi memenuhi masa lapang dan juga untuk berhibur, tetapi penulis juga turut menerapkan nilai-nilai murni dan juga pengajaran yang dapat diambil dan dijadikan sebagai teladan dan juga tauladan kepada diri masyarakat. Nilai dan pengajaran ini adalah sangat penting untuk diterapkan di dalam diri masyarakat kerana ianya memainkan peranan yang besar bukan sahaja mampu untuk membentuk keperibadian masyarakat yang mulia tetapi juga dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Oleh itu, jelaslah disini bahawa buku teks ini sangat kaya dengan nilai dan juga pengajaran yang telah disajikan kepada pembaca.

Akhir sekali, pemilihan buku teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini adalah kerana ianya sarat dengan unsur kebudayaan. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana penulis telah menerapkan begitu banyak unsur-unsur kebudayaan di dalam setiap cerita di dalam buku ini. Dan setiap cerita rakyat yang terdapat di dalam buku ini telah mempamerkan akan budaya dan identiti mereka yang tersendiri dan unik. Hal ini juga bertepatan dengan objektif dan juga kajian pengkaji yang ingin mengkaji unsur kebudayaan yang terkandung di dalam naratif rakyat yang mendorong pengkaji untuk memilih buku ini sebagai rujukan utama dalam kajian. Oleh itu, jelaslah disini bahawasanya buku teks ini sangat sarat dengan unsur-unsur kebudayaan yang melambangkan kepada identiti kebudayaan masyarakat Melayu.

Pengkaji memilih beberapa buah cerita rakyat di dalam teks tersebut yang dirasakan sesuai untuk mengkaji identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* merangkumi

32 cerita rakyat yang telah dipilih oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini yang terdapat di dalam jadual di bawah.

Jenis Cerita	Tajuk Cerita	Unsur Kebudayaan
Cerita Asal Usul	1. Asal Usul Datu	• Sistem Pengetahuan
	2. Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu	• Hidup Bermasyarakat • Kesenian • Bahasa Dialek
	3. Kain Sutera Cina	• Firasat
	4. Pertahanan Benteng Pengkalan Datu	• Teknologi
	5. Kegemilangan Pengkalan Datu	• Sistem Ekonomi • Sistem Kerabatan dan Perkahwinan
	6. Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu	• Sistem Pengetahuan • Bahasa Istana
	7. Simbolik Rebana	• Perkahwinan • Kesenian
	8. Musibah di Kampung Pulau Gajah	• Hidup Bermasyarakat
	9. Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani	• Sumber Pencarian • Kesenian
	10. Keasyikan Suara Buluh Perindu	• Sumber Pencarian • Teknologi dan Peralatan Hidup
	11. Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik	• Sistem Politik
	12. Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas	• Teknologi
	13. Kepesatan Pengkalan Parit	• Hidup Bermasyarakat
	14. Lipat Sanggul Petempatan Residen British	• Bahasa
Cerita Mistik	1. Misteri Batu Hampar	• Sistem Pengetahuan
	2. Kehebatan Bomoh Siam	• Kepercayaan Kepada Tuhan
	3. Pemujaan Pantai	• Kepercayaan dan Ritual
	4. Pemujaan Tok Mekong	• Kepercayaan dan Ritual • Teknologi dan Peralatan Hidup
	5. Misteri Gajah Berkaki Enam	• Teknologi dan Peralatan Hidup
	6. Jelmaan Mok Kurus	• Sumber Pencarian, • Hidup Bermasyarakat • Kematian
	7. Jelmaan Saka Harimau	• Kepercayaan dan Ritual
	8. Berpuakakah Pengkalan Parit?	• Kepercayaan dan Ritual
Cerita Tokoh	1. Haji Long Abdul Rahman	• Sistem Pengetahuan • Teknologi
	2. Kehebatan Laksamana Laut	• Bahasa Istana
	3. Bidan Tok Haji Esah	• Hidup Bermasyarakat
	4. Kehebatan Pawang Ali	• Kepercayaan Kepada Tuhan
	5. Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta	• Kepercayaan Kepada Tuhan
	6. Raja Sakti Pemerintah Berwibawa	• Sistem Kerabatan dan Perkahwinan
	7. Nik Mat Keturunan Raja Banjar	• Hidup Bermasyarakat
	1. Keajaiban Si Kera Putih	• Sistem Pengetahuan • Bahasa Dialek

Cerita Binatang		• Kepercayaan Kepada Tuhan
	2. Kisah Sekumpulan Tupai	• Sistem Pengetahuan • Kepercayaan Kepada Tuhan
	3. Kebijakan Burung Hantu	• Peralatan Hidup

Jadual 1.5: Tajuk cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Seterusnya, penelitian ini hanya terbatas kepada aspek yang merangkumi identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Melayu dan akan dianalisis dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989 menerusi Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan yang digunakan dalam kajian ini adalah kerana ianya dilihat sangatlah bersesuaian dan bertepatan dengan fokus dan juga kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam *teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengaplikasian teori ini di dalam kajian adalah bertujuan untuk menjadikan ia sebagai garis panduan supaya objektif kajian ini tidak tersasar arah dan bertepatan dengan perkara yang pengkaji inginkan. Jelaslah di sini bahawa, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu ini akan dapat membuktikan akan kesesuaian dan ketepatan akan dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah kajian ini dilakukan bagi memahami dan mendalami dengan lebih dalam lagi akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini amat penting untuk dilakukan bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pengkaji tetapi kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada masyarakat lain, terutamanya kepada pengkaji-pengkaji yang baru yang ingin mengkaji identiti masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu seperti kajian ini. Ianya juga dapat memberi manfaat kepada pembaca yang mana mereka mendapatkan maklumat berkaitan kajian ni dengan lebih dalam dan terperinci.

Selain itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat bukan sahaja pada pelajar atau pengkaji tetapi juga kepada kanak-kanak, pembaca, dan juga bagi mereka yang ingin mengetahui dan mendalami dengan lebih dalam lagi akan identiti kebudayaan yang terdapat di dalam teks ini. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana naratif ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat akan naratif yang diceritakan. Kita dapat lihat di dalam naratif tersebut, gambaran kehidupan dan juga identiti yang dimiliki oleh masyarakat Melayu yang diceritakan di dalam naratif tersebut, amat terserlah identiti dan juga kebudayaan mereka yang digambarkan oleh penulis dan pencerita.

Kepentingan yang kita dapat lihat dengan jelas yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat di negara kita ialah melalui kupasan dan huraian akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* secara tidak langsung ianya dapat memberikan pendedahan dan pencerahan kepada seseorang individu menerusi aktiviti membaca dan menghayati akan kenyataan dan kebiasaan kehidupan yang dijalani oleh masyarakat terdahulu yang mempraktikkan dan menerapkan kepelbagaian budaya dalam meneliti

kehidupan seharian mereka. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana ianya mula menjadi satu hal yang sangat penting kerana masyarakat Melayu telah memilih untuk menerapkan unsur budaya ini untuk dijadikan sebagai pemangkin dan arus permulaan dalam pembentukan budaya masyarakat yang dapat bersatu dan hidup secara harmoni dan sejahtera dengan adanya penerapan kebudayaan ini. Contoh jelas yang dapat kita lihat ialah melalui cara hidup, perhubungan kemasyarakatan yang terjalin, adat resam, alam dan sekeliling dan sebagainya yang dipraktik di dalam norma seharian mereka telah memperlihatkan corak kehidupan masyarakat yang bertamadun dengan adanya wujudnya hubungan sosial yang baik antara satu sama lain. Oleh itu, menerusi unsur kebudayaan yang telah diterangkan berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* kepada masyarakat telah menjadi satu perkara yang penting kerana ianya merupakan tunggak utama di dalam sesuatu budaya masyarakat tersebut yang akan terbentuk dengan lebih dinamik lagi.

Oleh yang sedemikian adalah diharapkan agar kajian–kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini terhadap naratif lisan yang dipilih di dalam buku teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* terus berkembang kajiannya agar dapat menjadi rujukan oleh generasi muda yang akan datang dan juga kerja–kerja pendokumentasian akan terus diusahakan oleh pengkaji–pengkaji lain agar khazanah yang tidak ternilai ini akan terus berkekalan bukan sahaja di dalam simpanan masyarakat tetapi juga berada dekat di dalam hati masyarakat Melayu.

1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan sebahagian daripada penelitian dan kajian yang berfungsi untuk menghuraikan dan menegaskan kenyataan dan juga perkataan atau isu utama yang terdapat di dalam kajian ini. Antara perkataan yang akan didefinisikan secara operasi iaitu ialah cerita rakyat, identiti, kebudayaan, masyarakat dan juga Melayu.

1.7.1 Cerita rakyat

Menurut Fatimah Md. Yassin (1991), menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan sebahagian daripada sastera rakyat yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain melalui tradisi lisan. Beliau berkata lagi bahawa sastera rakyat merupakan sebuah hasil kreatif golongan rakyat desa terutamanya masyarakat tani yang sederhana hidupnya ini adalah kerana untuk bertujuan untuk berhibur dan juga memberi nasihat dan juga pendidikan tidak formal kepada masyarakatnya.

Selain itu, menurut Aripin Said (1996: 15) dan juga Normaliza Abd Rahim (2014) menyatakan bahawa cerita rakyat ini adalah sastera lisan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu dari satu generasi ke generasi yang lain. Manakala, Harun Mat Piah, et al. (2006: 85), menyatakan bahawa sastera rakyat adalah merupakan suatu hasil sastera milik satu kumpulan masyarakat yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan.

Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan disini bahawasanya sastera rakyat merupakan hak milik masyarakat Melayu. Perkara ini dapat dinyatakan sebegitu kerana naratif lisan merupakan suatu perkara yang terhasil daripada pengucapan masyarakat Melayu dan warisan tradisi yang diperturunkan oleh generasi yang baru. Ianya juga dapat menggambarkan fenomena dan juga gambaran kehidupan, pandangan dunia dan juga budaya dan kebudayaan masyarakat tradisi kita.

1.7.2 Identiti

Merujuk kepada *Kamus Dewan edisi keempat* (2013), identiti adalah merupakan sifat-sifat yang terdapat pada sesuatu sebagai memperkenalkannya atau membezakannya daripada yang lain. Identiti juga bermaksud sebagai suatu 'tanda' pengenalan yang membezakan suatu perkara dengan yang lain. Sebagai contoh yang kita dapat lihat disini ialah, nama dan juga agama yang terdapat pada seseorang individu tersebut mencerminkan identiti individu tersebut dengan yang lain.

Selain itu, di dalam "The Value of Difference" (Chris, 2004), Chris menyatakan identiti merupakan kunci utama dalam isu semasa yang terjadi pada hari ini dimana ianya kesan daripada migrasi, penjajah yang telah menjajah, isu permasalahan globalisasi, dan juga pergerakan sosial yang telah menjadi sebuah isu perdebatan dalam penyelidikan sains sosial dan juga kemanusiaan.

Seterusnya, menurut Abdul Rahman Embong (1999), menjelaskan bahawa identiti merupakan satu perkara yang individu itu miliki yang melibatkan cara bagaimana satu identiti mencuba untuk mengerti dan memahami dunia persekitarannya. Tambahan beliau lagi, identiti ini adalah suatu yang berhubung dan berkait rapat dengan pelbagai sumber seperti sejarah, agama, geografi sosial, memori kolektif, alam sekitar, khayalan peribadi dan juga mempunyai pengaruh terhadap kelakuan dan juga aktiviti manusia tersebut. Dan akhir sekali, merujuk Athusser di dalam buku (Criss, 2004), identiti merupakan harta atau barang atau hak milik yang dipunyai atau dimiliki oleh sesuatu dan dimiliki dan diketahui individu atau sesuatu entiti berdasarkan sifatnya yang disedari oleh individu tersebut.

1.7.3. Kebudayaan

Terdapat beberapa definisi bagi kebudayaan. Yang pertama ialah menurut Edward (1972), menyatakan bahawa kebudayaan adalah satu sistem kompleks yang mencakupi segala perkara seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat, kemampuan dan juga kebiasaan atau juga kelebihan atau kurniaan yang diperoleh dan didapati oleh seseorang manusia sebagai anggota masyarakat. Manakala menurut Bronislaw (1942), mendefinisikan kebudayaan sebagai satu penyelesaian manusia yang merangkumi segala lingkungan hidupnya serta usaha untuk mempertahankan kelangsungan hidupnya sesuai dengan tradisi yang terbaik. Beliau juga menegaskan bahawa hubungan manusia dengan alam semesta dapat digenerasikan atau diperturunkan secara lintas budaya.

Selain itu, menurut Roger (1992), menyatakan bahawa definisi kebudayaan ini melalui dua pendekatan iaitu adaptif dan ideasional. Kebudayaan menurut pendekatan adaptif merupakan perkara yang melibatkan fikiran dan juga perilaku sifat seseorang individu atau anggota masyarakat. Manakala, menurut pendekatan ideasional kebudayaan pula ialah ianya hanyalah melibatkan pemikiran sahaja. Dan akhir sekali, menurut Koentjaraningrat (1999), mendefinisikan kebudayaan sebagai seluruh sistem gagasan dan rasa, tindakan serta karya atau sesuatu yang dihasilkan oleh manusia dalam kehidupan bermasyarakat yang diperoleh individu tersebut melalui pembelajaran dan sebagainya.

1.7.4. Masyarakat

Pengertian masyarakat menurut Soerjono Soekanto (2006), masyarakat merupakan sekumpulan manusia (individu) yang tinggal di sesuatu tempat atau wilayah tertentu yang saling berinteraksi dan saling berhubung dalam kehidupan sosialnya, berkumpul dan saling bergantung antara satu sama lain. Manakala menurut beliau lagi, masyarakat pendatang ditafsirkan dan diertikan sebagai

masyarakat yang datang dari satu daerah ke suatu daerah yang lain akibat daripada mutasi dan hidup masyarakat yang bersatu dengan yang lain, lalu menimbulkan dan munculnya akan perbezaan dari segi kaum, ras, budaya dan adat istiadat oleh masyarakat tempatan.

Selain itu, definisi menurut J.L. Gilin dan J.P. Gilin dalam Syani (2012:32), masyarakat didefinisikan sebagai masyarakat yang merupakan kelompok manusia yang terbesar dan mempunyai kebiasaan, tradisi, adab, budaya, sikap dan persatuan yang sama. Comte dalam Syani (2012: 31) pula mendefinisikan masyarakat merupakan suatu kelompok makhluk hidup dengan realitas-realitas baru yang berkembang mengikut hukumnya yang tersendiri dengan berkembang mengikut dalam pola perkembangannya yang tersendiri.

1.7.5. Melayu

Menurut *Kamus Dewan* (2007), Melayu dapat ditakrifkan dan diertikan sebagai nama akan sesuatu bangsa atau bahasa. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana dengan merujuk dan dilihat melalui penggunaan bahasa pertuturan iaitu Melayu dan bangsa pula boleh dirujuk melalui pengamalan dan juga cara kehidupan orang Melayu.

Selain itu juga, menurut Husni Thamrin (2018), menyatakan bahawasanya istilah Melayu dipergunakan oleh manusia yang terarah kepada salasilah raja pada zaman dahulu, lalu istilah Melayu telah ditukar bagi menunjukkan kepada sesuatu suku kaum pada abad ke-17. Hal ini dapat dilihat dan menggambarkan akan kesamaan dengan salasilah budaya Melayu. Dan sehinggalah pada masa sekarang, istilah Melayu merujuk dan menunjukkan kepada seseorang individu yang menuturkan bahasa Melayu serta beradat Melayu dan juga beragama Islam.

Selain itu juga, menurut Syed Husin Ali (2008), menyatakan istilah Melayu sangatlah meluas dimana ianya merangkumi masyarakat yang duduk dan tinggal di kepulauan Melayu walaupun mempunyai berbagai budaya, bahasa ataupun juga suku bangsa yang berbeza tetapi dinyatakan sebagai satu rumpun keturunan Melayu yang sama. Manakala menurut Mohd Fadli Ghani (2018), menyatakan masyarakat Melayu dapat dianggap sebagai kaum yang bercakap dengan menggunakan Bahasa Melayu, gaya hidup yang berpaksikan kepada budaya Melayu dan menetap di Semenanjung dan Kepulauan Melayu. Secara kesimpulannya di sini dapat dikatakan bahawasanya definisi Melayu merujuk kepada bangsa yang berbahasa Melayu yang tinggal dan bertempat di Semenanjung Tanah Melayu, Pantai Timur Sumatera dan lain-lain lagi tempat di Nusantara.

1.8 Organisasi Kajian

Penyelidikan ini telah terbahagi kepada beberapa bahagian dimana dapat dilihat secara menyeluruh, penyelidikan ini terbahagi kepada daripada lima bahagian. Pembahagian dan penyusunan bab telah diatur mengikut turutan dan aturan yang seragam bagi memudahkan segala kajian penyelidikan dan penghasilan laporan pengkajian dapat dijalankan dengan teratur dan baik.

Seperti yang dinyatakan di atas, ianya akan dimulakan dengan bab 1 iaitu bab yang akan membincangkan tentang pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan organisasi kajian (pembahagian bab). Selain itu, pengkaji juga telah menyatakan batasan kajian dalam kajian ini dimana pengkaji telah membataskan teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai tunjang untuk mendapat hasil analisis kajian untuk kajian ini. Akhir sekali, pengkaji akan mengutarakan definisi secara operasi melalui perkataan yang telah mendorong kepada kewujudan akan tajuk penyelidikan ini dan menjelaskan secara terperinci pada batasan kajian. Pengkaji telah menekankan kepada maksud takrifan cerita rakyat, identiti, kebudayaan, masyarakat, dan Melayu dinyatakan dalam kajian kerana perkataan-perkataan ini akan diucapkan sehingga akhir penyelidikan ini.

Selain itu, di dalam bab 2 pengkaji akan mengemukakan sorotan kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu yang merujuk kepada tajuk Identiti Kebudayaan Masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu*. Di dalam bahagian ini juga, kajian-kajian oleh pengkaji lepas telah pengkaji rujuk untuk dijadikan sebagai garis panduan dan tunjang dalam melaksanakan penyelidikan ini. Merujuk kepada hal ini yang sedemikian, pengkaji telah menelaah kajian-kajian lepas sebagai sumber rujukan yang berkenaan dengan

cerita rakyat Melayu dan Teori Pengkaedahan Melayu yang akan dilihat menerusi kepelbagaian aspek yang berlainan. Penyelidikan lepas yang dilaksanakan oleh penyelidik terdahulu dapat membawa manfaat dan membantu sebagai landasan dalam melaksanakan penyelidikan ini.

Di dalam bab 3 pula, pengkaji akan menjelaskan metodologi kajian iaitu kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif seperti kajian kepustakaan dan kajian teks bagi memperoleh isi-isi yang dapat membantu bagi melancarkan tugas dan kajian ini. Bahagian ini akan menjelaskan berkaitan cara pengkaji akan memperjelaskan kaedah yang ditetapkan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih mendalam, tersusun dan terperinci. Selain itu, di dalam bab ke 3 ini juga pengkaji akan mentakrifkan dan mendefinisikan Teori Pegkaedahan Melayu. Pengkaji akan menyatakan teori pilihan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang dipeloporkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Perkara ini supaya dapat merumuskan akan pemahaman kepada identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam teks terpilih dengan lebih dalam dan jelas lagi. Bab ini amat penting kerana ia akan menyampaikan serta menyatakan pendekatan yang akan diaplikasikan dalam penganalisan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks pilihan yang akan menjadi bahan kajian dan rujukan bagi mengukuhkan dan memantapkan analisis kajian.

Seterusnya, di dalam bab 4, pengkaji akan menganalisis identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji akan meneliti dengan lebih jelas identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu yang diguna pakai dalam menghasilkan kajian ini yang berdasarkan kepada cerita asal usul, cerita mistik, cerita tokoh dan juga cerita binatang. Antaranya adalah *Asal Usul Datu, Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik, Misteri Batu Hampar, Kehebatan Bomoh Siam, Raja Sakti Pemerintah Berwibawa,*

Keajaiban Si Kera Putih dan lain-lain lagi cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Perbincangan di dalam bahagian ini diharapkan mampu menggambarkan dengan jelas gambaran kepada masyarakat tentang identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks telah dipilih iaitu sebanyak 32 cerita rakyat Melayu.

Akhir sekali, bab 5 pula, pengkaji akan menumpukan kepada pengakhiran untuk merumuskan dan membuat kesimpulan keatas penyelidikan yang telah dilaksanakan. Pengkaji akan menghubungkan segala titik peluh pengkaji agar dapat menggapai dua objektif kajian. Penyelidikan ini akan memberikan kefahaman dalam masyarakat dan yang menjadi fokus utama ialah kefahaman masyarakat akan pentingnya identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu di dalam membentuk peribadi anggota masyarakat dan agar mereka dapat menghargai identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang dipelihara oleh nenek moyang mereka sejak zaman berzaman lagi.

1.9 Penutup

Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu bukan hanya sekadar sebuah cerita atau sebagai satu alat untuk hiburan yang berada dekat di dalam hati anggota masyarakat terutamanya masyarakat Melayu semata-mata. Tetapi cerita rakyat Melayu ini juga merupakan satu harta atau warisan yang sangat penting bagi anggota masyarakat. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana ianya merupakan satu perkara yang melambangkan identiti kebudayaan anggota masyarakat terutamanya masyarakat Melayu yang dapat dilihat melalui cara hidup, budaya, adat resam, sistem ekonomi atau sumber pencarian, peradaban, sistem kerabatan atau raja-raja, peralatan seperti muzik atau tarian tradisional dan sebagainya. Pengkaji juga berharap dengan adanya kajian ini, masyarakat dapat melihat dengan lebih jelas lagi akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang diwarisi oleh masyarakat terdahulu kepada kita melalui cerita rakyat ini. Sesungguhnya, identiti kebudayaan masyarakat Melayu ini amatlah penting terutamanya kepada anggota masyarakat. Hal ini agar anggota masyarakat tidak lupa akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang dipertahan dan dipelihara oleh nenek moyang kita sejak berzaman lagi. Harapan pengkaji semoga dengan adanya kajian sebegini, warisan kita yang tidak ternilai ini bukan sahaja akan terus mekar di dalam diri masyarakat tetapi juga ianya akan terus berkembang dari satu generasi ke satu generasi yang lain terutamanya generasi muda. Semoga warisan kita yang tidak ternilai harganya ini akan terus kekal dan berkembang mekar dan tidak lupus ditelan dek zaman arus kemodenan yang semakin lama semakin maju dari segi teknologi, pembangunan dan budayanya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian adalah satu bahagian yang akan memperlihatkan suatu fakta atau perkara yang telah dirujuk pengkaji yang merujuk kepada satu kajian oleh pengkaji lepas digunakan agar dapat menampung sesuatu objektif dan menyatakan bahawasanya teori yang dipilih merupakan satu pemilihan teori yang benar kerana mempunyai gagasannya yang tersendiri dan bukan hanya sebuah tekaan semata-mata. Melalui bahagian sorotan ini, pengkaji dapat mengumpulkan segala informasi yang berkaitrapat dengan kajian pengkaji iaitu identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks naratif lisan dengan mengaplikasi Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang.

Pada bahagian ini, pengkaji telah membataskan perbincangan hanyalah dua subtopik yang utama iaitu pengkajian terhadap cerita-cerita rakyat dan pengkajian terhadap pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam cerita rakyat. Dengan meneliti dan mengkaji penyelidikan lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana yang terkenal ini telah membuktikan bahawa adanya nilai keilmuan yang sangat hebat, kajian yang akan dilaksanakan ini dapat menyakinkan pengkaji akan keberkesanan kejayaan kajian ini. Pemahaman dan penelitian hasil kajian yang dilihat dalam kajian-kajian terdahulu yang berkaitrapat dengan tajuk pengkaji, pengkaji amat pasti ianya akan mampu membawa pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian yang mantap.

2.2 Pengkajian Terhadap Cerita-Cerita Rakyat di Malaysia

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntaiian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang mana ianya menumpukan kepada sebuah kajian kepada aspek nilai-nilai murni di dalam pembentukan tingkah laku masyarakat berdasarkan cerita rakyat Melayu. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji berpaksikan kepada objektif dan penganalisan terhadap nilai-nilai murni di dalam cerita rakyat Melayu. Pengkaji membataskan di dalam kajian ini hanya 16 nilai murni yang telah menggambarkan akan kebiasaan budaya masyarakat Melayu dengan sangat jelas. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif dan menerapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai tunjang dan rujukan untuk mengukuhkan lagi analisis. Pengkajian yang telah dijalankan oleh pengkaji ini telah membuktikan di dalam dapatan kajian mereka akan kepadatan dan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Melayu yang dapat dilihat dengan sangat jelas yang terkandung dalam teks *Seuntaiian 366 Himpunan Cerita Rakyat Malaysia*.

Selain itu, kajian oleh *Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2015)*, di dalam pengkajian mereka yang bertajuk *Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-kanak* yang berkisarkan satu kajian yang memberi pendedahan kepada golongan kanak-kanak dengan merujuk kepada koleksi cerita rakyat di dalam majalah Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah disiarkan pada setiap bulan yang mana telah memberi paparan berkaitan dengan cerita rakyat yang telah digunapakaikan sebagai satu usaha di dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu. Kajian ini telah membataskan kepada empat buah cerita rakyat yang telah disiarkan sebagai rujukan utama dan di dalam kajian ini juga, pengkaji telah mengaplikasikan Pendekatan Psikologi oleh Sigmund Freund dan juga Pendekatan Psikologi Perkembangan Kanak-kanak oleh Robert Hvighurst dan Jean Piaget. Hasil dapatan kajian yang diperolehi jelas memperlihatkan perbincangan yang memperlihatkan tentang tercetusnya konflik di dalam diri individu, konflik dalam konflik

dalam hidup bermasyarakat dan juga konflik yang berlaku dalam sesuatu institusi kekeluargaan.

Lagi kajian oleh Siti Zuhaidah Zakeria (2015), di dalam kajiannya yang bertajuk *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* berkisarkan mengenai cara penyampaian mengenai cerita rakyat yang dipaparkan dalam majalah Dewan Pelajar yang menjadi pilihan kanak-kanak yang mana permasalahan yang dilihat ialah mutu dan kelemahan di dalam penulisan dan penghasilan buku kanak-kanak dan remaja. Kajian ini dikaji berobjektifkan kepada mengenalpasti dan menganalisis cara menyampaikan cerita kanak-kanak dalam Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengkajian ini telah dibataskan di dalam pengkajian ini oleh pengkaji dengan hanya 21 cerita rakyat yang dipilih dan juga menggunakan kaedah kualitatif dengan pengaplikasian Teori Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak bagi memantapkan lagi analisis. Hasil kajian ini jelas mendapati bahawa cara menyampaikan cerita rakyat Melayu di dalam majalah tersebut dapat ditambahbaikkannya akan penulisannya.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015), di dalam kajian mereka yang bertajuk *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan* yang dilakukan oleh pengkaji bagi mengkaji unsur pengurusan yang terdapat di dalam cerita lipur lara. Objektif kajian ini dilakukan ialah melakukan analisis kepimpinan yang digunapakaikan di dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Pengkaji telah membataskan pengkajian ini dengan hanya meneliti *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dengan menggunakan dan merujuk kepada Prinsip Kepimpinan. Di dalam kajian ini juga, pengkaji telah menggunakan kaedah kepepustakaan bagi menghuraikan akan prinsip kepimpinan yang terkandung di dalam cerita. Oleh itu, pengkajian yang telah dilakukan oleh pengkaji ini telah membuktikan bahawasanya prinsip kepimpinan yang telah digunapakaikan ini dapat memartabatkan

aspek pengurusan yang jitu dalam teks sastera tradisional dan seterusnya dapat dijadikan sebagai teladan di dalam pembentukan sesebuah institusi yang diakhirnya dapat melahirkan budaya masyarakat yang mempunyai integriti diri yang tinggi.

Kajian oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusof (2015), di dalam kajian mereka yang bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Satu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* yang mana ianya kajian ini ingin menyatakan bahawa cerita rakyat adalah merupakan suatu medium pengukuhan kepada masyarakat Melayu dalam dunia kesusasteraan dapat dikekalkan ketamadunan orang Melayu dengan sebaiknya walaupun kita dapat lihat teknologi kini semakin lama semakin canggih. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah membincangkan dan mengenalpasti nilai jati diri yang dapat dilihat melalui kepada cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah bataskan hanya beberapa buah cerita rakyat Melayu yang dipelopori oleh Aripin Said dan Othman Putih. Di dalam pengkajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kepepustakaan dalam kaedah kualitatif dan pengaplikasian Teori Ekologi Budaya yang telah digunapakaikan bagi menganalisis data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji. Hasil yang telah diperolehi pengkaji di dalam kajian ini ialah telah memperlihatkan dengan jelasnya akan kehebatan keperibadian di dalam kehidupan masyarakat Melayu yang mana sampai sekarang kita dapat lihat masyarakat Melayu masih lagi mengamalkan amalan-amalan masyarakat Melayu terdahulu di dalam mendidik dan juga mengasuh anak-anak mereka.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), yang bertajuk *Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19*. Kajian ini menerangkan secara terperinci berkenaan dengan situasi yang menimbulkan berlakunya pergaduhan dan perselisihan yang telah menimbulkan konflik. Objektif kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji adalah untuk mengenal pasti dan juga membincangkan berkaitan dengan pengurusan konflik

yang terdapat di dalam buku cerita rakyat nusantara yang lama. Pengkaji telah membataskan sembilan buah cerita rakyat nusantara dan seterusnya menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian kepepustakaan dan juga analisis teks. Hasil kajian mendapati bahawasanya masyarakat Melayu terdahulu mempunyai caranya yang tersendiri bagi mengatasi sesuatu konflik yang berlaku. Kesimpulannya, di dalam hidup manusia akan adanya konflik yang perlu dihadapi dan diatasi bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Siti Zuhaidah Zakaria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) di dalam pengkajian mereka yang bertajuk *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak* berkisarkan kepada perlakuan yang dipraktikkan oleh rakyat diancam kepupusan disebabkan oleh faktor pembangunan dan perkembangan negara semasa. Objektif kajian ini dilakukan adalah mengenalpasti dan melakukan analisis unsur budaya kepada kanak-kanak menerusi cerita rakyat. Pembatasan kajian ini dilakukan oleh pengkaji dengan hanya memilih beberapa buah cerita rakyat dan menggunakan kaedah kualitatif iaitu keadah kepepustakaan. Dapatan kajian yang diperoleh pengkaji ialah mendapati tiga unsur budaya seperti ekspresif budaya seni, kepercayaan dan juga perubatan. Oleh itu, kita dapat lihat dengan jelas masyarakat masih lagi mempraktikkan unsur-unsur ini kerana ianya adalah merupakan jati diri masyarakat dan sekali gus dapat memperluaskan pemikiran kanak-kanak agar lebih kreatif dan tajam di dalam berfikir.

Selain itu, kajian oleh Normalia Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016) di dalam pengkajian mereka yang bertajuk *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea* yang berkisarkan satu penyelidikan tentang pendapat dan juga pandangan pelajar dari luar negara berkaitan dengan karya sastera lama. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah untuk membincangkan dan mengenalpasti akan persepsi pelajar luar mengenai

sastera dahulu. Pengkaji telah membatasi responden seramai 20 orang responden daripada Hankuk University of Foreign Studies, Korea dan juga hanya 3 buah cerita rakyat iaitu “*Sang Kancil dan Buaya*”, “*Sang Kancil dan Harimau*”, dan “*Gajah dan Semut*”. Di dalam pengkajian ini juga, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual berdasarkan kepada pemahaman mereka dan mengaplikasikan Teori Aplikasi Wacana. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja telah menyatakan bahawa naratif rakyat Melayu telah mendapatkan penyambutan yang baik oleh masyarakat luar, tetapi juga telah dapat memartabatkan warisan ini ke peringkat antarabangsa.

Kajian oleh Sesila Seli (2016) di dalam kajiannya yang bertajuk *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kayanatan: Kajian Hermeneutik* telah berkisarkan gambaran kejadian yang berlaku di dalam hidup orang tempatan. Objektif pengkajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis simbol-simbol spiritual dan nyata di samping melakukan penelitian ke atas aspek kearifan tempatan menerusi cerita rakyat Dayak Kayanatan. Pengkaji telah bataskan kajian ini hanya enam belas cerita rakyat Dayak Kayanatan dan menggunakan kaedah kepeustakaan dan juga pengaplikasian pendekatan Hermeneutik dalam kajian. Rumusan kajian mendapati pengkaji telah membicarakan akan kebudayaan dan moral nilai tempatan yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Dayak Kayanatan terutamanya di dalam pembentukan akhlak masyarakat.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Melayu Terhadap Masyarakat Melayu: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* yang membincangkan akan impak naratif cerita rakyat kepada tingkah laku masyarakat melalui nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat. Kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengutarakan mengenai nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat yang telah dipilih dan pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada cerita rakyat pilihan iaitu “*Tuan*

Puteri Si Helang Bakau”, “*Bismillah dan Raja Kuyuk*”. dan “*Isteri Yang Bongkak*”. Di dalam kajian ini juga pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan juga pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang sebagai tunjang dan panduan kajian. Hasil daripada kajian ini pengkaji telah berjaya menemukan dan mengemukakan beberapa nilai baik hati yang dapat mampu memberi kesan yang mendalam kepada individu yang mempraktikkannya di dalam kehidupan mereka.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Abd. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) di dalam pengkajian mereka yang bertajuk *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* yang berkisarkan akan keunikan nilai kebudayaan, budaya dan sejarah setiap bangsa. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis cerminan moral yang positif. Pengkaji membataskan kajian ini kepada empat buah cerita rakyat yang terkandung di dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* karya oleh Othman Putih dan Aripin Said. Di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dan menggunakan kaedah kualitatif bagi memantapkan lagi hasil kajian. Dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu dipenuhi dengan nilai-nilai murni yang telah dipupuk dan dipraktikkan di dalam hidup seharian mereka yang akhirnya membawa kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat

Kajian oleh Florina Jumil & Norjietta Julita (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun* yang berkisar aspek sejarah dan nilai pendidikan terhadap kaum Kadazandusun. Pengkaji menjalankan kajian ini berobjektifkan kepada untuk menganalisis dan mengenal pasti nilai moral di dalam cerita rakyat Kadazandusun. Di dalam kajian ini juga batasan kajian ditetapkan pengkaji hanya kepada cerita rakyat Kadazandusun yang terpilih dan

kaedah kualitatif digunakan di dalam kajian ini. Seterusnya pengaplikasian Teori Nunuk Ragang sebagai panduan untuk memantapkan lagi kajian ini. Hasil daripada kajian ini dapat dilihat dengan jelas bahawasanya cerita rakyat dapat menjadi satu alat pembelajaran yang sangat penting terutamanya di dalam membentuk keperibadian masyarakat.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Marianai Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Rinau Lintan, Arun Daud & Nor Asiah Muhamad (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* yang berkisarkan kajian yang berkaitan dengan medium bahan bacaan terhadap pembelajar kanak-kanak. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah menganalisis dan mengenal pasti keperluan modul pembelajaran asas literasi untuk kanak-kanak melalui cerita rakyat orang asli. Pengkaji juga telah bataskan kajian ini kepada cerita rakyat iaitu *Dogeng Kinabalu, Ikan Dan Tupai, Asal Usul Padi, Tikus Dan Kundur*, dan akhir sekali ialah *Si Anak-Anak Dan Kinomulok*. Kaedah kualitatif telah digunapakai oleh pengkaji di dalam kajian ini dengan mengaplikasikan pendekatan Fuzzy Delphi iaitu nilai *threshold*. Dapatan kajian yang telah diperoleh pengkaji telah membuktikan bahawa nilai dan juga amalan tradisi yang terdapat di dalam cerita rakyat masyarakat orang asli ini dapat membentuk jati diri yang teguh di dalam diri masyarakat terutamanya kanak-kanak.

Kajian oleh Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah*. Kajian ini berkisarkan tentang legenda yang telah diperturunkan melalui perucapan dalam kalangan etnik Murut. Kajian ini dikaji kerana pengkaji mendapati hanya orang yang terdahulu yang mengetahui cerita rakyat ini. Pengkaji mengkaji kajian ini untuk menghubungkan kait cerita memorat dan perubatan rohani dan juga fizikal di dalam

golongan etnik Murut. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur kepercayaan dalam memorat perubatan tradisional dan juga unsur kearifan tempatan dalam naratif lisan etnik Murut. Pengkaji telah menggunakan pengkaedahan temu bual di dalam kajian ini dengan menemu bual 26 responden. Hasil kajian menemukan bahawa etnik Murut telah memberi pengaruh yang besar di dalam pengamalan perubatan tradisional golongan etnik Murut yang diperturunkan sejak dahulu.

Selain itu, kajian oleh Fifi Anak Rinyuk (2017) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* berkisarkan sebuah pengkajian yang berkaitan sastera di Sarawak dengan meneliti akan aspek nilai moral dalam naratif lisan yang terkandung di dalam kepercayaan akan orang Bidayuh dan kurangnya pengkajian yang dijalankan ke atas cerita rakyat Bidayuh. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah mengenalpasti akan cerita rakyat kaum Bidayuh, menganalisis nilai-nilai moral dan juga mengutarakan akan perkaitan antara nilai-nilai moral yang dapat memberi pengaruh yang besar di dalam kehidupan seharian kaum Bidayuh. Pengkaji telah membataskan kajian ini hanya cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh yang terdiri daripada etnik Bukar atau Sadong di daerah Serian, Sarawak. Di dalam kajian ini juga, bagi memantapkan kajian ini, pengkaji telah mengaplikasi keadah kualitatif iaitu keadah kepepustakaan. Hasil daripada kajian ini, pengkaji dapati akan nilai-nilai moral yang dilihat dari sudut sistem pendidikan agar dapat diterapkan di dalam diri masyarakat bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai akhlak yang mulia dan sekali gus mengembangkan sastera rakyat Bidayuh ini agar ianya tidak hilang begitu sahaja.

Lagi kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu* yang mana pengkajian ini dilaksanakan oleh pengkaji bagi

meneliti bidang teknologi yang berfungsi dalam memperkukuhkan dan memartabatkan cerita rakyat ini ke arah yang paling atas dengan kewujudan teknologi yang hebat ini. Objektif kajian ini telah dilakukan oleh pengkaji iaitu menganalisis akal budi dan budaya berfikir kaum Melayu dan juga membincangkan akan kegunaan teknologi multimedia di dalam mengangkat naratif lisan ini. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada pemilihan secara rawak naratif lisan tersebut dan juga telah menggunakan kaedah kualitatif di dalam pengkajian ini. Hasil kajian ini jelas membuktikan bahawa kemajuan teknologi telah memberi peranan yang besar di dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu ini ketahap yang lebih tinggi lagi.

Norlizawati Md. Nor, Jelani Harun & Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Shamsu'l Bharain Sebagai Wira Legenda di Beruas, Perak*. Kajian ini berkisarkan tentang *Hikayat Shamsu'l Bahrain* yang merupakan sastera bersejarah yang telah mengangkat ketokohan Shamsu'l Bahrain sebagai wira di Beruas, Perak. Pengkaji melihat permasalahan kajian ini adalah untuk mengkaji salah satu karya sejarah yang dimiliki oleh negara Malaysia iaitu *Hikayat Shamsu'l Bahrain*. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis *Hikayat Shamsu'l Bahrain* sebagai salah satu karya bersejarah di Malaysia. Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini menerusi kaedah kepepustakaan dan juga rujukan teks. Hasil kajian mendapati kajian ini cuba untuk memartabatkan kedudukan Shamsu'l Bahrain sebagai wira di Beruas, Perak.

Kajian oleh Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul Bahaman (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Sulalatus Sulatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni* yang berkisarkan sebuah kajian berkaitan nilai murni Islamiah yang terdapat di dalam teks *Sulalatus Salatin*. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengenalpasti peranan *Sulalatus Salatin* dan menganalisis kisah-kisah yang terpilih.

Pengkaji telah membataskan kajian mereka dengan beberapa buah kisah sahaja. Selain itu juga, reka bentuk yang telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini adalah merupakan sebuah kajian kualitatif dan pengkaji juga telah mengunapakaikan dan mengaplikasikan Teori Takmilah dengan berpaksikan akan prinsip ketujuh di dalam kajian mereka iaitu Prinsip Khalayak. Oleh itu, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kajian ini adalah merupakan sebuah kajian yang bersifat didaktik yang mana jelas ianya membawa kepada kearah pembangunan insan kamil di dalam diri masyarakat

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* yang telah dikaji oleh pengkaji kerana terdapat beberapa kelompongan yang dilihat dari sudut nilai yang terdapat di dalam diri manusia. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji adalah untuk menganalisis cerita rakyat yang berdasarkan kepada kasih sayang dan juga keadilan. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada cerita rakyat iaitu “Kacang dan Telur Ayam”, “Batu Belah Batu Bertangkup”, “Puteri Pucuk Ketumpang” dan juga “Nakhoda Haloba” dan menggunakan kaedah kajian kualitatif menerusi rujukan teks dan kepepustakaan. Pengkaji juga telah mengunapakaikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan moral di dalam kajian ini. Hasil kajian yang diperolehi pengkaji mendapati bahawa dengan kasih sayang ini dapat memberikan peranan dalam pendidikan dan pengajaran di samping dapat membentuk perilaku masyarakat.

Kajian oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif* yang memperlihatkan

beberapa kelompongan menyebabkan kajian ini dilakukan oleh pengkaji. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah menganalisis watak dan perwatakan positif di dalam cerita jenaka berdasarkan kepada pendekatan Psikologi Humanistik. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada beberapa cerita jenaka iaitu *Awang Lurus*, *Pak Kaduk*, *Si Luncai* dan juga *Pak Pandir*. Kaedah kajian yang telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dan mengaplikasikan pendekatan Psikologi Humanistik di dalam kajian. Hasil kajian telah membuktikan bahawa kajian ini memperlihatkan begitu banyak kriteria watak dan perwatakan yang positif yang dapat dijadikan sebagai teladan dan tauladan kepada masyarakat lain

Kajian oleh Atikah Mohd Noor, Shahril Nizam Sha'ri, Phd & Rohaidah Kamaruddin, Phd (2018) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil*. Kajian ini membincangkan nilai murni yang terdapat di dalam cerita *Sang Kancil* sebagai alat pendidikan kepada anak-anak. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah untuk menganalisis nilai dan juga pengajaran melalui cerita *Sang Kancil*. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada hanya empat cerita Sang Kancil yang dilihat dari sudut bijaksana, adil, suka tolong-menolong, baik hati, tidak tamak dan juga belas kasihan. Pengaplikasian Teori Kebaikan Al-Ghazali telah diaplikasikan di dalam kajian ini sebagai deduktif. Hasil kajian menunjukkan nilai-nilai murni yang telah diterapkan di dalam cerita *Sang Kancil* berperanan sebagai pembentukan akhlak dan moral yang baik di dalam diri kanak-kanak.

Muhammad Izani Ab. Ghani (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Budi Dalam Cerita Rakyat Melayu di Daerah Jeli, Kelantan* yang mengisahkan sebuah kajian berkisarkan nilai budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu daerah Jeli. Pengkaji mengkaji kajian ini dengan berobjektifkan kepada untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai budi yang terdapat dari cerita rakyat Melayu daerah Jeli, Kelantan. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada cerita rakyat yang terdapat di

daerah Jeli, Kelantan sahaja dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral, pendekatan kemasyaakatan, pendekatan dakwah dan juga pendekatan seni telah diaplikasikan dan dijadikan sebagai deduktif di dalam kajian ini bagi memantapkan lagi kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawasanya kajian ini bukan sahaja menemukan nilai-budi di dalam cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan tetapi juga dapat dijadikan teladan dan tauladan kepada masyarakat kini di dalam pembentukan sahsiah diri.

Seterusnya, kajian oleh Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu Yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis cerminan pemikiran masyarakat Melayu di dalam teks yang terpilih. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat* dan menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan dapatan kajian. Hasil kajian ini jelas mendapati bahawasanya cerita rakyat sangat kaya dan dipenuhi dengan pemikiran masyarakat yang cerdas dan kreatif yang mampu mendorong kepada pembentukan moral yang baik di dalam kehidupan masyarakat.

Kajian oleh Adidah Abd Ghani (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Peranan Srikandi Melayu: Suatu Penelitian Terhadap Watak-Watak Terpilih dalam Cerita Rakyat Melayu di Malaysia* membincangkan tentang watak Srikandi Melayu yang dijadikan sebagai ikon kepada masyarakat Melayu. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis peranan srikandi Melayu menerusi watak-watak yang terpilih. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada Cik Siti Wan Kembang, Tun Fatimah, Puteri Saadong, Tun Kudu dan juga Tun

Teja yang terdapat di dalam cerita rakyat Malaysia. Kaedah kajian kualitatif telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini disamping mengaplikasikan Teori Feminisme untuk menganalisis watak srikandi Melayu. Hasil kajian mendapati kajian keatas watak Srikandi Melayu memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat disebabkan oleh ketinggian nilainya yang dapat dijadikan sebagai contoh tauladan oleh masyarakat Melayu.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), di dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* yang membincangkan mengenai nilai-nilai budaya masyarakat Orang Asli yang mempraktikkan kehidupan mereka baik dari segi cara hidup ataupun adat resam yang bergantung kepada alam. Kajian ini dilakukan kerana dilihat kurangnya kajian yang dilakukan oleh para sarjana yang berkaitan dengan nilai budaya orang asli ini. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis cerita rakyat dari aspek nilai budaya terhadap masyarakat Orang Asli Temiar. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada beberapa buah cerita rakyat iaitu “*Burung Kuang dengan Harimau*”, “*Buah Mangkung dengan Seekor Anjing*”, “*Balas Dendam*”, “*Bertindak Tanpa Akal*”, “*Manusia Jelmaan Anjing*”, “*Tangkal Hikmah*”, dan juga “*Sang Kura-Kura yang Bijaksana*”. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Sastera Warisan yang dipelopori oleh A. Wahab pada tahun 2005. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa terdapat beberapa nilai yang dijadikan sebagai pegangan yang utuh oleh masyarakat Orang Asli dan dipraktikkan di dalam kehidupan masyarakat

Kajian oleh Faez Huzaini Ramleh & Humin Jusilin (2018) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim* yang berkisarkan dan membincangkan unsur spritual di dalam menyampaikan mesej yang berkaitan dengan dakwah di dalam karya. Objektif kajian

ini dilakukan adalah kerana untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen komunikasi di dalam sesebuah karya catan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan teks dan kepepustakaan dan mengaplikasikan Teori Ikonografi Panofsky dalam kajian mereka bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji membuktikan bahawasanya pemahaman agama yang telah disampaikan secara tersurat dan tersirat ini bukan sahaja ianya dapat difahami tetapi juga dapat dijadikan sebagai panduan di dalam meniti kehidupan.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu* mengenai sebuah kajian yang menyatakan akan penjaanaan intelek dalam membentuk moral positif masyarakat menerusi cerita rakyat. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian-kajian yang terdahulu. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk menganalisis dan menghuraikan nilai rasional dan nilai kerajinan. Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan beberapa cerita rakyat iaitu "*Pak Tani Menipu Harimau*", "*Pengorbanan Wasiat Yang Bijaksana*", "*Periuk Kera Ajaib*", "*Puteri Birah Keladi*", "*Hakim Yang Bijaksana*" dan juga "*Takar Emas*". Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini dan mengaplikasikan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menerusi konsep intelek sebagai tunjang dan landasan bagi memantapkan lagi dapatan kajian. Dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji telah membuktikan bahawasanya pembentukan intelek masyarakat Melayu menerusi nilai kerajinan dan rasional bukan sahaja memiliki kekuatan dan ketajaman di dalam pemikiran tetapi juga berupaya menyelesaikan segala masalah.

Lagi kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* yang membincangkan sebuah kajian berkaitan dengan naratif lisan yang mana kajian ini dijalankan kerana melihat terdapat kelompongan di dalam kajian lepas oleh para sarjana. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam *Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif dan juga untuk memantapkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa naratif lisan bukan sahaja sarat dengan nilai-nilai murni tetapi juga dapat mempengaruhi pembentukan akhlak dan juga keperibadian yang mulia.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai' Sujud (2019) dalam kajian mereka iaitu *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak* telah membincangkan di dalam kajian mereka tentang watak pemimpin dalam cerita rakyat iaitu cerita binatang. Terdapat kelompongan dan kekurangan yang dilihat oleh pengkaji di dalam kajian-kajian pengkaji yang terdahulu. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen adab dan kesan yang akan berlaku jika masyarakat Melayu diterapkan dengan elemen yang diperoleh dan dilihat melalui cerita binatang ini. Kajian ini telah menghadkan dan membataskan cerita binatang kepada "*Kisah Sang Kancil dan Memerang*". Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif di samping telah menerapkan Pendekatan Adab yang telah digagaskan oleh Syed Naquib Al-Attas pada tahun 2001 sebagai sebuah landasan untuk kerangka analisis bagi memantapkan lagi kajian. Hasil pemerhatian dan penyelidikan, pengkaji telah mendapati bahawa watak binatang yang diterapkan akan sifat dan juga kelakuan seperti manusia di dalam diri mereka itu dapat

memberikan pengajaran, kebaikan dan juga contoh tauladan terutamanya kepada masyarakat Melayu.

Asniza Zakaria (2019) dalam kajiannya iaitu *Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih* telah membincangkan akan unsur mitos yang terdapat di dalam cerita lagenda. Terdapat beberapa kelompongan yang dilihat oleh pengkaji daripada kajian lepas yang telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini telah dijalankan dengan bertujuan mengenal pasti dan juga menganalisis aspek kematian yang sangat tragik yang telah berlaku kepada kedua-dua lagenda yang menyebabkan tercetusnya perbezaan antara fakta dan juga peristiwa yang sebenarnya sama ada ia benar atau rekaan semata-mata. Pengkaji telah membataskan kepada cerita "*Mahsuri*" dan "*Puteri Lindungan Bulan*" dalam kajian mereka ini. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif seperti rujukan kepepustakaan atau teks pada kajian ini. Rumusan yang diperoleh daripada pengkaji dalam kajian ini ialah melalui peristiwa bersejarah yang telah menimpa dan berlaku ke atas kedua-dua lagenda yang amat terkenal ini dapat memberikan banyak pengajaran yang terselindung di sebalik kejadian dan juga peristiwa ini terutamanya pengajaran dalam mendidik masyarakat Melayu yang dapat dilihat melalui banyak aspek.

Sorotan kajian seterusnya oleh Nor Hasimah Ismail, Mardzelah Makhsin, Fauziah Md Jaafar & Mohammad Syawal Narawi (2019) dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Murni Dalam Karya Animasi*. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji kerana mendapati terdapat beberapa kelompongan dalam kajian oleh para pengkaji terdahulu dan kajian ini dijalankan kerana melihat banyak cerita rakyat yang telah diadaptasikan dan dimasukkan kesan animasi di dalamnya yang kita dapat lihat ianya amatlah bersesuaian dan seiring dengan peralihan zaman yang semakin moden. Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan batasan cerita *Raja Bersiong*. Selain itu, pengkaji telah memperlihatkan dan menonjolkan di dalam kajian ini akan

rancangan kartun “*Upin Ipin*” yang telah diambil dan dijadikan contoh karya animasi yang memaparkan begitu banyak teladan dan nilai murni yang dapat dijadikan sebagai contoh teladan oleh masyarakat. Rumusan daripada kajian ini, kita dapat lihat menerusi karya adaptasi kepada animasi dapat menonjolkan dan memperlihatkan begitu banyak nilai-nilai murni yang berdasarkan cerita *Raja Bersiong* dan berharap kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji yang akan datang dapat membongkarkan lebih banyak nilai murni yang dapat diambil berdasarkan cerita rakyat Melayu.

Sorotan kajian oleh Rosmani Umar, Siti Ezaleila & Md Sidin Ahmad Ishak (2019) dalam kajian mereka iaitu *Daripada Cetak kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* telah membincangkan dan mengkaji tentang kepesatan teknologi dalam mengembangkan cerita rakyat dengan lebih luas lagi. Terdapat beberapa kelompongan yang dilihat oleh pengkaji melalui kajian terdahulu ini yang telah membawa pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Objektif daripada kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis akan cerita rakyat yang telah diadaptasikan dalam media digital. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini iaitu melalui rujukan teks dan juga kepepustakaan dan memilih dan membincangkan kajian ini dengan menggunakan pendekatan rekonstruksi sebagai satu panduan dalam mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian pengkaji. Rumusan daripada kajian ini ialah pengkaji mendapati bahawa teknologi moden merupakan sebuah medium yang terbaik dalam usaha untuk memelihara dan mengekalkan khazanah yang tidak ternilai ini iaitu cerita rakyat agar ianya terus dapat berkembang dan dapat memberikan faedah dan manfaat kepada masyarakat Melayu terutamanya generasi muda dan generasi akan datang

Kajian oleh Minah Sintian & Tanjong Malim (2019) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun* yang merupakan sebuah kajian yang membincangkan tentang cerita rakyat masyarakat

Kadazandusun. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti nilai-nilai kearifan lokal dari cerita rakyat Kadazandusun. Dua buku cerita rakyat telah dibataskan oleh pengkaji di dalam kajian ini bagi melihat aspek yang berkaitan dengan nilai kearifan lokal ini. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kepustakaan bagi memperolehi maklumat dan juga dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat masyarakat Kadazandusun yang memaparkan akan nilai-nilai kearifan yang dapat dilihat menerusi seperti memelihara keselarasan hidup antara makhluk, meminta perlindungan dan bantuan dari Tuhan, kuat bekerja, saling tolong menolong, menerapkan keberanian dalam kehidupan dan juga memelihara adat resam nenek moyang. Rumusannya, nilai kearifan yang terdapat dalam cerita rakyat sepatutnya diaplikasikan di dalam kehidupan seharian masyarakat terutamanya di dalam sistem pendidikan.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) melalui kajian mereka iaitu *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Sorotan kajian daripada kajian ini ialah pengkaji telah mengetengahkan akan naratif lisan yang dapat membawa manfaat kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana ianya dapat memberikan ilmu pengetahuan dan juga pengajaran yang bernilai terutamanya dalam aspek seperti kebudayaan, pantang larang dan adat resam yang sering dipertengahkan dan ditegaskan oleh masyarakat Melayu terutamanya golongan terdahulu yang dapat dilihat dan ditonjolkan melalui tingkah laku dan juga sifat seseorang individu itu sendiri. Objektif yang diperolehi pengkaji melalui kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis akal budi dalam naratif lisan. Pemasalahan dalam kajian ini ialah terdapat beberapa kekurangan kajian-kajian lepas terutamanya pada bahagian unsur akal budi masyarakat Melayu dijalankan oleh sarjana terdahulu dengan hanya beberapa batasan kajian iaitu *Kelicikkan Pahlawan Mat Kilau, Haji Tahir Orang Alim, Asal Usu Kampung Pintu Reng, Penunggu Binjai, Main Teri Hiburan*

Masyarakat, Asal Usul Bunut Payung Tok Guru Haji Mokhtar dan Kerabat Diraja Memuja Pantai dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui rujukan kepepustakaan dan juga teks. Teori yang diaplikasikan ialah Teori Pengkaedahan Melayu sebagai sebuah kerangka untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi penyelidikan kajian ini. Hasil kajian pengkajian mendapati bahawa akal budi yang dilihat melalui tindakan rasional, akal budi menerusi kelakuan berani kerana benar, akal budi melalui tindakan daya usaha, dan juga akal budi melalui kelakuan ikhlas.

Seterusnya, sorotan kajian oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajian mereka iaitu *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* membincangkan nilai-nilai Islam yang menggambarkan corak kehidupan dan latar belakang masyarakat Melayu yang terdahulu yang beragama Islam. Pengkaji telah memilih kajian ini kerana terdapat beberapa kelompongan dalam kajian oleh tokoh sarjana terdahulu dalam aspek nilai-nilai Islam yang dilihat belum mempunyai kajian secara menyeluruh. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis pembentukan akhlak masyarakat Melayu melalui nilai-nilai Islam dan kajian ini telah membataskan kajian mereka kepada sembilan buah cerita rakyat iaitu “*Angsa Berbulu Emas, Bukit dan Pokok*”, “*Mengapa Bangau Kurus*”, “*Kalimah Bismillah*”, “*Setiakawan*”, “*Kelekatu Sombong*”, “*Ditelan Ikan Yu*”, “*Bertukar Menjadi Batu*”, dan *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*” dalam karya Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff dan juga Fatimah Abdul Nasir. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif digunakan untuk menyempurnakan penyelidikan ini. Teori yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah Teori Takmilah sebagai landasan dalam mengukuhkan dan memantapkan kajian ini. Hasil kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa masyarakat Melayu terdahulu memiliki sebuah akhlak yang baik dan sempurna yang dapat membawa kepada pembentukan sebuah masyarakat yang bermutu.

Seterusnya, Nur Shahirah Othman (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia; Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* telah membincangkan dalam kajiannya tentang akal budi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dari pelbagai cara dan sudut yang terdapat dalam cerita rakyat. Pengkaji melakukan kajian ini kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan daripada kajian yang dijalankan oleh para pengkaji terdahulu. Objektif kajian ini dilakukan ialah bertujuan membincangkan cerita rakyat yang mengandungi akal budi masyarakat Melayu. Namun begitu kajian ini telah terbatas kepada buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* karya oleh Zainariah Abdul Wahab dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan kepepustakaan dan teks. Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan dalam kajian ini sebagai landasan untuk memantapkan lagi penyelidikan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini. Hasil daripada kajian ini pengkaji merumuskan bahawasanya nilai akal budi merupakan suatu perkara yang membawa kepada asas dalam membangunkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda", Analisis Semantik Inkuisitif* telah membincangkan tentang suatu perkara yang dikatakan pelik dan aneh yang telah diterapkan dalam karya sastera untuk menimbulkan rasa keterujaan dan juga persoalan dalam diri pembaca. Kajian ini dijalankan pengkaji kerana dilihat terdapat kelompongan daripada kajian lepas. Objektif kajian ini ialah ianya dijalankan untuk mengenalpasti dan menganalisis peristiwa pelik dan aneh yang terkandung dalam cerita rakyat. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada cerita rakyat "*Hikayat nakhoda Muda*" dalam buku hikayat terpilih iaitu "*Antalogi Enam Hikayat*" pada tahun 2016 terbitan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan pengaplikasian pendekatan Semantik Inkuisitif yang dikemukakan oleh Jalaluddin

(2014) telah dikukuh dan dimantapkan lagi dengan menggunakan pendekatan Rangka Ruju Silang yang telah dikemukakan oleh Kempson (1986). Rumusan daripada kajian ini ialah, pengkaji telah dapat merungkai punca dan juga penyebab utama akan peristiwa aneh yang berlaku dalam cerita rakyat yang dipilih dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang ini.

Sorotan kajian seterusnya oleh Rahimah Hamdan & Batrisyia Annuar (2020) dalam kajian mereka yang bertajuk *Perspektif “Melayu Malas Dan “Melayu Bodoh” Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu*. Di dalam kajian ini, pengkaji telah membincangkan tentang suatu realiti dan kenyataan akan sikap yang dimiliki oleh masyarakat Melayu yang telah diperhatikan dan dinilai oleh penjajah British sewaktu zaman penjajahan dahulu. Kajian ini dilakukan kerana pengkaji telah melihat akan kelompongan akan kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis kebenaran perspektif penjajah British berdasarkan cerita jenaka Melayu yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada beberapa cerita jenaka iaitu cerita jenaka *Pak Belalang, Pak Pandir, Pak Kaduk* dan juga *Si Luncai*. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu kepepustakaan dan juga teks. Rumusan daripada kajian ini menunjukkan bahawasanya terdapat beberapa percanggahan dan juga ketidakbenaran akan perspektif penjajah British pada zaman penjajahan terhadap masyarakat Melayu.

Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali (2020) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan*. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji kerana pengkaji merasakan terdapat kelompongan yang terdapat dalam kajian oleh para pengkaji terdahulu. Objektif kajian ini dijalankan adalah pengkaji ingin melihat sejauhmanakah adaptasi Cerita Si Luncai ini dapat dihasilkan dengan menggunakan dalam bentuk seni visual. Pengkaji telah

mengaplikasikan Teori Adaptasi yang dipelaporikan oleh Desmond & Hawkes(2006) untuk memantapkan dan mengguhkan lagi analisis dan dapatan kajian. Kaedah kajian yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu seperti kaedah kepepustakaan. Rumusan yang diperoleh pengkaji dalam kajian ini ialah kita dapat lihat bahawa medium kesusasteraan rakyat Melayu boleh diterjemahkan dan dicetak dalam bentuk visual. Hal ini dapat menarik lebih banyak perhatian masyarakat untuk meminati kesusasteraan rakyat Melayu dalam kalangan masyarakat di samping ia dapat digunakan dalam subjek visual dan pendidikan dan sebagainya.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: satu Penelitian Takmilah* yang menjalankan sebuah kajian yang telah membincangkan akan tingkah laku masyarakat Melayu yang dipengaruhi dengan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita lisan Melayu. Pengkaji mengkaji kajian ini kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan daripada kajian yang terdahulu berdasarkan kajian aspek nilai-nilai kemanusiaan yang dilihat tidak sepenuhnya dikaji oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian ini dilakukan ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan dalam diri masyarakat Melayu yang telah diceritakan dalam cerita lisan. Batasan kajian ini terbatas kepada sepuluh buah cerita lisan rakyat iaitu “*Tukang Besi dan Kayu*”, “*Bawang Putih Bawang Merah*”, “*Bukit dan Pokok*”, “*Angsa Berbulu Emas*”, “*Perahu Bunga Emas*”, “*Wak Sino Tukang Gasing*”, “*Bertukar Menjadi Batu*,” “*Raja Kuyuk*” , dan “*Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*”. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kualitatif di dalam kajian ini dan mengaplikasikan Teori Takmilah sebagai kerangka perbincangan untuk memantapkan lagi hasil kajian pengkaji. Kesimpulan daripada kajian ini ialah pengkaji mendapati bahawasanya nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan rakyat ini bukan sahaja dapat mendidik masyarakat Melayu dalam membentuk keperibadian yang baik tetapi juga

dapat melahirkan kebudayaan masyarakat Melayu yang bertamadun dan mulia dilihat oleh masyarakat luar.

Sorotan kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Kajian ini telah dikaji oleh pengkaji yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan pencerahan kepada khalayak masyarakat tentang kualiti, kerelevanan dan juga kaitan cerita rakyat yang dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan dan juga sandaran dalam sesebuah pembangunan modal insan yang bermoral dalam kalangan masyarakat. Kajian ini telah dijalankan dengan berpandukan akan sebuah nilai ketamadunan yang ditonjolkan dan diperlihatkan oleh penduduk yang tinggal di Tumpat, Kelantan. Kajian ini telah dibataskan dengan beberapa buah cerita rakyat iaitu seperti *Tujuh Bersaudara*, *Puja Berubat*, *Sungai Ketapang* dan *Semangat Laut*. Selain itu, kajian ini telah diterapkan dengan pendekatan moral dan pendekatan kualitatis digunakan dalam menganalisis kajian ini. Rumusan yang diperoleh pengkaji telah membuktikan bahawa nilai ketamadun yang utuh dan teguh amatlah penting dalam sesebuah institusi masyarakat Melayu terutamanya kerana ianya merupakan satu perkara yang akan terus berkembang seiring dengan perkembangan semasa.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Cerita-Cerita Lisan Melayu* yang membincangkan sebuah kajian berkaitan dengan cerita lisan Melayu yang menonjolkan nilai-nilai positif dalam menyumbang kepada pembentukan sahsiah diri individu. Kajian ini dijalankan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat kelompongan di dalam kajian lepas oleh pengkaji terdahulu. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni daripada cerita lisan Melayu dengan menggunakan pengaplikasian daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengkaji telah membataskan cerita rakyat yang terdapat di dalam buku *Seuntai*

Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif dengan meneliti 16 nilai murni dalam cerita rakyat menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa bukan hanya sekadar alat hiburan semata-mata tetapi juga mengandungi kepelbagaian manfaat yang ingin dipertunjukkan kepada masyarakat.

Kajian oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan*. Kajian ini dikaji kerana cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun semakin ditelan zaman dan diancam kepupusan. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun. Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini menerusi kajian lapangan dan juga temu bual separa struktur. Pengkaji juga telah mengaplikasikan kaedah analisis tematik yang diajarkan sebagai deduktif bagi kajian ini. Hasil kajian mendapati pemuliharaan cerita lisan itu akan dapat mengekalkan khazanah tradisi untuk diperturunkan kepada generasi yang akan datang.

Sorotan kajian seterusnya oleh Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Jamal & Nasirin Abdillah (2021) yang bertajuk *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang*. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang telah dikaji oleh pengkaji kerana ianya amat berkait rapat dengan sastera rakyat yang berasal dari nusantara dan merupakan salah satu medium hiburan pada zaman dahulu dan mengandungi kandungan yang penuh dengan nilai-nilai murni dan pengajaran yang dapat diambil oleh masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang upacara yang telah menjadi asas dan tunjang kepada kajian ini seperti yang telah dimaklumkan oleh masyarakat yang menetap di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Keadah kajian ini ialah sebuah kajian kualitatif dan dikukuhkan

dengan kaedah lapangan seperti keadah temu bual dan kajian ini telah mengaplikasikan teori fungsionalisme yang dapat mengukuhkan dan memantapkan lagi kajian ini. Rumusan daripada kajian ini ialah ianya dapat membuktikan bahawasanya upacara ritual yang terdapat dalam cerita rakyat mempunyai hubung kait dengan unsur kebudayaan masyarakat Melayu yang telah dipraktikkan oleh masyarakat terdahulu hinggalah sekarang.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji kerana terdapat kelompondan di dalam kajian oleh pengkaji yang terdahulu. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji ingin membuktikan bahawasanya naratif lisan bukanlah hanya sekadar sebuah cerita yang hanya sekadar sebagai sebuah hiburan semata-mata tetapi ianya memiliki nilai dan harganya yang tersendiri. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terkandung di dalam naratif lisan Melayu. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu pendekatan kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan kajian teks. Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan menggunakan teks Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia sebagai sumber rujukan dalam menganalisis data-data dan maklumat yang berkaitan. Rumusan, kajian ini sangatlah penting dan berguna kerana ia boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada pelajar dan juga pengkaji dalam kajian dan pembelajaran mereka di masa yang akan datang.

Sorotan kajian oleh Muhammad Qawiem Hamizan, Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin & Abdul Walid Ali (2021) yang bertajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini dengan berpandukan cerita rakyat Melayu Sarawak kerana ianya dilihat mempunyai potensi yang sangat besar untuk dijadikan karya teater dan

seterusnya menghasilkan sebuah dokumentasi yang berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kepeustakaan dan menemubual penduduk Melayu yang menetap di sekitar Sarawak bagi mengukuhkan lagi kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Kesimpulan dan rumusan yang diperolehi pengkaji ialah cerita rakyat yang bersesuaian telah dikumpul dan dijadikan sebagai sebuah pementasan teater khusus untuk masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* telah dikaji kerana pengkaji melihat terdapat beberapa kelonggan di dalam kajian oleh para pengkaji yang terdahulu. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang telah menjadikan budaya setempat dengan merujuk cerita rakyat sebagai salah satu medium yang digunakan dalam pendidikan untuk kanak-kanak dalam memperolehi dan menimba ilmu pengetahuan di samping ianya dapat membentuk keupayaan dan kemahiran untuk bertindak dalam diri kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan mengkaji aspek budaya dalam kanak-kanak dengan berdasarkan dan merujuk cerita rakyat Melayu. Seterusnya, kajian ini telah menggunakan kaedah temubual dan perbincangan secara kumpulan dalam kalangan kanak-kanak dan kajian ini hanya terbatas kepada kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun sahaja. Dapatan kajian yang diperolehi pengkaji telah menunjukkan guru-guru perlulah meningkatkan daya kreativiti dan kearifan dalam diri mereka bagi menarik perhatian dan tumpuan kanak-kanak. Rumusan kajian ini, jelaslah menunjukkan bahawasanya cerita rakyat Melayu ini mampu dijadikan sebagai bahan dan medium untuk pendidikan dalam membentuk sikap dan kelakuan kanak-kanak sejak dari kecil lagi di samping ianya mengandungi nilai-nilai murni yang boleh dijadikan sebagai contoh teladan oleh mereka.

Sorotan kajian oleh Jamail Masador, Abdul Halim & Azhar Wahid (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Kepahlawan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Sabah* telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelopongan dalam kajian oleh pengkaji terdahulu. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji nilai kepahlawanan yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat suku Kimaragang. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan dalam kajian ini untuk memantapkan analisis kajian dan pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan keadah kajian lapangan dan temubual yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian mereka ini. Rumusan kajian yang diperoleh pengkaji melalui kajian ini ialah kajian ini telah memperlihatkan dan menonjolkan akan pelbagai elemen kesatrian dan kepahlawanan yang dimiliki oleh masyarakat suku Kimaragang. Melalui kajian ini, kita boleh menghayati dan menerapkan elemen kepahlawanan yang dimiliki oleh masyarakat suku Kimaragang di dalam diri kita dan mempraktikkan elemen tersebut di dalam kehidupan seharian kita bagi melahirkan masyarakat yang bermutu tinggi dan bertamadunan.

Sorotan kajian seterusnya oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* telah dikaji oleh pengkaji kerana pengkaji melihat terdapat beberapa kelompongan daripada kajian oleh para pengkaji terdahulu. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji makna yang tersirat dan mengaitkannya dengan aspek politik tempatan dengan merujuk sastera rakyat Melayu Sarawak. Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson telah diaplikasikan dalam analisis bagi memantapkan lagi kajian ini dan kajian ini juga telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji telah melihat di dalam kajian ini bahawa bahasa yang telah digunakan di dalam sastera rakyat Melayu Sarawak ini mempunyai maksud yang tersirat yang seiring dan sejajar dengan perubahan dan juga peredaran semasa. Rumusan daripada kajian ini ialah kita dapat

lihat bahawa kejadian yang berlaku daripada naratif tersebut telah diambil dan dijadikan iktibar oleh masyarakat. Dan secara tidak langsung, hal ini telah memaparkan dan memperlihatkan akan kesan kognitif di saat maklumat yang diperoleh di proses untuk mendalami dan mencari maksud-maksud yang tersirat sehingga makna meluas menerusi keadaan politik tempatan pada waktu tersebut. Oleh itu, kita dapat lihat bahawa naratif yang telah diserap dengan unsur nasihat dan penyindiranan secara halus di dalamnya berperanan untuk membentuk keperibadian masyarakat dan seterusnya melahirkan masyarakat yang bertamadun.

Kajian oleh Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat* telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian oleh pengkaji yang terdahulu. Objektif kajian yang telah dikaji oleh pengkaji ini adalah untuk melihat dan mengenalpasti jenis makanan yang telah dipaparkan dalam *Musang Berjanggut*. Kajian ini tertumpukan kepada kepelbagaian makanan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu. Pengkaji telah menggunakan keadah kualitatif iaitu menggunakan pendekatan analisis teks dalam mengkaji aspek-aspek wacana gastronomi berdasarkan kisah cerita *Musang Berjanggut* menerusi acuan yang disarankan di dalam teori oleh David Waines. Secara ringkasnya, kajian ini telah memperlihatkan 29 jenis makanan yang terdapat dalam cerita *Musang Berjanggut* yang dapat menghuraikan simbol dan fungsi makanan dalam dunia gastronomi Melayu dengan mengaplikasikan teori oleh David Waines. Kajian ini juga telah memaparkan bahawa kedudukan sosial dan juga budaya masyarakat Melayu dapat dilihat melalui makanan dan pemakanan. Rumusan daripada kajian ini jelaslah dapat menunjukkan menerusi kandungan dalam kajian ini bahawasanya ia dapat mendedahkan masyarakat tentang adanya hubungan dan interaksi sosial dan fungsi tertentu dari aspek makanan yang dimakan oleh masyarakat terdahulu dan disamping ia dapat memartabatkan sastera rakyat.

Kajian oleh Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu*. Kajian ini membincangkan tentang cerita lisan Melayu yang menggambarkan akan nilai estetikanya yang tersendiri yang diperturunkan menerusi tradisi lisan. Objektif kajian ini dikaji oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis ritual sumpahan dari cerita lisan Melayu. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada 12 cerita lisan yang dipetik daripada *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dan juga mengaplikasikan Teori Budaya bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Rumusan kajian telah menemukan bahawasanya unsur spiritual iaitu sumpahan dapat ditemukan di dalam cerita lisan Melayu yang dapat dijadikan sebagai medium pendidikan kepada masyarakat.

Sorotan kajian yang seterusnya ialah oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Rakyat Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak* telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian oleh para pengkaji lepas. Kajian ini membincangkan tentang cerita naratif lisan yang dikaitkan dengan nilai-nilai Islam yang berlandaskan dan bersandarkan kepada syariat agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah berpandukan nilai- nilai dalam cerita lisan Melayu dengan batasan kajian yang membataskan buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* karya Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof dan Fatimah Abdul Nasir (2017) yang telah diterbitkan oleh Edukit Publication Sdn. Bhd. Keadah kajian yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif seperti rujukan teks serta kepepustakaan dan Teori Takmilah telah diaplikasikan bagi memantapkan lagi analisis kajian. Rumusan daripada kajian ini, pengkaji telah mendapat penemuan nilai-nilai Islam dapat mendidik masyarakat agar dapat menjadi masyarakat yang lebih bermutu.

Sorotan kajian oleh Muhammad Syauqi Mat Zawawi (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu (2022)*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan yang mana tidak ada pengkaji yang mengkaji akan perkara ini di dalam cerita rakyat. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah mengenalpasti dan menganalisis dan juga merumuskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Empat belas buah cerita rakyat telah dibataskan oleh pengkaji yang telah dipilih melalui buku *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan kepepustakaan dan juga rujukan teks disamping pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan oleh pengkaji di dalam kajian ini bagi memantapkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa lirik lagu yang telah dicipta telah menimbulkan beberapa nilai murni yang dapat diambil sebagai pengajaran kepada masyarakat yang akan datang.

Kajian oleh Eiffa Yuhanis Roslan (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989)*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh para sarjana terdahulu yang berkaitan dengan unsur nilai ini. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengisi kelompongan kajian lepas yang mengfokuskan kepada aspek nilai dan moral dalam cerita-cerita rakyat dengan mengetengahkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur nilai berdasarkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang mengandungi kebudayaan masyarakat Melayu.

Kajian ini juga telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kepepustakaan dan juga analisis teks. Pengkaji juga telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui penerapan pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah bagi memantapkan dapatan di samping, membataskan 20 buah cerita rakyat Melayu yang telah dipilih melalui teks. Rumusan kajian jelaslah menunjukkan bahawa cerita rakyat kaya dengan pengajaran dan nilai-nilai yang dapat menggambarkan kebudayaan masyarakat Melayu yang telah menjadi sebahagian daripada norma kehidupan masyarakat dan juga wadah dalam pembentukan insaniah dan sahsiah masyarakat.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriati Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari dan juga Nasirin Abdillah (2022) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan* yang dikaji oleh pengkaji kerana melihat terdapat kelompongan di dalam kajian oleh para sarjana melalui aspek nilai murni di dalam dialek Kelantan. Objektif kajian ini dilakukan ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai muni baik hati berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok Kelantan. Pengkaji juga akan mendokumentasikan akan keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan dengan membataskan hanya sebelas cerita rakyat yang diperolehi daripada sumber yang berada di Bachok. Dalam kajian ini juga, Pengkaji telah menggunakan keadah kualitatif dan juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu meneusi pendekatan kemasyarakatan. Hasil kajian menunjukkan pengkaji telah berjaya menemukan keunikan dialek Kelantan yang telah menggambarkan ketamadunan masyarakat lalu di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok.

Kajian seterusnya oleh Maizatul Akma Shamsuddin (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* yang dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas melalui unsur budaya dalam cerita budaya. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengkaji dan menganalisis unsur budaya dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah kepepustakaan dan rujukan teks dan pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada 20 buah cerita naratif yang dipilih yang terdiri daripada cerita tokoh dan juga cerita binatang menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Rumusan daripada kajian ini, jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat mengandungi pelbagai unsur budaya bukan sahaja dapat memberi pengajaran tetapi juga dapat membentuk keperibadian masyarakat dalam menghasilkan jati diri yang hebat.

Tuan Syuhada Tuan Mohd Pani (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk *Cerita Binatang Dalam Bentuk Animasi: Analisis Nilai Murni Kepada Kanak-Kanak* yang dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh para sarjana terdahulu. Kajian ini berkisarkan kepada nilai-nilai yang diaplikasikan di dalam watak haiwan di dalam sebuah cerita binatang yang telah dianimasikan. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah bagaimanakah nilai-nilai murni yang diterapkan dalam cerita binatang dalam bentuk animasi dan juga apakah kepentingan cerita binatang dalam bentuk animasi kepada kanak-kanak untuk meminati cerita binatang. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada cerita binatang yang telah dianimasikan yang bertajuk *Pada Zaman Dahulu* oleh syarikat penerbitan Les' Copaque Production. Pengkaji juga telah mengaplikasikan teori moral di dalam kajian bagi mengukuhkan

lagi dapatan kajian. Hasil kajian telah membuktikan bahawasanya adanya nilai-nilai murni yang baik di dalam cerita binatang yang telah dianimasikan yang dapat dijadikan sebagai teladan dan tauladan kepada kanak-kanak.

Kajian oleh Nur Erieyana Hassan (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk *Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah: Satu kajian Naratif Lisan* yang dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh para sarjana. Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti jenis dan versi asal-usul perkampungan lama di dalam daerah kecil Kampung Gajah, Perak dan juga menganalisis kepercayaan dan pemikiran penduduk kampung tersebut. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu dengan kaedah kajian lapangan dan temu ramah penduduk kampung sebagai responden kajian. Teori Sastera Budaya telah diaplikasikan di dalam kajian ini bagi memantapkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian mendapati kajian ini dapat mendorong pengkaji baharu di dalam mempengaruhi minat mereka kepada naratif lisan ini.

Nor Muhammad Shahir Nordin (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini membincangkan kepada sastera yang dapat memberikan pendidikan berkaitan dengan pantang larang, kepercayaan, adat dan juga prinsip hidup. Kajian ini dikaji oleh pengkaji kerana masih tidak ada lagi kajian yang dilakukan mengenai unsur mitos di dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenalpsti dan menganalisis unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada hanya 30 cerita rakyat yang dipilih di dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini menerusi rujukan

kepeustakaan dan teks disamping mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Firasat bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian mendapati unsur mitos yang terdapat di dalam cerita rakyat dapat dijadikan sebagai medim pendidikan kepada masyarakat Melayu.

Kajian oleh Nur Anis Izzati Noridzulhata (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Budi Dalam Cerita Asal Usul Melalui Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini dikaji oleh pengkaji kerana melihat terdapat kelompongan oleh para sarjana di dalam kajiannya yang terdahulu. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji membataskan kajian ini kepada 20 cerita asal usul yang terdapat di dalam buku teks ini dan juga menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) menerusi pendekatan kemasyarakatan, pendekatan moral dan juga pendekatan dakwah telah digunakan di dalam kajian ini sebagai deduktif yang dapat memantapkan lagi kajian ini. Hasil kajian mendapati kajian nilai-nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul berperanan besar di dalam pembentukan keperibadian dan juga akhlak masyarakat Melayu.

2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya Sastera

Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopoikan oleh Hashim Awang merupakan sebuah teori yang mencakupi untuk teori sastera iaitu seperti budaya, sikap dan cara hidup yang dilalui oleh masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian, pandangan masyarakat dunia dan juga perspektif alam semesta dengan mencipta hasil karya sastera yang bertunjangkan dengan agama Islam.

Kajian yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu ialah melalui kajian oleh Zaitun Hassan (2015) di dalam kajiannya yang bertajuk *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*, sebuah kajian mengenai unsur citra di dalam novel. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana melihat terdapat kelompongan di dalam kajian lepas oleh para sarjana. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah mengenal pasti dan menganalisis pendekatan firasat Melayu berteraskan novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) berkaitan unsur-unsur alam. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada novel "*Ombak Bukan Penghalang*" dan menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Firasat. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa mewujudkan perpaduan di dalam kehidupan bermasyarakat adalah merupakan satu jalan penyelesaian yang terbaik dalam mengelakkan kepincangan dan perpecahan masyarakat.

Kajian oleh Johari Yahaya (2015) dalam kajiannya yang bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Satu Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* yang berkisarkan kajian tentang pantun yang sarat dengan nilai, nasihat, norma hidup, sindiran dan lain-lain lagi yang dikaji kerana dilihat terdapat kelompongan di dalam kajian lepas melalui aspek peribahasa. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah mengenalpasti peribahasa Melayu dalam teks *Pantun Peribahasa Melayu* (1968), menganalisis berkaitan kemahiran bidang daya cipta yang dinamik serta kearifan

tempatan dan seterusnya membincangkan nilai-nilai melalui pantun-pantun peribahasa. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada teks *Pantun Peribahasa Melayu* yang disusun oleh Lo Mun dan menggunakan kaedah kualitatif dan juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil kajian membuktikan kajian ini bukan sahaja menyatakan akan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat tetapi juga cuba untuk mengekalkan tradisi Melayu yang dipraktikkan di dalam hidup masyarakat.

Kajian oleh Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin (2016), di dalam kajian mereka yang bertajuk *Simbolik Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu*. Kajian ini membincangkan aspek mantera yang mampu untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat agar ianya lengkap di dalam hidupan sosial. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti dan menghuraikan fungsi simbol dalam mantera mengikut kepercayaan orang Melayu. Pengkaji membataskan kajian ini dengan buku *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* terbitan DBP dan juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat dan juga Teori Semiotik yang digunakan bagi mengkaji simbol di dalam mantera. Hasil kajian menemukan mantera adalah merupakan cerminan yang menimbulkan kepada keyakinan masyarakat kepada kebudayaan masyarakat tradisional.

Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) di dalam kajiannya yang bertajuk *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* adalah sebuah kajian tentang kehidupan binatang di rimba dan di lautan. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat kelompongan di dalam kajian lepas yang dilakukan oleh para sarjana. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah mengenal pasti cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu dan menganalisis aspek interaksi sosial bagi merungkai isu kemasyarakatan dan juga proses sosial. Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan "*Hikayat Pelanduk Jenaka*" dan

menggunakan kaedah kualitatif dan juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi kajian. Dapatan kajian telah membuktikan cara hidup dan juga kebudayaan yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu dan juga meningkatkan nilai ketakwaan di dalam diri dan mencegah segala kemunggaran.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahman (2016) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* adalah merupakan sebuah kajian berkaitan dengan cerita rakyat yang kaya dengan nilai yang sarat dengan nasihat dan juga pengajaran. Kajian ini telah dilaksanakan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian-kajian lepas. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati menerusi cerita rakyat Melayu. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini dengan *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat* oleh Othman Puteh dan juga Aripin Said. Kaedah kualitatif menerusi rujukan kepepustakaan dan teks telah digunakan oleh pengkaji dan juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memantapkan lagi kajian. Hasil kajian mendapati nilai unsur baik hati adalah satu perkara yang sangat penting di dalam kehidupan masyarakat.

Noraini Abd Shukor (2016) di dalam kajiannya yang bertajuk *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* yang merupakan sebuah kajian tentang unsur alam yang menjadi tanda di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian lepas di dalam aspek peribahasa. Objektif kajian ini dilakukan ialah menganalisis makna tanda unsur alam serta peranan unsur air dan padi dalam kehidupan orang Melayu. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada buku *“Peribahasa Melayu: Penelitian Makna Dan Nilai”* dan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji juga telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh

Hashim Awang menerusi Pendekatan Firasat. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa kewujudan makna tanda pada peribahasa ini bukanlah hanya sekadar makna tanda sahaja tetapi ianya dapat mengawal masyarakat dalam mempraktikkan nilai dan norma yang positif di dalam kehidupan.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) di dalam kajiannya yang bertajuk *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Azizi Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* yang mengenai jati diri orang Melayu yang mempengaruhi aspek ketatasusilaan, kebijaksanaan dan juga pekerti. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana dilihat terdapat kelompngan di dalam kajian lepas oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian ini ialah menganalisis jati diri menerusi aspek agama, budaya serta Bahasa Melayu. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada karya A. Aziz Deraman iaitu "*Gelora Nurani*" dan juga "*Suara Gunung Kehidupan*" dan menggunakan kaedah kualitatif melalui rujukan kepepustakaan dan teks dan juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi kajian. Hasil kajian yang diperolehi pengkaji ialah pengkaji menyatakan bahawa jati diri yang telah dinyatakan bukan sahaja sebagai nasihat dan peringatan tetapi juga iktibar yang perlulah dihayati dengan mendalam oleh masyarakat.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) dalam kajian mereka yang bertajuk *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* merupakan sebuah kajian berkaitan nilai-nilai murni dijadikan alat pendidikan kepada masyarakat menerusi cerita rakyat. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat kelompngan di dalam kajian lepas. Objektif kajian ini dilakukan ialah mengenalpasti dan menganalisis nilai keadilan dan kasih sayang. Pengkaji telah membataskan kepada beberapa cerita rakyat iaitu *Batu Belah Batu Bertakup, Nakhoda Haloba, Puteri Pucuk Ketupang, Kacang Dan Telur Ayam, Puteri*

Kelapa Gading dan akhir sekali *Awang Selamat*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian jelas menunjukkan cerita rakyat sangat sarat dengan nilai murni yang berfungsi sebagai pengajaran dan juga iktibar di dalam kehidupan masyarakat.

Lagi kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Apandi (2017) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* yang telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian lepas oleh para sarjana. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif di dalam cerita rakyat Melayu kepada masyarakat. Pengkaji telah membataskan cerita rakyat Melayu karya Othman Puteh dan Aripin Said seperti "*Raja Kuyuk dan Awang Yang Lurus*", "*Padi Berbuah Emas*", dan juga "*Seuncang Padi dan Penjual Api Yang Lurus*". Di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi kajian. Hasil kajian telah membuktikan bahawa nilai mulia sangatlah penting dan perlulah diterapkan di dalam diri setiap masyarakat.

Che Abdullah Che Ya (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* yang telah dijalankan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian lepas di dalam novel *Bedar Sukma Bisu* oleh para pengkaji terdahulu. Objektif kajian ini mengenalpasti kehidupan masyarakat Melayu dan menganalisis karya *Bedar Sukma Bisu* sebagai manifestasi kehidupan masyarakat. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada novel *Bedar Sukma Membisu* karya Faizal Tehrani dan menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan kepepustakaan dan teks dan telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi

memantapkan lagi kajian. Hasil kajian mendapati kesusasteraan adalah merupakan cerminan kepada kehidupan masyarakat yang menggambarkan akan keindahan, kepercayaan, akhlak dan nilai-nilai murni yang jelas menunjukkan akan kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian oleh Farra Humairah Mohd (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Pemikiran Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 Hingga 2015*. Kajian ini membincangkan mengenai pemikiran yang terdapat di dalam cerita tidak bersesuaian dengan pemikiran kanak-kanak kerana ianya terarah kepada pemikiran dewasa. Kajian ini dijalankan oleh pengkaji kerana melihat kelompongan akan kajian lepas oleh para sarjana. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti konsep pemikiran para sarjana yang melalui cerpen kanak-kanak terpilih dan juga menganalisis model pemikiran bagi kepentingan kanak-kanak. Pengkaji telah membataskan kajian ini keatas pemerhatian yang dilakukan terhadap pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 hingga 2015 dan telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian menyatakan pengarang karya cerpen kanak-kanak perlulah menghasilkan cerpen kanak-kanak yang sahaja berkualiti tetapi juga perlulah bersesuaian dengan pemikiran mereka.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* yang membincangkan sebuah kajian berkaitan dengan naratif lisan yang menceritakan kisah permulaan komuniti yang dipeluaskan kepada masyarakat tertentu pada zaman dahulu. Kajian ini dijalankan kerana melihat terdapat kelompongan di dalam kajian lepas oleh para sarjana. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji ini berobjektifkan kepada ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam *Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu*,

Kelantan. Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini sebagai deduktif dan pengkaji juga telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa naratif lisan bukan sahaja kaya dengan nilai-nilai murni yang diterapkan tetapi juga dapat mempengaruhi di dalam membentuk akhlak dan juga keperibadian yang mulia.

Muhammad Izani Ab. Ghani (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Budi Dalam Cerita Rakyat Melayu di Daerah Jeli, Kelantan* yang mengisahkan sebuah kajian berkisarkan nilai budi yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu daerah Jeli. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai budi yang terdapat dari cerita rakyat Melayu daerah Jeli, Kelantan. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini hanya kepada cerita rakyat yang terdapat di daerah Jeli, Kelantan sahaja. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan, pendekatan seni dan juga pendekatan dakwah telah diaplikasikan dan dijadikan sebagai tunjang di dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawasanya kajian ini bukan sahaja menemukan nilai budi di dalam cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan tetapi juga dapat dijadikan teladan dan tauladan kepada masyarakat kini.

Kajian oleh Qurratul'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Introspeksi Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* yang telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian terdahulu oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti sosok keperibadian Rasulullah yang memperlihatkan introspeksi, menganalisis introspeksi yang berpaksikan kemasyarakatan khusus kepada persahabatan dan juga menganalisis introspeksi intonasi pengucapan puisi pengarang menerusi metafora dan diksi. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada puisi-puisi karya Zaen Kasturi iaitu *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* dengan menekankan kepada ungkapan

“introspeksi” dan juga telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah. Hasil kajian membuktikan bahawa laluan introspeksi yang sarat di dalam puisi ingin menyatakan akan amanat yang ingin disampaikan oleh pengkarya.

Pg Haji Yakub Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Sajak-Sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah* yang merupakan kajian yang menunjukkan sajak yang bertemakan ketuhanan yang telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian lepas. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis *sajak-sajak Badaruddin H.O bertemakan ketuhanan*. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada sajak *Istighfar Rejab, Meski Rumah Mu Di Akhirat, Episod-Episod Tsunami, Ini Zat Bukan Bayangku, Takdir Itu Begini, Di Malam Kudus Ramadhan dan juga Tongkat Putih*. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah. Hasil kajian mendapati bahawa sajak-sajak yang telah dikaji ini berupaya meningkatkan keimanan dan ketakwaan seserong hamba kepada Allah SWT.

Kajian oleh Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan* yang mengisahkan sebuah kajian tentang riwayat dan juga asal usul kejadian nabi Adam yang mana kajian ini dikaji oleh pengkaji kerana kajian berkaitan teks manuskrip *Hikayat nabi Adam* belum pernah dikaji oleh mana-mana tokoh lagi. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah menganalisis sejarah asal usul nabi Adam dan juga nilai-nilai Islam yang terkandung pada teks yang sejajar dengan ajaran al-Quran dan hadis. Pengkaji telah membataskan kajian ini hanya kepada teks manuskrip *Hikayat Nabi Adam* dan menggunakan kaedah kualitatif dan juga mengaplikasikan pendekatan dakwah yang terdapat dalam Teori

Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawasanya teks ini dapat dijadikan sebagai tunjang dan panduan di dalam meniti kehidupan seharian.

Kajian oleh Nurul Azreen Nik Mohamad Shaifuddin & Salmah Jan Noor Muhammad (2019) iaitu kajian mereka yang bertajuk *Cultural Values Of The Malay Community Through "Hikayat Misa Melayu"*. Pengkaji telah melihat beberapa kelompongan yang dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu dan merasakan kajian yang berkaitan perkara ini perlu diperluaskan tentang budaya yang telah menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini mengisahkan kajian tentang nilai-nilai budaya yang diamalkan dan dipraktikkan oleh masyarakat Melayu sejak berzaman lagi. Objektif kajian ini dikaji adalah untuk mengkaji budaya tradisional Melayu berdasarkan Hikayat Misa Melayu yang dianuti oleh Raja Chulan Raja Hamid dalam sekitar tahun 1992. Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu untuk memantapkan lagi kajian ini yang telah memperlihatkan salah satu budaya tradisional yang telah menjadi amalan masyarakat yang terdahulu seperti royalti. Rumusan daripada kajian ini, pengkaji telah membuktikan bahawa budaya terdahulu sangatlah penting kepada masyarakat kini dan masih boleh digunapakai sehinggalah ke hari ini.

Menerusi kajian oleh Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan oleh pengkaji terdahulu di dalam kajian mereka. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang mengemukakan dan mengupas cerpen berdasarkan kepada bentuk penceritaan yang terdapat dalam cerpen. Objektif kajian ini yang dikemukakan oleh pengkaji ialah mengenalpasti dan membahaskan akan kepincangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat melalui cerpen yang dipilih dengan lebih memperlihatkan akan sebuah kehidupan yang dipenuhi dan

dijalani oleh masyarakat dengan penuh kemungkarannya seperti adanya salah faham liberal dan keganasan. Pengkaji juga telah menganalisis dan mengkaji akan nilai-nilai ajaran Islam yang terdapat dalam cerpen terpilih. Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji secara terperinci dan melihat daripada perspektif Islam akan perkara yang menyebabkan keruntuhan sesuatu institusi sosial yang mencerminkan budaya masyarakat kini dan pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan telah diaplikasikan kerana ianya amatlah bertepatan dengan kajian pengkaji. Rumusan daripada kajian ini, dapatan kajian telah menunjukkan bahawasanya masyarakat dapat lebih memahami dan sedar akan kesan dan impak yang akan terjadi dan seterusnya mengkaji akan penyelesaian dan pencegahan untuk mengatasi masalah sosial yang dilihat semakin hari semakin memburuk yang terjadi dalam kalangan masyarakat terutamanya.

Sorotan kajian yang seterusnya oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) dalam tajuk kajian mereka iaitu *The Proselytization Aspect In The Novel Suriati Based On The Proselytization Approach Of The Malays Methodology Theory*. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjelaskan akan kesan dakwah dalam novel. Novel *Suriati* karya oleh Azizi Hj. Abdullah telah digunakan sebagai batasan dalam kajian ini yang menonjolkan kesan yang mendalam dalam memimpin dan membawa masyarakat ke arah kebaikan. Selain itu, kajian ini lebih mengfokuskan terhadap aspek dakwah dengan mengemukakan dan menyetengahkan akan tema keagamaan dalam menangani konflik keluarga. Dengan penerapan pendekatan dakwah dalam analisis, kajian ini telah mempamerkan dan menonjolkan kepelbagaian unsur dakwah yang dilihat dapat menarik perhatian pembacanya. Rumusan daripada kajian ini yang diperoleh pengkaji, jelaslah peranan pengkarya amat memainkan peranan yang penting dalam pemilihan genre sesebuah karya dan juga tujuan audiens dalam berkarya kerana penghasilan karya akan mempengaruhi jiwa pembaca yang membaca karya tersebut.

Kajian oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) dalam kajian mereka yang bertajuk *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas melalui novel *Ayahanda* ini oleh para pengkaji terdahulu yang dirasakan pengkaji perlu mengkaji perkara ini. Kajian ini berkisarkan sebuah kajian yang membincangkan nasihat-nasihat yang terdapat dalam Surah Luqman yang dapat diambil dan dijadikan sebagai bahan pendidikan dan juga sebagai perangsang dan pendorong dalam perkembangan awal sahsiah kanak-kanak. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis pendidikan anak-anak dengan berpandukan dan rujukan Surah Luqman. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan oleh pengkaji melalui Pendekatan Kemasyarakatan sebagai kerangka dan memantapkan lagi analisis kajian. Pengkaji menggunakan keadah kualitatif iaitu rujukan kepepustakaan dan teks, dan di samping, membataskan kajian ini kepada novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah sebagai sumber rujukan utama dalam menjayakan kajian ini. Rumusan kajian ini jelas menunjukkan bahawa Al-Quran sepatutnya dijadikan sebagai landasan dan rujukan dalam aspek pendidikan terutamanya seperti aspek rohani dan jasmani dalam diri seseorang individu dalam masyarakat agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak dan berkeperibadian yang tinggi dan mulia.

Kajian oleh Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani*. Objektif kajian ini dijalankan iaitu untuk menganalisis dan mengklasifikasikan pemikiran Islam di dalam konteks sosioekonomi. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada pemerhatian yang dilakukan daripada pemikiran Islam di dalam konteks sosioekonomi melalui kumpulan *cerpen Cahaya Pelita Nurani* (2015) karya oleh Nazri Hussein. Pengaliksaan Teori Pengkaedahan Melayu juga telah diaplikasikan di dalam kajian bagi mengukuhkan lagi

dapatan kajian. Hasil kajian mendapati tanggapan Islam di dalam kontek ini dapat dilihat menerusi enam testimonial iaitu berkaitan dengan persoalan kesaksamaan hak, penindasan, kemiskinan, pekerjaan dan juga pembangunan yang sepadan telah diamalkan dan diterapkan.

Sorotan kajian seterusnya oleh Wan Nurzafirah Wan Zin (2019) dalam tajuk kajiannya iaitu *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian yang lepas oleh para pengkaji terdahulu. Kajian yang telah dikaji oleh pengkaji ini merupakan sebuah kajian untuk mengenalpasti permasalahan yang boleh dikaitkan dengan nilai moral dan seterusnya pengkaji akan menganalisis unsur nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerpen terpilih. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan Pendekatan Moral telah diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Rumusan daripada kajian ini, ialah kajian ini merupakan satu kajian kualitatif dengan menghasilkan suatu dapatan kajian yang telah membuktikan bahawa cerpen *Saat Terakhir* dan *Dari Tanah Ke Tanah* ini telah terkandung begitu banyak nilai-nilai moral yang boleh diteladani oleh masyarakat.

Sorotan kajian oleh Hadijah Johari, Norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melayu Melalui Dakwah Islamiah*. Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji ini telah mengkaji karya Osman Ayob dalam karyanya iaitu *Kumpulan Cerpen Melamar Rindu* yang terkandung 18 buah cerpen lalu dikumpulkan di dalam karya beliau. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur dakwah menerusi cerpen *Melamar Rindu* ini. Dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang berlandaskan pendekatan dakwah, setelah menganalisis cerpen Melamar Rindu Ini, pengkaji telah mengenalpasti terdapat tiga buah cerpen

yang terkandung di dalamnya seperti *Gangguan*, *Doanya Termakbul* dan *Menimba Penawar* merupakan cerpen yang dilihat menepati dengan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji iaitu pendekatan dakwah. Jelaslah disini, bahawa melalui budaya membaca dan menghayati sesebuah karya, ini akan dapat memupuk nilai budaya yang lebih cenderung ke arah kemajuan dari segi intelektual dalam kalangan masyarakat.

Kajian oleh Nur Safiah Mohd Zakir (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti, merumuskan dan membincangkan tentang nilai keislaman berdasarkan cerpen terpilih menerusi teks. Pendekatan kualitatif telah digunakan sebagai kerangka panduan dengan bersandarkan kepada teori pengkaedahan Melayu. Menerusi dapatan yang telah diperolehi pengkaji dalam kajian ini ialah membuktikan bahawa nilai Islam yang terkandung dalam teks tersebut terbukti dapat memberi pengajaran yang dapat menyedarkan pembaca. Selain itu, hal ini juga wajar sepatutnya dijadikan sebagai medium untuk meningkatkan tahap ketakwaan diri seseorang individu kepada Allah SWT.

Sorotan kajian seterusnya oleh Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan*. Pengkaji telah menjalankan kajian ini kerana dirasakan terdapat beberapa kelompongan daripada kajian lepas oleh para pengkaji yang terdahulu melalui aspek pengisian Agama Islam yang dirasakan perlu dikaji dengan lebih dalam lagi oleh pengkaji. Kajian ini membincangkan perihal naskhah syair yang dipenuhi dan dipadatkan dengan nilai-nilai Islam terkandung dalamnya. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* berpandukan kepada

unsur dakwah. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan oleh pengkaji bagi memantapkan lagi analisis kajian ini yang berpaksikan Pengkaedahan Keagamaan melalui pendekatan dakwah. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada naskhah “*Syair Suka Duka Dalam Pelayar Ke Mekah*”. Jelaslah disini bahawa dengan penemuan nilai-nilai keagungan Allah dan juga kebesaran dan kehebatan Islam yang tersebar di dalam kalangan masyarakat dunia dilihat dapat memberi kebaikan ke seluruh pelosok dunia.

Nurul Safiah Ab. Rahim (2020) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Pengkaji lebih memfokuskan aspek kajian ini kepada sajak dan kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti, menganalisis, merumus dan membincangkan tentang nilai kepahlawanan menerusi sajak terpilih. Bagi memantapkan lagi kajian ini, Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan dengan menerapkan pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Kajian ini juga telah menggunakan keadah kajian kualitatif yang telah membataskan dapatan kajian menerusi antologi *Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim. Dapatan yang telah diperoleh pengkaji telah membuktikan bahawa karya ini sememangnya telah menerapkan nilai-nilai kepahlawanan dalam penulisannya. Rumusan kajian ini, jelaslah menunjukkan bahawa melalui penulisan sajak dapat dijadikan sebagai acuan dalam pembentukan sahsiah dan budaya masyarakat yang baik jika ianya dihayati dan diamati oleh masyarakat.

Menerusi kajian oleh Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian yang lepas

oleh para pengkaji terdahulu. Kajian ini mengisahkan tentang kajian yang mengkaji drama-drama Melayu popular yang telah dipilih di Malaysia. Di dalam kajian ini, pengkaji telah mengfokuskan kepada keindahan yang tersirat di samping melihat unsur kesenian yang dapat memberi hiburan kepada penonton. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti nilai-nilai kemelayuan yang terdapat dalam drama-drama Melayu terpilih dan mengkaji hubungan nilai kemelayuan menerusi drama Melayu terpilih dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Dua drama Melayu telah dipilih oleh pengkaji iaitu *Setia Hujung Nyawa* dan *Teduhan Kasih* sebagai sumber utama bahan rujukan oleh pengkaji dengan berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah keadah kajian kualitatif seperti kajian kepepustakaan sebagai kaedah kajian utama. Rumusan daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa nilai kemelayuan seperti nilai kepimpinan, nilai tabah dan juga nilai memelihara adat dan budaya adalah merupakan salah satu nilai yang terdapat dalam drama-drama terpilih dalam kajian ini.

Menerusi kajian oleh Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) dalam kajian mereka yang bertajuk *Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejan F.I.* Objektif dan tujuan kajian ini dijalankan oleh pengkaji kerana adalah untuk membincangkan tentang dakwah yang dilihat dapat berpaksikan akan kehidupan masyarakat Melayu yang sememangnya kaya dengan budi dan tatasusila kehidupan. Pengaplikasian pendekatan dakwah dengan kajian yang berupa deskriptif iaitu menggambar telah digunakan oleh pengkaji dimana kajian ini memfokuskan kepada watak dan perwatakan yang terdapat hubungkait dengan nilai kemanusiaan. Oleh itu, dapatan kajian ini telah menggunakan empat tema utama yang digarap menerusi pendekatan dakwah seperti ketakwaan, ilmu, keadilan dan taubat yang mana ianya mempunyai hubungkait antara masyarakat Melayu dengan ajaran agama Islam atau perintah Allah SWT yang hendaklah dipatuhi oleh masyarakat.

Kajian oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Kajian ini membincangkan tentang akal budi yang terkandung di dalam naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana melihat adanya kelompongan di dalam kajian lepas. Objektif kajian ini dikaji ialah untuk mengenalpasti dan juga menganalisis akal budi dari naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan dan juga pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan untuk memantapkan lagi dapatan kajian. Dapatan kajian membuktikan adanya akal budi masyarakat di dalam cerita lisan ini yang mampu memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.

Sorotan kajian seterusnya oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2020) dengan tajuk kajian mereka iaitu *Application of Theory of Malay Methology in Light of the Rural Though An Art Approach*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana telah melihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian oleh para pengkaji terdahulu. Pengkaji telah mengetengahkan dan mengemukakan aspek estetik berdasarkan novel yang dipilih iaitu karya Azizi Haji Abdullah. Pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan seni dengan melihat aspek estetika Islam yang telah diterapkan dalam novel yang dikaji dan seterusnya mencerminkan dan memperlihatkan aspek keindahan Islam yang dilihat sesuai dengan pendekatan yang telah digunapakai oleh pengkaji dalam kajiannya pada kali ini.

Kajian seterusnya oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Sabah*. Kajian ini telah dilakukan oleh pengkaji kerana melihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh pengkaji terdahulu. Kajian ini

berkisarkan tentang sebuah kajian cerita rakyat atau lebih dikenali sebagai Tangon dalam kalangan masyarakat suku Kimaragang di Sabah yang mana ianya dikaji oleh pengkaji kerana untuk melihat dan mendalami aspek nilai-nilai kepahlawanan yang terdapat dalam kalangan masyarakat suku Kimaragang, Sabah. Pendekatan Alamiah dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan dan menjadi dasar bagi menganalisis akan nilai-nilai kepahlawanan dalam kalangan masyarakat suku Kimaragang, Sabah. Selain itu, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian iaitu seperti kajian lapangan dan temubual dan seterusnya dapatan kajian telah menunjukkan nilai-nilai kepahlawanan seperti keberanian, semangat perjuangan, sikap terbuka dan rela berkorban yang dimiliki dan terkandung dalam tangon masyarakat suku Kimaragang. Rumusan kajian yang diperoleh pengkaji, jelaslah bahawa masyarakat suku Kimaragang telah mempraktikkan akan nilai kepahlawanan ini dalam kehidupan mereka agar dapat menjalani hidup dengan lebih baik.

Hashim Awang & Hashim Ismail (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin*. Kajian ini dijalankan oleh pengkaji yang bertujuan untuk mencapai matlamat tertentu iaitu mencari jawapan kepada persoalan yang berada di dalam pemikiran masyarakat. Objektif kajian ini dilakukan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis ciri jati diri pengarang Melayu di dalam *Sulalat al-Salatin* menerusi bentuk dan puitika minda pengarang Melayu di dalam melestarikan hubungan antar-budaya ini. Di dalam kajian ini juga, pengkaji telah membataskan kepada pemerhatian yang dilakukan ke atas hubungan antar-budaya Melayu-Jawa di dalam *Sulat al-Salatin*. Kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji ini telah menerapkan dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dan juga Teori Puitika Melayu bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian menemukan kajian ini dapat menjawab keseluruhan persoalan yang bermain di benak pemikiran pengkaji berkaitan dengan identiti pengarang Melayu dan juga gambaran imej antar-budaya.

Sorotan kajian oleh Nadia Ishak, Kamariah Kamarudin, Halis Azhan, Mohd Hanafiah & Haliza Abdul Rahman (2021) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Literature Role In The Daily Malay Community In The Novel "Seorang Tua Di Kaki Gunung From The Perspective Theory Of Pengkaedahan Melayu"*. Kajian ini telah dilakukan oleh pengkaji kerana melihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas berkaitan dengan perkara yang berkaitan ini oleh pengkaji terdahulu. Kajian ini berkisarkan tentang sebuah kajian yang telah mengangkat sebuah novel Azizi Hj Abdullah yang telah diterbitkan pada tahun 1982. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji fungsi sastera dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang telah diterapkan dalam kajian pengkaji dan kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Jelaslah di sini bahawa sastera memiliki fungsi yang tersendiri dalam realiti kehidupan manusia dan hal ini dapat dilihat menerusi Teori Pengkaedahan Melayu.

Sorotan kajian oleh Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2021) di dalam kajiannya yang bertajuk *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Kajian ini telah dilakukan oleh pengkaji kerana melihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh pengkaji terdahulu. Kajian ini berkisarkan tentang sebuah kajian yang mengkaji akan permasalahan dalam kalangan remaja selain daripada terlibat dalam hubungan percintaan. Pengkaji telah membataskan kepada tiga buah novel remaja seperti *Atukku Pejuang, Bening Mata Seorang Dia dan Melakar Sinar* bagi mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti, menganalisis dan merumuskan citra manusia yang dinamik. Pengkaji telah mengaplikasikan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Dapatan kajian yang diperoleh pengkaji telah menunjukkan bahawa di dalam novel-novel terpilih telah disaratkan dengan begitu banyak contoh teladan yang dapat dijadikan contoh yang dapat membentuk dan memelihara identiti masyarakat Melayu. Rumusan dari kajian ini, jelaslah menunjukkan karya sastera telah diterapkan

dan dipadatkan dengan begitu banyak nilai murni dapat dapat memberi perhatian kepada pembaca di samping dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah (2022) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan*. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji untuk menyangkal akan pemikiran masyarakat yang menganggap cerita rakyat yang bersifat rekaan, sekadar sebagai bahan hiburan dan tidak mempunyai nilai murni dan pengajaran yang dapat diperoleh daripadanya. Objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok. Sebelas cerita rakyat Melayu telah dibataskan oleh pengkaji sebagai batasan dalam data kajian yang telah diperoleh pengkaji daripada sumber di Bachok. Selain itu, bagi melengkapkan analisis kajian ini, pengkaji telah memilih pendekatan analisis kandungan kualitatif sebagai tunjang di samping mengaplikasikan pendekatan masyarakat di dalam analisis kajian bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Rumusan yang diperoleh daripada kajian ini ialah kajian ini telah berjaya menemukan melalui penelitian terperinci terhadap keunikan dialek Kelantan yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan yang dapat dilihat melalui amalan nilai-nilai murni yang jitu dan mulia masyarakat Melayu dapat menggambarkan akan ketamadunan masyarakat pada zaman dahulu.

Mastura Othman (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana mendapati terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh para pengkaji terdahulu di dalam

kajian mereka yang berkaitan dengan novel *Srengenge* ini. Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Srengenge* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji telah membataskan kajian ini hanya dengan menggunakan sebuah novel sahaja iaitu novel *Srengenge* oleh Shahnnon Ahmad. Selain itu, keadah kajian kualitatif telah digunakan oleh pengkaji sebagai kerangka panduan bagi melengkapkan kajian ini di samping mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi dapatan kajian. Kesimpulan daripada kajian ini ialah jelaslah menunjukkan bahawa novel ini mengandungi begitu banyak nilai-nilai kemanusiaan yang dapat dihayati dan seterusnya diambil sebagai contoh teladan yang baik dalam membentuk masyarakat yang bermoral tinggi.

Kajian seterusnya oleh Maizatul Akma Shamsuddin (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh para pengkaji yang terdahulu melalui unsur budaya dalam cerita budaya. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengkaji dan menganalisis unsur budaya dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah kepepustakaan dan rujukan teks dan pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada 20 buah cerita naratif yang dipilih daripada cerita tokoh dan cerita binatang menerusi teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi dapatan kajian. Rumusan daripada kajian ini, jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat mengandungi pelbagai

unsur budaya yang dapat memberi pengajaran dan seterusnya membentuk keperibadian masyarakat dalam menghasilkan jati diri yang hebat.

Sorotan kajian seterusnya oleh Muhammad Syauqi Mat Zawawi (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu (2022)*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh pengkaji yang terdahulu yang mana tidak ada pengkaji yang mengkaji akan perkara ini. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti dan menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada empat belas buah cerita rakyat yang telah dipilih melalui buku *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai sumber rujukan iaitu seperti kepepustakaan dan juga rujukan teks disamping pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan oleh pengkaji di dalam kajian ini bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi dapatan kajian. Rumusan mendapati bahawa lirik lagu yang telah dicipta telah menimbulkan beberapa nilai murni yang dapat diambil sebagai pengajaran kepada masyarakat yang akan datang.

Nur Emy Amirah Zawawi (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Nilai Dan Pengajaran Dalam Buku 'Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka' Karya 'Azimin Daud*. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana melihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah mengenalpasti dan menganalisis nilai dan pengajaran yang ada pada buku *'Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melayu'* karya 'Azimin Daud. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada buku *'Pantun Berkait Peri Loka Tanah*

Melaka' yang dilihat sarat dengan nilai dan pengajaran yang terkandung di dalamnya. Kaedah kualitatif telah digunakan di dalam kajian ini oleh pengkaji menerusi kaedah kepepustakaan dan juga Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan di dalam kajian ini melalui Pendekatan moral yang dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa buku pantun ini sangat kaya dengan nilai dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengkarya kepada masyarakat.

Akhir sekali, sorotan kajian oleh Eiffa Yuhanis Roslan (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989)*. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan dalam kajian lepas oleh pengkaji yang terdahulu berkaitan dengan unsur nilai ini. Kajian ini berkisarkan sebuah kajian cerita rakyat akan unsur nilai yang terkandung di dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih mengfokuskan kepada aspek nilai dan moral dalam cerita-cerita rakyat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur nilai berdasarkan *teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang mengandungi kebudayaan masyarakat Melayu. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan bagi mengukuhkan lagi analisis melalui penerapan pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah di samping, pengkaji telah membataskan 20 buah cerita rakyat Melayu yang telah dipilih melalui teks. Kajian ini juga telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kepepustakaan dan juga analisis teks. Rumusan kajian jelaslah menunjukkan bahawa naratif ini kaya dengan pengajaran dan nilai-nilai yang mampu menggambarkan kebudayaan masyarakat Melayu yang telah menjadi norma kehidupan masyarakat dan juga menjadi sebagai wadah dalam pembentukan insaniah dan sahsiah masyarakat.

2.4 Penutup

Keseluruhannya, bahagian ini telah menyatakan dan menggambarkan kepada pengkaji untuk melakukan penyelidikan yang mantap dan juga memilih teori yang berseuai dan tepat. Sorotan kajian yang dipilih dan diteliti amatlah bertepatan dengan tajuk penyelidikan dan kerangka kajian yang diingini dan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji juga amat berharap bahawa kesemua sorotan kajian ini yang telah dinyatakan dalam bab 2 ini oleh pengkaji mampu dijadikan sebagai penanda aras dalam menyelesaikan kajian ini dengan sangat padat. Kewujudan kajian-kajian lepas yang dapat dikaitkan dengan tajuk kajian pengkaji, pengkaji dapat menjadikan sebagai sumber rujukan yang sahih selain dari dapat mengelakkan akan plagiat dalam kajian. Akhir sekali, dengan melakukan sorotan kajian, pengkaji dapat menjangka dan juga merangka akan beberapa hal yang dapat di sinambungkan dan akhirnya mampu mewujudkan suatu penyelidikan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Pengkajian tentang identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dipilih dijalankan secara sistematik iaitu melalui kajian teks. Maklumat daripada teks pilihan telah digabungkan dengan teori pilihan yang menjadi teras kajian untuk menghasilkan satu hasil dapatan kajian yang dapat menghasilkan satu kesimpulan kajian yang baik dan menyakinkan. Selain itu, data-data yang diperolehi melalui penyelidikan kepustakaan dan laporan yang diperolehi telah menyalurkan kefahaman dengan banyaknya untuk pengkaji akan perkara yang ingin dikaji dan cara untuk menggunakannya agar ianya bersesuaian dengan kajian ini. Malahan, laporan-laporan kaji selidik daripada pengkaji lepas dan juga kajian lepas yang telah diteliti telah menyebabkan kajian ini dapat dijalankan dengan mudah.

Pengkaji akan menggunakan dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hasyim Awang melalui pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan pada kajian pada kali ini sebagai proses deduktif. Menurut Siti Uzairiah Mohd Tobi (2017:54), beliau mengatakan bahawasanya yang mana pengkaedahan kualitatif menjadi pilihan pengkaji, namun ianya perlulah dijalankan dengan mengikut logiknya. Oleh itu, pada kajian kali ini, pengkaji menggunakan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Rentetan dari itu, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan firasat dan pendekatan kemasyarakatan telah menjadi pilihan pengkaji dalam kajian pada kali ini.

Pengkaji akan meneliti beberapa buah naratif yang menjadi pilihan pengkaji di dalam teks *Seuntaian Naratif di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan secara terperinci dan mengemukakan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang terdapat dalam teks naratif lisan yang dipilih berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu dengan secara lebih terperinci dan mendalam lagi. Pengkaji akan menghuraikan, meramalkan dan menerangkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat yang terpilih. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis dan menghuraikan peristiwa dan hubungkait antara kejadian, membuat andaian untuk menyelidik kaitan antara dua atau lebih peristiwa dan akhir sekali menjelaskan punca dan kesan daripada kejadian tersebut dalam setiap cerita rakyat hingga dapat menonjolkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks cerita rakyat Melayu yang ingin disampaikan kepada kumpulan sasaran.

3.2 Metodologi Kajian

Metodologi memberi pengertian pemahaman dan pengetahuan tentang cara atau peraturan yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalani sesuatu penyelidikan bagi menggapai maklumat yang diinginkan. Menurut *Kamus Dewan* (2007), metodologi dapat ditakrifkan sebagai sebuah atau suatu sistem yang meliputi penggunaan cara dan juga prinsip dalam melakukan sesuatu aktiviti. Menerangkan metodologi kajian dengan terang amat perlu dititikberatkan agar pengkajian yang pengkaji lakukan bertepatan dengan kaedah yang sesuai dan mampu menjawab segala permasalahan kajian yang akan dijumpai.

Metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini merupakan satu kaedah merangkumi keseluruhan perjalanan kajian, daripada mengumpul dan menganalisis maklumat yang dikumpul kepada asas teori yang digunakan. Penyelidikan ini menggunakan pengkajian secara kualitatif dimana ianya dapat membolehkan pengkaji untuk menganalisis cerita rakyat dengan lebih

mendalam lagi. Kajian ini akan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan Pengkaedahan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan yang dipelapori oleh Hashim Awang.

Penetapan tatacara metodologi kajian adalah amat wajib untuk dipatuhi kerana ianya untuk dapat membenarkan pengkaji untuk menjawab segala masalah kajian yang timbul pada mula kajian. Selain itu, ia juga amat penting untuk dipatuhi kerana membenarkan orang lain untuk menjadikan tatacara kajian yang dijalankan sebagai rujukan dan mampu untuk mengulangi cara yang berkaitrapat untuk mengkaji pengkajian yang berhubung. Menurut Siti Uzairiah Mohd Tobi (2017:2), tatacara yang dapat diulang akan dapat membuahakan hasil yang berkenaan, namun begitu ianya akan terdapat menampilkan perbezaan dan seterusnya membawa kepada perkembangan sumber ilmu dalam satu perkara yang berhubung.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Pengkajian yang telah dilakukan ini adalah satu penyelidikan yang mempunyai sifat deskriptif. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tunggal yang mana ianya hanyalah memerlukan dapatan yang diperolehi dan digunakan dengan pengumpulan data kualitatif sahaja. Penyelidikan ini juga menyatakan pendekatan yang semula jadi atau lebih dikenali dengan pendekatan naturalistik. Ianya adalah untuk menyelidik sesuatu yang membawa kepada kefahaman dalam menyelidik satu masalah sosial yang timbul.

Kita dapat lihat dengan jelas bahawa kaedah ini mempunyai bentuk datanya yang sangat berlainan dengan kuantitatif. Pengkaji hanya akan mengfokuskan kepada data yang diperolehi melalui analisis dokumen sepanjang kajian ini dilaksanakan. Jika ingin dibandingkan dengan pengumpulan data kualilitatif yang diperolehi melalui temubual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Justeru itu, pengkaji telah menetapkan beberapa kaedah kajian bagi mencapai objektif kajian ini dan akan dikumpulkan menerusi kaedah kepepustakaan dan penganalisisan teks. Catatan adalah salah satu penyokong yang amat penting kepada pengkaji dalam mencatat data yang dikumpulkan mengikut tatacara kajian kualitatif. Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis oleh pengkaji dan akan diaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan Pengkaedahan Alamiah.

3.3.1 Kaedah Kajian

Dua kaedah kajian telah digunakan dalam kajian iaitu kaedah kepepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah kajian ini digunakan adalah untuk mengumpulkan, mengolah dan menganalisis maklumat secara kualitatif bagi memenuhi penetapan objektif kajian pada permulaan kajian.

3.3.1.1 Kepepustakaan

Kaedah kepepustakaan dapat membenarkan pengkaji untuk merujuk sumber dan rujukan yang telah dicetak dan media elektronik seperti buku jurnal, novel, buku cerita, kamus dan juga rujukan internet. Melalui rujukan kepustakaan ini, pengkaji dapat meneliti banyak pengkajian yang terdahulu yang berhubungkait dengan kajian yang dilaksanakan ini.

Kaedah kepepustakaan ini adalah salah satu kaedah yang sangat penting kerana ianya merupakan satu kaedah yang mana memerlukan pengkaji untuk meneroka data serta rujukan bagi penyelidikan pada kali ini. Penggunaan sebuah buku naratif utama sebagai rujukan, buku, jurnal-jurnal berkaitan, akhbar, kertas kerja, tesis-tesis, Kamus Dewan dan lain-lain lagi telah dirujuk oleh pengkaji. Fokus pengkaji adalah untuk mengumpulkan segala maklumat yang berkaitan pada kata kunci cerita rakyat, identiti kebudayaan masyarakat Melayu, dan juga Teori Pengkaedahan Melayu.

3.3.1.2 Rujukan Teks

Buku utama yang telah dipilih oleh pengkaji untuk mengkaji naratif cerita rakyat ini adalah buku *Seuntaiian Lembangan Naratif Lisan di Pengkalan Sungai Datu, Kelantan*, hasil penulis iaitu Mohd Firdaus Che Yaacob telah dipilih untuk dikaji oleh pengkaji. Buku ini telah diterbitkan oleh Penerbit UMK, dan dicetak oleh Pencetakan Mesbah Sdn Bhd pada tahun 2021. Berdasarkan daripada pembacaan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji, pengkaji dapat mengenal pasti, menganalisis, menyimpulkan dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pengkaedahan Alamiah (Pendekatan Gunaan, Pendekatan Firasat, Pendekatan Moral) dan pendekatan kemasyarakatan untuk menyiapkan dan melengkapkan kajian ini yang berkaitan dengan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat yang telah dipilih oleh pengkaji.

3.4 Analisa Data Secara Kualitatif

Kebanyakan data-data kualitatif dapat dan boleh menggunakan teknik analisis kandungan dalam menganalisis data yang telah dijumpai dan dikumpulkan. Hal ini adalah kerana ianya memerlukan pengkaji dan penyelidik untuk menginterpretasikan data tersebut kepada maklumat dan info yang lebih bermakna mengikut tema yang telah dikenalpasti. Pengkaji merupakan instrumen yang dapat menginterpretasikan data. (Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2017:54)

Pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif kualitatif untuk menganalisis cerita rakyat yang dipilih. Data kajian dianalisis untuk melihat identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang wujud dalam cerita-cerita rakyat yang dipilih. Penentuan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang wujud dalam cerita rakyat dapat dilihat dengan jelas melalui gambaran yang ingin disampaikan oleh penulis yang dinyatakan dengan jelas atau tidak, dialog antara watak, dan juga nilai-nilai dalam diri penyelidik sendiri.

Nota lapangan dan catatan analisis teks yang telah dilakukan oleh pengkaji akan digabungkan dan dijalinkan bagi membentuk kesimpulan atau penemuan-penemuan baharu dalam kajian ini tanpa mengabaikan sorotan dapatan kajian-kajian lepas sebagaimana yang telah dinyatakan pada Bab 2. Dengan kata lain, penemuan-penemuan baharu pengkaji akan bersandarkan kepada teori dan juga dapatan kajian literatur yang telah dibaca oleh pengkaji.

3.5 Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu

3.5.1 Latar Belakang Teori Pengkedahan Melayu

Pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989 untuk kajian pada kali ini. Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah satu asas dan merupakan tunjang kepada ilmu pengetahuan dan berbentuk ilmiah. Permulaan dan penciptaan teori ini oleh para sarjana adalah kerana mereka mendapati bahawa terdapat banyak kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana dan pelajar menggunakan teori barat ini sedangkan sifat yang kita dapat lihat dengan jelas di dalam teori ini adalah ianya bersifat luncas dan erotik. Sedangkan kita sebagai masyarakat Melayu dan beragama Islam, agak tidak elok jika mengkaji dan mempelajari teori sebegini. Menurut Hashim Awang (1997), sesebuah karya sastera yang diwujudkan oleh pengkarya atau penulis bersifat dinamik dan ianya sepatutnya diteliti dengan menyeluruh tanpa meninggalkan walaupun hanya satu bahagian kecil dalam karya.

Pada akhir tahun 80-an, sarjana tempatan telah menghasilkan teori tempatan atas dasar kesedaran akan kepicangan, kekurangan, kelemahan dan ketidaksesuaian teori barat ini yang telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian mereka terutamanya sastera tempatan. Hal ini dikatakan sedemikian adalah seperti yang dinyatakan di atas, dimana teori-teori barat ini amatlah tidak bersesuaian untuk dikaji oleh masyarakat Melayu terutamanya cara hidup masyarakat barat dengan masyarakat Melayu amatlah bertentangan. Oleh hal yang sedemikian, ahli sarjana di Malaysia telah mencipta teori-teori tempatan untuk diaplikasikan dalam kajian sastera Malaysia.

Salah satu teori yang dicipta oleh tokoh tempatan adalah seperti Teori Puitika Sastera Melayu yang telah dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh, Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana, Teori Takmilah daripada Shafie Abu Bakar, Teori Persuratan Baru

daripada Mohd. Affendi Hassan, Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Hassan dan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang.

Teori yang akan dibincangkan adalah teori Pengkaedahan Melayu yang telah dipilih oleh pengkaji daripada Hashim Awang pada tahun 1989. Hashim Awang merupakan anak kelahiran negeri Terengganu pada tahun 1937. Teori Pengkaedahan Melayu ini telah dicetuskan adalah kerana para sarjana menyatakan tidak semua teori Barat dapat menganalisis karya Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, teori-teori Barat berlandaskan ciri-ciri sejarah, agama dan kebudayaan yang sememangnya menyimpang jauh daripada sudut sastera Melayu. Oleh itu, buat pertama kalinya, teori ini telah dibentangkan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989 di dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Hashim Awang (1997) telah menyatakan bahawasanya teori yang telah dibentangkan oleh tokoh Barat adalah sangatlah tidak bersesuaian dan tidak mencakupi, bersifat tidak adil dan ianya hanyalah akan menekankan sepenuhnya penelitian hanya kepada satu perkara sahaja dan bukannya menyeluruh seperti yang kita inginkan.

Pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelaporikan oleh Hashim Awang di dalam kajian pada kali ini. Hal ini adalah kerana teori yang diasaskan oleh Hashim Awang ini dilihat mencakupi dengan kehendak objektif yang diingini oleh pengkaji dalam mengkaji kajian ini. Hashim Awang telah menghasilkan sebuah teori yang berasaskan kepada dua komponen utama, iaitu Agama Islam dan masyarakat Melayu. Teori ini amatlah wajar untuk pengkaji gunakan terutamanya masyarakat Melayu untuk mengangkat martabatnya agar ianya sejajar dan setanding dengan teori barat kerana ianya telah mengubah landskap sastera tempatan dan menjadikan karya sastera tempatan sebagai sebuah karya yang lebih utuh dan konkrit sifatnya.

3.5.2 Teori Pengkaedahan Melayu

Menurut Hashim Awang (2002:2), Teori Pengkaedahan Melayu ini berlandaskan kepada kenyataan realiti hidup yang sebenar dan juga agama bangsa Melayu iaitu agama Islam serta sifat penciptaannya. Hashim Awang telah membahagikan teori ini kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah telah dibahagikan dan dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Manakala bagi Pengkaedahan Keagamaan pula juga turut dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Pengkaedahan Alamiah iaitu melalui pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan firasat dan juga pendekatan kemasyarakatan. Ianya dipilih kerana ia mempunyai saling hubung kait antara tajuk dan juga kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji.

Hashim Awang (2017) telah menyatakan sewaktu Wacana Teori Pengkaedahan Melayu dan Islam telah menegaskan bahawasanya agar masyarakat Melayu untuk merangka satu pengkaedahan sastera yang berpaksikan kepada masyarakat dan juga alam kerana ia merupakan satu perkara yang melambangkan jati diri bangsa Melayu sebagai wadah dan warisan budaya bangsa. Hal ini dapat memberikan peranan yang sangat penting dan besar dalam perkembangan dan juga kemajuan sastera tempatan.

Teori daripada Hashim Awang ini telah menjadikan alam sebahagian daripada kehidupan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan manusia. Alam merupakan salah satu faktor yang utama dalam memenuhi keperluan kehidupan manusia yang dapat memberikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman dan pengajaran dalam hidup dan juga akhir sekali kebajikan.

Oleh itu, kita dapat simpulkan disini bahawasanya Teori Pengkaedahan Melayu yang telah diilhamkan oleh Hashim Awang ini telah dikemukakan berdasarkan cara hidup, kepercayaan, adat resam dan juga identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang telah melahirkan karya sastera itu sendiri.



Carta 1: Teori Pengkaedahan Melayu

3.5.2.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah merupakan pengkaedahan yang pertama di dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan ianya telah terbahagi kepada tiga pendekatan, iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Pendekatan Alamiah merupakan satu pekara yang berasaskan kepada kelakuan atau cara dan gaya hidup masyarakat Melayu itu sendiri dimana ianya terhasil daripada corak yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri mereka. Menurut Hashim Awang (2002), teori ini sebenarnya didasarkan kepada anggapan bahawasanya sastera ini adalah merupakan salah satu daripada objek daripada hasil ciptaan objek lain yang diciptakan

Tuhan, manakala sastera pula merupakan hasil daripada ciptaan manusia. Dengan merujuk kepada pandangan tersebut, oleh itu, sastera dianggap dan dilihat sebagai suatu objek alam yang mana kejadiannya mempunyai hikmah dan fungsinya yang tersendiri.

Pengkaedahan alamiah ini berasaskan kepada kelakuan dan gaya kehidupan masyarakat Melayu yang berhubungkait dengan alam yang mana alam telah menjadi sebagai sebahagian dengan hidup masyarakat. Mereka telah menjadikan alam sebagai tunjang utama sebagai punca dalam menyalurkan pendapatan, peristiwa kehidupan, kebajikan dan juga pengajaran. Hashim Awang (1995), menyatakan Pengkaedahan Alamiah ini berpaksikan kepada gaya hidup yang dijalani oleh anggota masyarakat yang telah bergabung dengan alam yang dianggap sebagai salah satu daripada diri mereka yang telah terbahagi kepada tiga iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.

3.5.2.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan telah berpaksikan akan tanggapan bahawasanya sastera ini merupakan objek-objek alam iaitu satu perkara terhasil daripada alam yang diciptakan oleh Tuhan manakala sastera juga adalah salah satu perkara yang manusia ciptakan. Menurut Hashim Awang(1993), sastera merupakan ciptaan manusia yang mempunyai fungsinya yang tersendiri dan utama iaitu adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Oleh itu, beliau berkata sastera ini juga amat wajar dan sepatutnya dikaji melalui pendekatan ini. Selain itu juga, Pendekatan Gunaan telah memandang sastera itu adalah satu benda ciptaan yang mempunyai konsep yang sama dengan konsep penciptaan objek yang telah diciptakan Tuhan. Ianya juga merupakan satu peristiwa dan kejadian yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat bersama dengan objek alam yang ada.

3.5.2.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan Moral pula adalah merupakan satu kejadian alam yang bersifat peristiwa hidup, disamping dianggap sebagai objek alam. Hashim Awang (1999:8), menyatakan bahawa pendekatan ini telah membentuk suatu peristiwa kehidupan manusia yang telah dialami oleh sesetengah manusia sahaja. Pengalaman tersebut biasanya berasal dan berasaskan kepada dua benda yang penting seperti berkait dengan pengalaman yang telah dihadapi oleh individu tersebut dan pengetahuan yang berkait rapat dengan individu tersebut termasuklah kawasan sekeliling mereka. Perbuatan manusia itu dapat dilihat daripada dua perkara iaitu aspek negatif dan juga positif yang dapat diambil sebagai teladan dan peraturan dalam hidup masyarakat Melayu. Oleh itu, sastera telah memenuhi keperluan konsep yang dapat ditimba dan diperoleh sebanyak yang mungkin akan pengalaman dan juga pengajaran yang terkandung di dalamnya. (Hashim Awang, 1993)

Konteks moral dalam pendekatan ini bermaksud, sesebuah karya tersebut perlulah didasari dengan peristiwa yang dihadapi penulis yang mengandungi ilmu pengetahuan di dalamnya. Penulis telah mengarang karya mereka berdasarkan kepada peristiwa dan juga pengetahuan yang bermakna. Ini bermaksud, di dalam sebuah karya sastera itu terkandungnya pengalaman dan juga ilmu pengetahuan yang telah diterapkan dan diceritakan oleh pengarang. Oleh itu, moral merupakan suatu pertambahan ilmu dan segala soalan yang timbul berkaitan dengan ilmu. Moral itu juga berpaksikan kepada masalah yang dihadapi dalam peristiwa menimba pengetahuan yang dapat diteroka dan dipetik di dalam sesebuah karya-karya sastera.

3.5.2.1.3 Pendekatan Firasat

Pendekatan yang ketiga dan terakhir di dalam pengkaedahan alamiah ialah pendekatan firasat. Pendekatan Firasat berasaskan kepada pemikiran yang menyatakan sastera merupakan satu peristiwa alam yang telah membuahkan peristiwa hidup atau lebih tepat merupakan fenomena alam semesta yang mengandungi pengalaman dalam kehidupan manusia. Menurut Hashim Awang (2002:18), menyatakan pendekatan ini berhubung kait dengan mimpi. Sastera juga dapat menyerupai kejadian suatu mimpi bertepatan dengan kejadian alam semesta yang dapat menambahkan pengalaman di dalam kehidupan. Ianya menyatakan satu peristiwa alam yang mengandungi makna, yang hanya dapat ditemui melalui proses tafsiran. Kemisterian itu juga dapat dilihat melalui corak persembahannya, yang bermaksud karya sastera itu mengandungi makna disebalik kejadian yang telah berlaku. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pendekatan firasat adalah merupakan satu pendekatan yang memberikan perhatian kepada cara pemaknaan sesuatu simbol yang dapat dijadikan sebagai lambang dan tanda sesuatu objek dan peristiwa yang telah terjadi di dalam kehidupan seseorang individu itu sendiri.



Carta 2: Pengkaedahan Alamiah

3.5.2.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan merupakan sebuah pendekatan yang bertunjangkan akidah Islamiah yang bertunjangkan dan berasaskan kepada keimanan. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana sumber utama dalam pendekatan ini adalah bersumberkan kepada Al-Quran dan Al-Hadis. Berbeza dengan pendekatan Alamiah, pendekatan Keagamaan lebih menumpukan kepada sifat-sifat keagungan dan kekuasaan Allah. Menurut Hashim Awang (2002), Pengkaedahan Keagamaan ini juga mementingkan dan mengutamakan nilai estetika dan moral. Hashim Awang (1995), juga menyatakan bahawa nilai yang telah diterapkan di dalam setiap karya sastera yang berpaksikan kepada unsur agama Islam dapat menimbulkan akan keindahan dan juga kebesaran Allah SWT.

Secara keseluruhannya, identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Melayu amat penting kepada masyarakat Melayu terdahulu dan juga untuk masyarakat Melayu yang akan datang. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana identiti kebudayaan masyarakat Melayu merupakan tunjang dan asas yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terutamanya dalam menuju ke arah keharmonian dan kesatuan masyarakat Melayu dan seterusnya membawa kepada pencapaian kejayaan dan ketamadunan sesuatu bangsa dan negara. Oleh hal yang sedemikian, pengkaedahan alamiah merupakan satu perkara atau cara yang paling terbaik yang telah dipilih oleh pengkaji dalam menyatakan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Melayu.

Selain itu, menurut Hashim Awang (1999) menyatakan pengkaedahan ini terbahagi kepada Pendekatan Seni, Pendekatan Kemasyarakatan dan juga Pendekatan Dakwah.

3.5.2.2.1 Pendekatan Seni

Penelitian terhadap nilai-nilai estetika dalam sesebuah karya sangat dititikberatkan dalam pendekatan ini. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana unsur keindahan yang terdapat dalam karya sastera diberikan keutamaan dan ianya telah menjadikan kesusasteraan sebagai persoalan pokok. Menurut Hashim Awang (2002), ciri-ciri Pendekatan Seni mengandungi akan nilai-nilai estetika yang bertunjangkan agama Islam yang telah digunakan dalam meneliti keindahan dalam sesebuah karya sastera yang tidak bertentangan dengan ajaran dan juga akidah agama Islam. Selain itu juga, terdapat beberapa unsur yang merangkumi seperti tema dan watak, gaya penceritaan, sudut pandang dan bahasa yang dapat dilihat dalam mengenalpasti keindahan sesebuah karya sastera itu.


3.5.2.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan Kemasyarakatan merujuk kepada persoalan hal utama dalam pendekatan ini iaitu dalam mencari kebaikan, keadilan dan juga manfaat yang berdasarkan kepada aspek agama Islam. Menurut Hashim Awang (2002:21), menyatakan bahawa Pendekatan Kemasyarakatan adalah merupakan satu perkara yang dapat memberi pendedahan kepada segala persoalan yang terarah kepada untuk menuntut kebaikan dan juga keadilan dalam kehidupan manusia sesama manusia seperti yang dikehendaki oleh agama Islam. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa menerusi pendekatan ini, sastera merupakan sebagai wadah yang digunakan untuk menyampaikan kepada masyarakat yang bertujuan untuk mencapai keharmonian dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia. Hashim Awang (1994) menyatakan ciri-ciri Pendekatan Kemasyarakatan ialah memberi kenyataan yang jelas dan benar berkaitan dengan masaah yang berkaitan dengan penipuan rasuah, ketidakadilan dan segala hal negatif dan buruk yang boleh membawa ke arah keruntuhan akhlak manusia. Selain itu juga, ianya terdapat dan mengandungi persoalan isi dan tema yang berfokuskan kepada kepincangan dalam masyarakat yang sepatutnya diberikan perhatian yang

mendalam. Dan akhir sekali, semua perkara yang berkaitan dengan persoalan manusia dipandang dan dilihat dari sudut Islam agar tidak dijadikan dan digunakan hanya sebagai satu propoganda dalam menempiskan akan realiti yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu.


3.5.2.2.3 Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah pula merujuk kepada kebesaran dan juga kekuasaan Allah SWT dan juga sifat-sifat keagungan Agung Allah SWT yang terdapat dalam sesebuah karya kesusasteraan. Melalui kesusasteraan, nilai ketakwaan seseorang individu itu dapat dipertingkatkan. Menurut Hashim Awang (1999) telah menyatakan ciri-ciri Pendekatan Dakwah yang dipaparkan di dalam karya sastera menunjukkan akan persoalan yang berkenaan dengan sifat keagungan, kemuliaan dan kekuasaan Allah SWT yang dapat membawa dan menimbulkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Seterusnya, karya sastera juga telah menekankan akan persoalan dan pertanyaan yang berkenaan dengan sifat kemuliaan dan kekuasaan dan juga keistimewaan agama Allah SWT yang mana secara tidak langsung dapat menumpukan kepada masyarakat Islam agar dapat mendalami agama Islam. Dan akhir sekali, pendekatan dakwah lebih menekankan kepada aspek amanat dan tema dalam permasalahan agama yang telah dipertunjukkan.



Carta 3: Pengkaedahan Keagamaan

3.6 Kerangka Konseptual



Rajah 3.6 Kerangka Konseptual

3.7 Penutup

Dengan keseluruhannya, di dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan akan metodologi kajian yang diaplikasikan dengan lebih terperinci. Pengkaji telah menyatakan cara yang telah diaplikasi untuk menyelesaikan segala soalan yang timbul. Pengkaji telah menyatakan akan pemilihan reka bentuk kajian, kaedah kajian dan strategi analisa data kualitatif telah juga dinyatakan dengan sangat jelas. Metodologi kajian yang digunapakai adalah berpaksikan kepada penyelidikan lalu iaitu Bab 2 dan perkara yang telah diutarakan dalam Bab 1.

Selain itu, Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah dijelaskan oleh pengkaji. Pengkaji telah memilih teori ini sebagai kerangka dan juga tunjang kajian dalam mengkaji identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dapat memberi keyakinan yang teguh di dalam diri pengkaji dimana pengkaji yakin bahawasanya teori ini satu teori yang sangat hebat, tidak kurangnya dengan teori barat dan mampu menandingi kedudukan teori-teori tersebut. Hampir kesemua teori yang dipakai dalam penyelidikan oleh pengkaji terdahulu merupakan hasil peniruan dari Barat. Oleh itu, perlunya penapisan dan juga batasan untuk mengukuhkan jati diri yang jitu kerana masyarakat Melayu ini memiliki nilai-nilai dan darjat yang berbeza yang dimiliki oleh masyarakat tempatan berbanding dengan masyarakat Barat. (Sahlan Mohd Saman, 1999: 52).

BAB 4

Analisis Dan Dapatan Kajian

4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan serta menghuraikan dapatan kajian setelah pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan juga kaedah kajian bagi mengenalpasti akan unsur kebudayaan masyarakat Melayu yang mana kedua-dua kaedah ini telah digunapakaikan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data untuk dijadikan sebagai rujukan. Selain itu juga, di dalam bab ini, penganalisan dan juga penjelasan dengan lebih terperinci akan dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan cara deskriptif untuk mengenalpasti akan unsur yang merangkap identiti kebudayaan masyarakat Melayu dan cara unsur-unsur kebudayaan itu memberikan impak dalam kehidupan masyarakat Melayu. Seterusnya, melalui bahagian ini, pengkaji akan memperincikan dan menjelaskan teori yang telah diaplikasikan dalam kajian ini agar ianya mudah difahami supaya pengkaji dapat menghuraikan dapatan dengan lebih mantap dan juga senang difahami.

4. 2 Unsur kebudayaan

Edward (1972), menyatakan bahawasanya kebudayaan adalah merupakan satu sistem yang sangat kompleks yang telah mencakupi segala perkara seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat, kemampuan dan juga kebiasaan atau juga kelebihan atau kurniaan yang diperoleh dan didapati oleh seseorang manusia sebagai anggota masyarakat. Manakala menurut Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016), kebudayaan bermaksud suatu peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat Melayu daripada zaman dahulu hinggalah zaman kini yang diperturunkan dan diwarisi secara meluas agar ianya tidak luput ditelan zaman. Selain itu juga menurut Aziz Deraman (1975) menyatakan kebudayaan juga membawa maksud akal budi yang dimiliki oleh manusia yang dipengaruhi oleh dua kesatuan pengaruh iaitu alam dan zaman yang menyatakan bahawa manusia telah berjaya mengatasi segala rintangan dengan adanya perilaku yang tertib dan juga aman. Oleh itu, jelaslah disini bahawa kebudayaan adalah merupakan satu gaya hidup yang diamalkan oleh satu kelompok masyarakat tertentu yang merangkumi aspek seperti sistem pengetahuan, ekonomi, sosial, politik, agama, kepercayaan dan juga teknologi di dalam sesuatu kumpulan masyarakat tersebut.

4.2.1 Alam Sebagai Sumber Kehidupan Masyarakat Melayu

Kita dapat lihat di dalam identiti kebudayaan masyarakat Melayu, bahawasanya manusia dan alam sekitar mempunyai kaitan di antara satu sama lain. Manusia menggunakan alam semula jadi bagi menuruskan kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat dari sudut ekonomi, sumber mata pencarian dan juga sistem pengetahuan yang jelas menunjukkan hubung kait antara manusia dan juga alam yang mana alam semula jadi adalah merupakan persekitaran yang menghubungkan manusia dengan hidupan lain bagi meneruskan kehidupan mereka (Ibrahim Komoo, 2000: 47). Oleh itu, kita dapat lihat dengan jelas bahawasanya sumber alam adalah merupakan

satu perkara yang sangat penting kepada kehidupan bagi meneruskan kelangsungan kehidupan mereka di atas bumi ini.

4.2.1.1 Sistem ekonomi

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, ekonomi bermaksud sesuatu ilmu yang dapat dikaitkan dengan pengeluaran, pengagihan, perkhidmatan dan juga penggunaan barang-barang. Manakala menurut Deliarnor (2003), menyatakan maksud ekonomi adalah peraturan yang menyelenggarakan keperluan hidup manusia di dalam sesebuah rumah tangga masyarakat ataupun bangsa. Selain itu juga, *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, ekonomi juga bermaksud sistem pengendalian sumber kekayaan contohnya seperti perdagangan, perindustrian, kewangan dan lain-lain lagi yang berkait rapat dengan aktiviti ekonomi. Dapat disimpulkan bahawa ekonomi adalah satu aktiviti pengagihan dan juga pengeluaran yang telah dijalankan oleh masyarakat yang dapat menjana sumber pendapatan dan juga pekerjaan kepada masyarakat. Oleh itu, jelaslah disini bahawa budaya masyarakat Melayu memperlihatkan akan penglibatan mereka dalam sistem ekonomi di dalam kehidupan seharian. Identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi sistem ekonomi ini dapat dilihat di dalam cerita rakyat di bawah.

Petikan 1

Baginda telah melihat Pengkalan Datu ini mempunyai potensi jikalau diangkat sebagai tempat penajaan ekonomi bagi negeri Kelantan. Lalu, baginda telah menitahkan agar dibuka satu kawasan untuk tanaman padi dan menggiatkan aktiviti perdagangan di Sungai Pengkalan Datu tersebut. Baginda telah memulakan satu perhubungan luar dengan negeri-negeri yang lain seperti Patani, China, Jawa dan Terengganu. Pengkalan Datu telah muncul sebagai pusat perdagangan besar di Kelantan pada waktu itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:14)

Petikan di atas telah diambil melalui cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu* yang mengisahkan tentang Sultan Omar telah mengambil alih pemerintahan yang asalnya adalah di bawah pemerintahan Puteri Saadong yang dikatakan telah

hilang tidak ketahui keberadaannya setelah terjadinya serangan ke atas Pengkalan Datu ini oleh Pihak Siam pada ketika itu. Kebijaksanaan Sultan Omar yang telah mengambil alih pemerintahan Negeri Kelantan itu telah menunjukkan satu peningkatan yang lebih maju di dalam sistem ekonomi negeri Kelantan. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kita dapat lihat bahawa baginda telah mengarahkan rakyat untuk melakukan aktiviti penanaman padi dan menggiatkan lagi aktiviti perdagangan yang sedia ada di Sungai Pengkalan Datu itu. Dan salah satu cara bagi menggiatkan lagi aktiviti perdagangan di sana, Sultan Omar telah menjalankan dan memulakan hubungan luar antara negara-negara yang dilihat sangat giat dalam aktiviti perdagangan ini juga iaitu negeri seperti Patani, China, Jawa dan juga Terengganu. Dan hasil daripada perhubungan ini telah membuahkan hasil dimana sistem ekonomi negeri Kelantan iaitu di Pengkalan Datu pada ketika itu telah menjadi sebagai sebuah pusat perdagangan terbesar di Kelantan.

Di sini, kita dapat lihat bahawasanya melalui identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu menerusi sistem ekonomi sangatlah menggambarkan identiti kebudayaan kehidupan seharian masyarakat Melayu yang terdahulu atau pun sekarang yang mana masyarakat Melayu dapat menjanakan pendapatan mereka menerusi sistem ekonomi. Menurut *Kamus Dewan* (2013), menjanakan dapat ditakrifkan sebagai menghasilkan atau mengeluarkan. Perkara ini dapat dikaitkan dengan aktiviti yang dilakukan telah menjanakan hasil jualan untuk dikeluarkan kepada orang lain menerusi aktiviti perdagangan yang akhirnya dapat menghasilkan sumber pendapatan kepada masyarakat. Selain itu juga, melalui sistem ekonomi ini iaitu aktiviti perdagangan, negara kita bukan hanya dapat meningkatkan ekonomi negara tetapi juga dapat memperkenalkan negara kita di seluruh pelusuk dunia dan yang paling penting ianya dapat menghubungkan negara kita dengan negara yang lain yang dapat memberi manfaat contohnya seperti bantuan peperangan dan lain-lain lagi. Oleh itu, amat penting agar warisan kebudayaan masyarakat Melayu

ini dipraktikkan di dalam kehidupan dan juga sistem pemerintahan agar ianya tidak merosot dan jatuh terutamanya dengan faktor ekonomi dunia kini yang semakin hari semakin mencabar.

4.2.1.2 Sumber pencarian

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)*, pencarian adalah bermaksud yang berkaitan dengan mencari iaitu mata atau sumber pekerjaan yang dibuat atau dilakukan di dalam kehidupan seharian untuk meneruskan kehidupan. Selain itu, menurut Daldjoeni (1987), mata pencarian bermaksud aktiviti yang dilakukan oleh manusia untuk mendapatkan taraf hidup yang berbeza setaraf dengan kemampuan penduduk dan faktor demografinya. Manakala menurut Mulyadi (2005), mata pencarian dapat diertikan sebagai satu keseluruhan aktiviti mengeksploitasi dan juga masyarakat juga dapat memanfaatkan kewujudan sumber yang ada yang dapat dilihat dalam lingkungan fizikal, budaya dan sosial yang wujud sebagai satu aktiviti pengeluaran, dan penggunaannya. Seterusnya menurut Susanto (1993), mata pencarian merupakan segala aktiviti bagi menggunakan sumber yang ada yang dikerjakan setiap hari di dalam kehidupan individu yang merupakan mata pencaian utama di dalam memenuhi keperluan untuk hidup. Dapat disimpulkan disini, maksud sumber pencarian adalah aktiviti yang dilakukan oleh manusia bagi menampung dan melangsungkan kehidupan mereka. Oleh itu, kita dapat lihat bahawa masyarakat Melayu menjalankan aktiviti pencarian ini bagi memenuhi keperluan harian mereka. Identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi sumber pencarian ini yang dapat dilihat di dalam cerita rakyat di dalam petikan di bawah.

Petikan 2

Di dalam perkampungan tersebut, mereka memulakan kehidupan dengan aktiviti bercucuk tanam dan menjala ikan bagi meneruskan kehidupan. Raja Patani turut bersama-sama berdikari dalam menjalani kehidupan yang mendatang. Walau pun baginda seorang raja, namun baginda sendiri turun ke kebun. Baginda sanggup turun sama berkebun hatta dalam keadaan matahari sedang memancar ke arah muka baginda. Kerajinan baginda terserlah

walaupun peluh menitis ke seluruh tubuh baginda. Kesanggupan ini dilakukan dengan rela hati demi mengisi sesuap nasi ke mulut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob , 2021 : 26-27)

Petikan di atas diambil daripada cerita rakyat Melayu *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* yang telah mengisahkan tentang seorang Raja Patani dan rakyatnya yang telah mengundurkan diri akibat peperangan yang berlaku di negeri Patani ke perkampungan baru yang mereka telah tubuhkan yang dipanggil sebagai Pengkalan Datu. Kebanyakkan mereka yang berada di sisi Raja Patani adalah merupakan daripada golongan menteri dan juga rakyat baginda yang masih taat dan setia. Mereka hidup aman dan damai dan saling bergotong-royong membersihkan kawasan bagi membina penempatan mereka malah Raja Patani turut membantu mereka di dalam membina penempatan tersebut. Selain itu juga, mereka telah memulakan kehidupan mereka dengan aktiviti bercucuk tanam dan juga menjala ikan sebagai sumber mata pencarian bagi menampung kehidupan seharian. Raja Patani juga tidak ketinggalan melakukan aktiviti tersebut malah baginda juga turut turun ke kebun walhal matahari sedang memancar semata-mata untuk mencari sumber makanan bagi menampung kehidupannya. Baginda dan juga rakyat jelata hidup aman damai di dalam kampung tersebut dan dapat bergaul dengan baik seperti masyarakat setempat dan tiada sesiapa yang mengetahui siapa mereka sebenarnya kerana tidak ingin mengancam keselamatan penduduk di situ.

Melalui petikan di atas, jelaslah menunjukkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu melalui sumber mata pencarian. Kita dapat lihat bahawasanya masyarakat Melayu terdahulu sering melakukan aktiviti berkebun seperti bercucuk tanam dan juga menjala ikan bagi menampung kehidupan seharian mereka. Aktiviti ini amat penting kerana bagi kelangsungan kehidupan masyarakat yang berterusan di dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, jelaslah disini, identiti

kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat melayu ialah menerusi sumber mata pencarian.

Unsur kebudayaan menerusi alam sebagai sumber kehidupan menerusi sumber pencarian dapat dilihat menerusi teks cerita rakyat *Keasyikan Suara Buluh Perindu* di dalam petikan di bawah.

Petikan 3

Lelaki itu juga berkata alangkah baiknya dia membina penempatan berhampiran kawasan pulau ini kerana terdapat kemudahan air untuk meneruskan kehidupan dengan menjalankan aktiviti tambahan yang lain seperti memburu dan menangkap ikan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;28)

Petikan di atas dapat dilihat menerusi unsur kebudayaan melalui alam sebagai sumber kehidupan manusia ini dapat dilihat melalui watak yang membina petempatan berdekatan dengan sumber air. Hal ini dijelaskan melalui watak manusia yang membina penempatan berhampiran dengan sumber air kerana dapat memudahkannya untuk menggunakan sumber air, selain daripada memburu dan juga menangkap ikan sebagai sumber makanan bagi meneruskan hidupnya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu akan menggunakan sumber alam sebagai sumber kehidupan mereka seperti yang dilakukan oleh watak di dalam cerita rakyat.

Justeru itu, perkara ini dapat diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan gunaan yang menghubungkan alam dengan masyarakat yang mana kita dapat lihat kewujudan objek alam dapat memberikan begitu banyak manfaat kepada kehidupan masyarakat dari aspek ekonomi, perubatan dan juga keselamatan. Hal ini juga telah membuatkan kehidupan masyarakat dapat meniti kehidupan seharian mereka dengan lebih baik kesan daripada kelebihan alam semula jadi yang diperolehi dan dimanfaatkan sebaik

mungkin oleh masyarakat Melayu. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyatakan bahawasanya unsur semula jadi yang telah dimasukkan oleh penglipur lara dalam cerita rakyat telah menonjolkan kebaikan dan kelebihan yang sangat besar kepada anggota masyarakatnya yang akhirnya membawa kepada pembentukan pemikiran falsafah yang hebat dapat dibentuk dan diterapkan di dalam kebudayaan masyarakat Melayu. Contoh di sini, kita dapat lihat dimana watak dalam cerita rakyat menggunakan akal fikiran mereka yang bijaksana sehingga mampu memanfaatkan sumber alam yang ada di sekeliling sebagai sumber kehidupan. Oleh itu, jelaslah disini bahawa unsur alam ini bukan sahaja telah dijadikan sebagai sumber kehidupan tetapi dapat menghubungkan sel pemikiran manusia untuk berfikir dengan lebih cerdas dan seterusnya telah mendorong kepada pembentukan jati diri masyarakat Melayu.

Unsur kebudayaan menerusi alam sebagai sumber hidup dapat dilihat di dalam petikan teks cerita rakyat *Jelmaan Mok Kurus* di dalam petikan di bawah.

Petikan 4

Mok Kurus seorang yang sihat tubuh badan biarpun usianya telah lanjut. Mok Kurus melakukan pekerjaan seperti bercucuk tanam di belakang rumah sahaja bagi tujuan menampung kehidupannya yang kian berusia.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;51)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi alam sebagai sumber hidup juga dapat dilihat dimana watak masyarakat yang menggunakan sumber tanah sebagai mata pencariannya. Hal ini dapat dilihat melalui watak Mok Kurus yang bercucuk tanam di belakang rumahnya bagi menampung kehidupannya yang sudah tidak larat untuk melakukan kerja lain lagi. Perkara ini dapat memudahkan Mok Kurus untuk bergerak mengambil hasil tanaman yang di tanam di belakang rumahnya tanpa memerlukan beliau bergerak jauh. Oleh itu, jelaslah disini bahawa masyarakat menggunakan tanah untuk aktiviti penanaman bagi menampung kehidupan mereka.

Hal ini dapat dilihat menerusi pendekatan gunaannya dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan hubung kait alam iaitu tanah dengan kehidupan manusia yang mana dengan adanya sumber alam ini dapat memberikan begitu banyak manfaat kepada seseorang manusia yang dapat dilihat dari sudut mata pencarian, sumber ubatan dan juga kesejahteraan. Hal ini kita dapat lihat melalui watak Mok Kurus yang telah memanfaatkan sumber tanah di halaman belakang rumahnya bagi menampung kehidupannya. Kenyataan ini juga telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan unsur alam telah diterapkan oleh pencerita dalam cerita rakyat yang telah menonjolkan kelebihannya kepada anggota masyarakat yang mana ianya telah membentuk satu falsafah dalam diri masyarakat lalu diterapkan ke dalam kebudayaan masyarakat Melayu. Oleh itu, alam memainkan peranan yang sangat besar di dalam pembentukan kebudayaan masyarakat Melayu

4.2.1.3 Sistem Pengetahuan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)*, sistem pengetahuan bermaksud ilmu dan juga pengetahuan yang telah diketahui atau yang dipelajari yang berkaitan dengan sesuatu perkara. Manakala menurut Naquiah Nahar & Jimaain Safar (2017) yang menyatakan pengetahuan adalah merupakan satu bentuk ilmu yang diajar oleh masyarakat yang berpengetahuan tinggi kepada pelajarnya dimana tahap pengetahuan yang dimiliki oleh individu tersebut telah menjadi satu kepakarannya dalam menyampaikannya kepada masyarakat lain. Pengetahuan juga membawa maksud menurut Yuhanis Che Hassan (2015), menyatakan pengetahuan ini dapat diperolehi oleh seseorang menerusi pembelajaran yang perlu dihadapi di dalam pengalaman ataupun juga kehidupan seseorang itu sendiri menerusi kefahaman berkaitan dengan sesuatu fakta. Oleh itu, kita dapat rumuskan disini bahawa pengetahuan adalah satu perkara yang dimiliki oleh seseorang hasil daripada

pengalaman hidup ataupun daripada pembelajaran mereka. Unsur kebudayaan dapat dilihat menerusi petikan cerita rakyat di bawah.

Petikan 5

Datu telah memerhatikan kawasan sekeliling dan merasakan kawasan tersebut dapat dijadikan sebagai tempat untuk berteduh bagi merawat lukanya dengan menggunakan tumbuhan herba. Setelah kecederaannya pulih, Datu telah mengambil keputusan untuk tinggal di kawasan itu lalu didirikan melalui aktiviti pertanian, memungut hasil hutan dan juga menangkap ikan bagi menampung kehidupannya yang akan datang.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:2)

Petikan di atas telah digarapkan melalui cerita rakyat Melayu *Asal Usul Datu* yang menceritakan adanya seorang lelaki yang bernama Datu yang ditugaskan untuk mengambil ufti yang dikirimkan oleh kerajaan Terengganu telah tergendala angkara peperangan secara mengejut dan telah mengalami kecederaan yang teruk sehingga beliau terpaksa melarikan diri bagi menyelamatkan nyawa beliau. Dan akhirnya beliau telah menemui sebuah daratan dan membuat keputusan untuk tinggal di situ. Sebelum itu, Datu telah menggunakan tumbuhan yang sesuai bagi merawat kecederaan yang telah dialami dan mengambil keputusan untuk membangunkan petempatan di kawasan tersebut setelah Datu memerhatikan bahawa tempat itu sangat sesuai untuk didirikan kawasan penempatan. Datu mula membersihkan kawasan tersebut dan di malam hari pula dia telah menangkap ikan bagi mengalaskan perutnya. Setelah lukanya sembuh, Datu membuat keputusan untuk tinggal di situ dan menjalankan kegiatan bercucuk tanam, mengkutip sumber hutan dan juga memerangkap ikan di sungai dengan menggunakan bubu untuk menampung hidupnya yang kemudian harinya.

Melalui unsur kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu di atas telah menunjukkan identiti kebudayaan iaitu sistem pengetahuan yang mana masyarakat telah melihat alam sebagai potensi untuk mendirikan penempatan dan juga tumbuhan fauna bagi merawat luka seperti yang dilakukan oleh watak Datu

tersebut. Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat dan juga alam semesta saling berhubung antara satu sama lain. Begitu banyak manfaat yang dapat diperolehi oleh masyarakat Melayu dengan memanfaatkan dan menggunakan alam sekitar dengan sebaik mungkin. Kita dapat lihat di dalam gambaran yang telah ditunjukkan di dalam cerita rakyat di atas yang mana masyarakat menggunakan alam sekitar seperti pokok dan juga daun-daun yang telah ditebas, lalu dijadikan sebagai petempatan bagi tempat berteduh dan melindungi diri dari cuaca yang buruk dan juga haiwan liar. Selain itu juga, kita dapat lihat melalui gambaran di atas yang mana masyarakat Melayu telah memanfaatkan sumber flora dan fauna seperti tumbuhan bagi merawat luka dan juga aktiviti pertanian, mengutip hasil hutan dan juga menangkap ikan di sungai sebagai sumber makanan bagi menyara hidup mereka. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu *Asal Usul Datu* ini memperlihatkan akan kebudayaan sistem pengetahuan yang jelas di dalamnya iaitu melalui hubungkait masyarakat dan juga alam sekitar.

Identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi alam sebagai sumber kehidupan iaitu sistem pengetahuan yang terdapat di dalam cerita rakyat *Misteri Batu Hampar* di bawah.

Petikan 6

Batu itu dikatakan berada dalam sungai Pengkalan Datu pada ketika itu. Batu hampar ini dikatakan sebagai penjaga kepada kawasan Pengkalan Datu terutama di kawasan persisiran sungai tersebut. Batu ini diceritakan sebagai alat untuk penjaga keselamatan penduduk sekitar daripada serangan lanun.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:37)

Petikan diatas telah diambil daripada naratif lisan *Misteri Batu Hampar* yang telah mengisahkan sebuah batu yang menjadi kemegahan penduduk di sungai Pengkalan Datu pada sekitar tahun 1987 yang berwarna putih. Penduduk juga mengatakan bahawasanya batu hampar ini kerap bergerak dari satu tempat ke tempat

yang lain di kawasan perairan di situ. Masyarakat Melayu juga mengatakan bahawa batu ini merupakan penyelamat dan juga penjaga kawasan Pengkalan Datu daripada serangan lanun kerana pada suatu ketika dahulu, bot yang telah dinaiki oleh pihak Jepun telah gagal pada mulanya kerana tersangkut pada batu hampar tersebut.

Melalui identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu di atas telah memperlihatkan dengan jelas akan kebudayaan di mana masyarakat dahulu menggunakan alam sebagai sumber kehidupan mereka iaitu batu sebagai alat untuk menjaga keselamatan masyarakat terdahulu daripada serangan musuh seperti dalam kisah diatas yang mana dikatakan batu hampar tersebut telah menggagalkan kemasukan tentera Jepun ke Pengkalan Datu kerana tersangkut pada batu tersebut yang menyebabkan batu tersebut menjadi kemegahan masyarakat terdahulu. Oleh itu, jelaslah disini bahawa, jelaslah di sini bahawa identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah memperlihatkan akan budaya yang diamalkan oleh nenek moyang melalui sumber alam di dalamnya.

Justeru itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu alam sebagai sumber kehidupan masyarakat Melayu dapat dilihat menerusi aktiviti ekonomi, mata pencarian dan sistem pengetahuan di dalam cerita rakyat ini bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan gunaan di bawah Pengkaedahan Alamiah yang mana ianya beranggapan bahawa sastera adalah salah satu daripada objek alam yang mana ianya dapat dimanfaatkan oleh manusia (Hashim Awang, 2002). Contohnya kita dapat lihat disini, tanah telah digunakan sebagai aktiviti bercucuk tanam, berkebun, tumbuhan dijadikan sebagai ubatan untuk merawat luka dan juga bagi membina petempatan untuk berteduh dan melindungi diri dari segala ancaman baik kepada manusia mahupun haiwan liar. Manakala, kita dapat lihat masyarakat Melayu menggunakan lautan, sungai sebagai

tempat untuk mencari rezeki lautan dengan menjala ikan dan juga sebagai tempat laluan bagi berdagang, pengangkutan dan lain-lain lagi. Masyarakat Melayu terdahulu juga menggunakan sumber alam seperti batu bagi melindungi diri dari bahaya oleh pihak musuh. Segala sumber alam ini telah dimanfaatkan oleh masyarakat Melayu dengan sebaik mungkin di dalam meniti kehidupan seharian mereka. Oleh itu, jelaslah disini bahawa pengkaedahan alamiah menerusi pendekatan gunaan ini sangat jelas terdapat di dalam gambaran identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu yang mana masyarakat menggunakan sumber alam bagi meneruskan hidup seharian mereka.

Unsur kebudayaan menerusi sistem pengetahuan juga dapat dilihat di dalam teks cerita rakyat *Haji Long Abdul Rahman* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 7

Ramai anak muda yang belajar ilmu agama dengan Haji Long Abdul Rahman ini. Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;59)

Berdasarkan petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi sistem pengetahuan telah memperlihatkan masyarakat Melayu yang membina tempat belajar bagi menurunkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat lain. Hal ini dijelaskan pada watak Haji Long Abdul Rahman yang telah membina tempat pengajian kecil untuk mengajarkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan keagamaan Islam kepada anggota masyarakat di samping menyebarkan ajaran agama Islam kepada masyarakat. Oleh itu, jelaslah disini watak masyarakat dalam cerita rakyat membina madrasah bagi tujuan penyebaran ilmu pengetahuan dan pembelajaran agama kepada anggota masyarakat sejagat.

Hal ini dapat dilihat melalui pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang merangkumi pengamatan dan juga pengalaman anggota masyarakat yang menambah ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa kerana mempunyai daya pemikiran yang mantap. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana watak dalam cerita rakyat di atas mewujudkan tempat untuk anggota masyarakat mempelajari ilmu agama disamping hal ini dapat memantapkan lagi ilmunya yang sedia ada ke arah yang lebih tinggi lagi. Perkara ini secara tidak langsung telah menunjukkan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh anggota masyarakat dapat mengubah hidup mereka dengan lebih baik lagi. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyokong dengan menyatakan pendekatan moral yang ditonjolkan ini dapat memberikan gambaran yang positif kepada anggota masyarakat sekeliling. Oleh itu, anggota masyarakat dapat memiliki daya pemikiran yang kreatif dan kritis bagi yang mengamalnya dalam mengekalkan kebudayaan mengikut pemahaman masyarakat itu sendiri.

Unsur kebudayaan menerusi pengetahuan ini juga dapat dilihat melalui teks cerita rakyat yang bertajuk *Keajaiban Si Kera Putih* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 8

Ketika sedang menyalakan unggun api untuk mengelakkan daripada nyamuk dan gangguan binatang buas, lalu kelihatan seekor kera yang berwarna putih melompat-lompat di atas pokok yang ditebas dan ditebangnya itu tadi.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;84)

Petikan teks di atas menunjukkan unsur kebudayaan melalui sistem pengetahuan ini dapat dilihat daripada watak masyarakat Melayu yang menggunakan unsur api sebagai pertahanan. Hal ini dapat dirujuk kepada watak Haji Long Abdul Rahman yang menyalakan unggun api bagi mempertahankan diri beliau daripada

didatangi oleh binatang buas dan juga gangguan daripada nyamuk. Oleh itu, jelaslah disini memperlihatkan watak dalam cerita rakyat menggunakan pengetahuan yang dimiliki yang menjadi benteng pertahanan kepada segala bahaya yang akan mendatang.

Hal ini dapat dikaitkan dengan merujuk kepada pendekatan firasat yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) iaitu aspek pengamatan dalam menafsir keadaan situasi di sekeliling masyarakat yang dapat memberi ruang kepada masyarakat bagi menggunakan pemikiran mereka dalam mencari jalan keluar terhadap permasalahan yang dihadapi. Menerusi watak Haji Long Abdul Rahman yang digambarkan di dalam cerita di atas digambarkan seorang yang mempunyai daya pemikiran dan pengetahuan yang tinggi dalam memajukan anggota masyarakatnya. Hal ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa pendekatan firasat merujuk kepada pengalaman hidup yang dihadapi oleh seseorang manusia yang mana kita dapat lihat menerusi watak dalam cerita yang menggunakan daya pemikiran yang kritis dalam menyelesaikan masalahnya iaitu menghalau nyamuk dan juga binatang buas. Oleh itu, pengalaman yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat dapat diambil sebagai iktibar dan pengajaran kebudayaan yang bermanfaat kepada pengamalannya.

Unsur kebudayaan menerusi pengetahuan dapat dilihat di dalam petikan cerita rakyat yang bertajuk *Kisah Seekor Tupai* yang terdapat di dalam petikan teks di bawah.

Petikan 9

Beliau digelar ulama kerana sikap rajin beliau itu dalam menimba ilmu agama sehingga disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat kampung.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;85)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi pengetahuan dapat dilihat melalui watak Haji Long Abdul Rahman yang mana kerajinannya di dalam menuntut ilmu bukan sahaja dapat menambahkan pengetahuan di dalam diri beliau, tetapi juga dapat mengubah dirinya ke arah yang lebih baik. Selain itu juga, pengetahuan dan kerajinannya di dalam menimba ilmu pengetahuan menyebabkan beliau dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat.

Hal ini dapat dikaitkan dengan pendekatan moral di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan pengalaman dan juga pengamatan seseorang di dalam menimba ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa kerana adanya daya fikiran yang tinggi dan secara tidak langsung telah mempamerkan bahawa ilmu pengetahuan yang dimiliki mampu mengubah gaya kehidupan masyarakat ke arah yang lebih baik. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menyatakan aspek moral yang diketengahkan di dalam cerita rakyat ini telah memberikan satu gambaran yang positif dalam masyarakat setempat yang mana disebabkan oleh adat istiadat dan kepercayaan masyarakat Melayu yang berdasarkan pengalaman individu tersebut. Oleh itu, jelaslah disini bahawa unsur kebudayaan menerusi sistem pengetahuan ini dapat mengubah kehidupan seseorang individu ke arah yang lebih tinggi.

Akhir sekali unsur kebudayaan menerusi sistem pengetahuan ini di dalam petikan cerita rakyat yang bertajuk *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 10

"Bagaimana jika Pantai Pengkalan Datu juga melakukan hal yang sama. Melalui ini para pedagang tidak perlu menginap di mana-mana." Fikiran baginda melayang-layang memikirkan hal itu. Sukanya hati baginda setelah mendapat jalan penyelesaiannya lalu segera diperintahkan para pembesar untuk menghadap baginda di istana."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;15)

Menerusi petikan di atas, jelas menunjukkan watak baginda yang merujuk kepada watak Puteri Saadong yang telah berjaya mencari jalan penyelesaian bagi membantu dan melancarkan ekonomi perdagangan di negaranya yang diperoleh apabila melihat keadaan nelayan yang menjual hasil tangkapannya dengan menaiki perahu kepada masyarakat. Perkara ini lalu diaplikasikan kepada para pedagang yang ingin berdagang ke negaranya tanpa perlu memikirkan akan masalah penginapan golongan pedagang yang tidak mencukupi atau sebagainya. Oleh itu, apabila para pedagang berdagang dan menginap di kapalnya, mereka tidak perlu lagi memikirkan akan masalah penginapan dan juga keselamatan barang.

Melalui kisah di atas, pendekatan firasat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), menyatakan akan pengamatan di dalam mentafsirkan segala situasi yang berlaku di sekeliling mampu memberi kelebihan kepada seseorang untuk menggunakan akal fikiran mereka bagi mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Contoh di sini kita dapat lihat watak seorang pemimpin yang memiliki pengetahuan yang tinggi sehingga mampu mengubah kehidupan dan meningkatkan ekonomi komuniti di negaranya. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) mengatakan bahawa aspek firasat merujuk kepada pengalaman hidup yang dialami oleh seseorang individu di dalam kehidupannya seperti watak di atas yang menggunakan pengetahuan dan pemikirannya bagi menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa unsur kebudayaan menerusi sistem pengetahuan ini dapat membawa sesuatu golongan keluar daripada masalah yang mereka hadapi kerana wujudnya pengetahuan yang tinggi di dalam diri mereka.

4.2.2. Sistem Kemasyarakatan dan Organisasi Sosial

Menurut Koentjaraningrat (2013:285) di dalam buku pengantar ilmu antropologi menyatakan setiap kelompok masyarakat hidup berdasarkan kepada adat-istiadat dan juga aturannya yang tersendiri di dalam satu lingkungan kelompok masyarakatnya. Manakala menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, masyarakat bermaksud satu kelompok manusia yang hidup secara bersama di dalam sesuatu tempat yang sama dengan mengikuti dan juga mempunyai aturan dan juga cara yang tertentu. Definisi masyarakat oleh Rahimah Abd. Aziz & Mohamad Yusoff Ismail (2000:7) masyarakat ialah satu kumpulan manusia yang telah berhubung antara satu sama lain di dalam sesebuah tempat atau sempadan dan berkongsi dan mengamalkan satu budaya yang sama. Manakala menurut *Kamus Dewan (2007)*, masyarakat membawa maksud satu komuniti manusia di dalam jumlah yang besar yang tinggal di sesebuah kawasan yang mempunyai peraturan dan tradisi tertentu yang menjalankan kebudayaannya.

4.2.2.1 Sistem Politik

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, politik bermaksud ilmu-ilmu berkaitan dengan cara pemerintahan dan dasar-dasar pemerintahan. Menurut Prof. Dr. H. Abd. Muin Salim (2002) menyatakan maksud politik mempunyai dua, yang pertama ialah politik yang berkaitan dengan urusan pemerintahan ataupun negara, dan yang kedua, politik bermaksud satu perkara yang dapat dikaitkan dengan masalah pemilikan ataupun kekuasaan. Selain itu juga, menurut *Kamus Dewan edisi Keempat (2013)* juga, politik membawa maksud segala sesuatu perkara yang berkaitan dengan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan sesebuah negara yang lain. Pengertian politik juga dapat diertikan kepada segala perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan kekuasaan di dalam sesuatu kelompok masyarakat ataupun juga negara (A. Rahman Zainuddin, 2002). Oleh itu, jelaslah disini politik dapat dikaitkan dengan pemerintahan sesuatu negara ataupun juga merujuk kepada kekuasaan sesuatu pemerintahan masyarakat.

Unsur kebudayaan menerusi sistem politik ini dapat dilihat di dalam petikan teks di bawah.

Petikan 11

Setelah seberapa lama memerintah, terdapat utusan dari Siam bertujuan untuk menjalinkan hubungan dua hala dengan kerajaan Terengganu. Lalu, Putera Mamat telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan tersebut. Hubungan itu akhirnya terjalin sehingga berlakunya penghantaran bunga emas. Bunga emas dikirimkan bagi menunjukkan tanda penghargaan kepada kerajaan Siam yang sanggup menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan Terengganu pada ketika itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:32)

Petikan di atas telah diambil melalui cerita rakyat *Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik* yang telah memperlihatkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu kebudayaan menerusi sistem politik dan organisasi sosial. Kisah ini mengisahkan tentang pemerintahan Putera Mamat di Negeri Terengganu lalu menubuhkan sebuah kerajaan negeri di sana. Setelah lama memerintah kerajaan Terengganu, telah datang ke negeri Terengganu, utusan daripada Siam yang telah menyatakan hasrat untuk menjalinkan hubungan dua hala antara negara Siam dan juga kerajaan Terengganu. Putera Mamat telah mengambil keputusan dengan menyetujui untuk menjalinkan hubungan dua hala dengan Siam itu sehinggalah berlakunya penghantaran bunga emas kepada pihak Siam setelah terjalinnya hubungan itu. Penghantaran bunga emas yang telah diberikan oleh kerajaan Terengganu kepada pihak Siam adalah sebagai tanda penghargaan yang sudi menandakan perjanjian dengan negeri Terengganu pada suatu masa dahulu.

Melalui cerita rakyat Melayu *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* di atas telah menggambarkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu kebudayaan menerusi sistem politik dan organisasi sosial. Kita dapat lihat dengan jelas akan unsur kebudayaan masyarakat Melayu menerusi organisasi sosial ini, kita dapat lihat masyarakat Melayu telah menjadikan budaya

menghargai dengan memberi sesuatu atau hadiah sebagai penghargaan baik di dalam sesuatu perhubungan atau pertolongan yang telah diberikan oleh orang lain kepada kita. Menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2013), menyatakan penghargaan bermaksud perkara atau satu perbuatan yang dilakukan bagi menghargai, memberi penghormatan atau penyanjungan seperti sumbangan berwujud hadiah. Contoh yang kita dapat lihat ialah Putera Mamat telah menghantar emas yang ditempa menjadi bentuk bunga sebagai suatu penghargaan untuk negeri Siam disebabkan sudi untuk menanda perjanjian dua hala dengan negeri Terengganu. Oleh itu, jelaslah di sini bahawasanya kebudayaan masyarakat Melayu yang menunjukkan akan menghantar hadiah sebagai penghargaan di atas hubungan yang terjalin.

Unsur kebudayaan menerusi sistem politik ini juga boleh dilihat menerusi petikan teks naratif lisan *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* di dalam petikan di bawah.

Petikan 12

Namun tidak lama kemudian, Raja Kelantan telah mangkat dan meninggalkan dua orang putera iaitu Putera Mamat dan Putera Ahmad. Kedua-duanya bersaing antara satu sama lain untuk memiliki takhta kerajaan pada ketika itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;32)

Melalui petikan teks di atas, unsur kebudayaan melalui sistem politik juga dapat dilihat melalui anggota masyarakat bangsawan yang bersaing secara baik untuk mendapatkan takhta. Hal ini dapat dijelaskan di mana Putera Mamat dan juga Putera Ahmad bersaing untuk mendapatkan takhta kerajaan selepas daripada kemangkatan Raja Kelantan. Putera Ahmad telah memenangi takhta tersebut menyebabkan Putera Mamat mengundurkan diri ke negeri Terengganu tanpa mempunyai rasa dendam sedikit pun. Oleh itu, jelaslah disini bahawa anggota masyarakat bangsawan Melayu bersaing secara aman untuk memperolehi kemenangan di dalam setiap perkara.

Hal ini dapat dihubungkan melalui pendekatan moral di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang merujuk kepada kejadian-kejadian yang terjadi di dalam kehidupan masyarakat yang mana ianya dapat memberikan kesan kepada masyarakat baik dari aspek positif mahupun negatif kepada anggota masyarakat yang mengalaminya. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa peristiwa yang dialami oleh seseorang manusia akan dapat membentuk jati diri, kebudayaan dan juga kepercayaan yang tersendiri di dalam kalangan masyarakatnya. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa kerabatan dan politik yang terjadi antara Putera Ahmad dan Putera Mamat dapat mempengaruhi budaya masyarakat kerana keunikan yang dipersembahkan dan diterima dengan baiknya oleh masyarakat.

4.2.2.2. Sistem Kekerabatan dan Perkahwinan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2013)*, kekerabatan ini membawa maksud yang dapat dikaitkan dengan kerabat atau perhubungan yang terjalin antara anggota-anggota di dalam sesuatu kerabat yang mana jelaslah ianya merupakan masyarakat yang tersusun daripada hubungan dan juga ikatan. Manakala menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2013)*, juga menyatakan perkahwinan bermaksud yang berkaitan dengan pernikahan yang merupakan satu perkara yang dapat menggabungkan atau penyatuan antara dua pihak yang berbeza yang disatukan dalam satu upacara pernikahan. Hal ini juga dapat dilihat dari sudut antropologi yang menyatakan maksud sistem kerabatan adalah termasuk dalam kategori keturunan dan juga pernikahan yang terjalin antara status masyarakat menerusi status perkahwinan. Oleh itu, kita dapat fahami disini bahawa seseorang dapat diertikan sebagai kerabatan apabila mereka mempunyai pertalian ataupun juga ikatan darah dengan seseorang (Adventi Feravati, 2018) Unsur kebudayaan menerusi sistem kekerabatan dan perkahwinan ini dapat dilihat menerusi petikan cerita rakyat dibawah.

Petikan 13

Raja Sakti juga telah dikurniakan empat orang putera hasil daripada perkahwinannya dengan Puteri Mani Kemeyan. Antaranya, ialah Raja Adiluddin (Raja Loyor) yang diangkat sebagai Raja Jembal, Raja Bahar (Raja Udag) sebagai Bendahara, Raja Omar (Raja Ekok) sebagai Temenggong dan Raja Sungai sebagai Raja Muda dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Jembal. Baginda tidak ingin sebarang pemerintahan bukan di bawah penguasaan keturunannya sendiri. Oleh disebabkan itu, baginda telah mengangkat anak-anaknya dalam hierarki pemerintahan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:77)

Petikan di atas diambil melalui cerita rakyat *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* yang berkisahkan mengenai seorang Raja yang memerintah kerajaan Kelantan dan juga Patani pada ketika itu iaitu Raja Sakti yang mana diceritakan setelah berkahwin dengan Puteri Mani Kemeyan, Raja Sakti telah diangkat sebagai pemerintah utama yang bertindak dalam organisasi pemerintahan kerajaan Jembal Kelantan dan telah dikurniakan tiga orang puteri dan tiga orang putera. Dan disebabkan baginda tidak menginginkan sebarang pemerintahan yang ada di bawah penguasaan orang lain dan bukannya keturunannya sendiri menyebabkan beliau telah mengangkat anak-anaknya sendiri di dalam hierarki pemerintahan. Dan ada yang menyatakan bahawa Raja Sungai merupakan golongan yang telah ditabalkan sebagai Temenggong dan Raja Omar sebagai Raja Muda.

Melalui petikan kisah di atas, kita dapat lihat dengan jelas akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu menerusi perkahwinan dan juga sistem kerabatan. Kita dapat ketahui bahawa masyarakat Melayu terdahulu terutamanya golongan bangsawan amatlah menitikberatkan akan sistem kerabatan ini yang mana mereka akan mengangkat keturunan mereka sendiri di dalam hierarki pemerintahan. Malah di dalam perkahwinan sendiri pun, mereka akan mengahwini seseorang yang mempunyai taraf dan kedudukan yang sama rata dengan mereka seperti di dalam kisah di atas yang mana Raja Sakti telah berkahwin dengan Puteri Mani Kemeyan bagi mengukuh dan meluaskan lagi sistem pemerintahan. Oleh

itu jelaslah disini, gambaran masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu ialah mereka mementingkan akan sistem kerabatan dan perkahwinan antara masyarakat yang berkedudukan yang sama.

Justeru itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu menerusi sistem kemasyarakatan dan sistem kerabatan ini, adalah selaras dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan keagamaan menerusi pendekatan kemasyarakatan yang mana menurut Hashim Awang (2002), pendekatan kemasyarakatan telah dinyatakan sebagai satu alat untuk memberi penjelasan kepada semua pertanyaan dan tanda tanya yang bertujuan bagi mengapai dan mendalami akan kemanfaatan dan juga keadilan di dalam kemasyarakatan sebagaimana yang telah diperintahkan oleh ajaran agama Islam. Kita dapat lihat di dalam kisah tersebut yang mana Raja Sakti telah berkahwin dengan seseorang yang sama taraf dengannya iaitu Puteri Mani Kemeyan dan malah telah mengangkat keturunannya di dalam hierarki pemerintah. Hal ini adalah kerana baginda tidak ingin perkara buruk yang berlaku jika sekiranya pemerintahan ini jatuh ke tangan pihak yang salah sehingga menyebabkan akan kemusnahan dan kemungkaran akan terjadi secara berleluasa. Perkara ini dapat dilihat akan pernyataan Hashim Awang (2002), yang beranggapan sastera adalah sebuah karya bagi memperlihatkan akan kebenaran, berani mencegah akan berlakunya ketidakadilan, kemungkaran, penindasan, rasuah dan lain-lain masalah yang dapat memberikan kepincangan kepada masyarakat dan meruntuhkan akan keimanan masyarakat umat Islam. Oleh itu, jelaslah disini adanya pengkaedahan keagamaan menerusi pendekatan kemasyarakatan yang sangat jelas terkandung dalam naratif lisan *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* yang mana menerusi sistem kemasyarakatan dan kerabatan di dalam golongan masyarakat Melayu bangsawan pada zaman pemerintahan terdahulu.

Unsur kebudayaan menerusi sistem kerabatan dan juga perkahwinan dapat dilihat di dalam petikan teks cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu* di dalam petikan di bawah.

Petikan 14

Long Bahar kemudiannya telah dikahwinkan dengan puteri baginda Sultan Omar iaitu Raja Pah. Setelah berlangsungnya perkahwinan baginda bertindak menyerahkan Kota Senang kepada Raja Pah dan suaminya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;14)

Petikan teks cerita rakyat di atas menunjukkan akan unsur kebudayaan menerusi sistem kerabatan dan perkahwinan melalui persatuan antara dua watak bangsawan melalui perkahwinan. Hal ini dijelaskan melalui watak Long Bahar telah berkahwin dengan puteri Sultan Omar iaitu Raja Pah dan hasil daripada perkahwinan ini bukan sahaja dapat menyatukan anggota masyarakat Melayu tetapi juga terjalinnya hubungan kerabatan antara sesama golongan bangsawan tetapi juga pemerintahan di mana Sultan Omar menyerahkan pentadbiran Kota Senang kepada Raja Pah dan Long Bahar. Perkara ini jelas menunjukkan budaya masyarakat yang menjalinkan hubungan antara sesama golongan bangsawan menerusi perkahwinan yang menyebabkan perubahan pentadbiran dan pemerintahan. Oleh itu, setiap tingkah laku yang dilakukan oleh anggota masyarakat sangatlah memberi pengaruh yang besar di dalam kehidupan anggota masyarakat kerana ianya akan membawa kepada sesuatu yang positif seperti pertukaran pentadbiran dan pemerintahan.

Hal ini dapat dirujuk kepada pendekatan kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan setiap perbuatan yang menggunakan komunikasi supaya masyarakat dapat menjalani kehidupan dengan lebih harmoni yang mana ianya telah menjelaskan bahawa kepercayaan dan tradisi adat yang dipraktikkan oleh masyarakat memainkan peranan yang sangat besar dalam mengukuhkan keimanan masyarakat dalam menjalankan kehidupan yang

sempurna. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyokong dengan mengatakan tunjang pembentukan sesuatu pentadbiran masyarakat mestilah mempunyai unsur agama, adat resam dan kepercayaan yang teguh. Oleh itu, jelaslah disini setiap tingkah laku yang dilakukan oleh anggota masyarakat di dalam menzahirkan kebudayaannya, perlulah berdasarkan kepada agama Islam bagi keharmonian masyarakat.

Unsur kebudayaan menerusi perkahwinan juga dapat dilihat didalam petikan teks cerita rakyat *Simbolik Rebana* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 15

Selain untuk paluan raja, rebana juga digunakan untuk majlis-majlis perkahwinan golongan bangsawan. Perkahwinan ini biasa akan mengambil masa selama tiga hari tiga malam yang menjadi kesinambungan dalam kalangan masyarakat. Hubungan ketara antara masyarakat kampung ini wujud melalui rebana yang dipersembahkan melalui majlis-majlis perkahwinan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021; 18)

Petikan di atas telah menonjolkan unsur kebudayaan menerusi perkahwinan diadakan oleh masyarakat Melayu. Majlis perkahwinan yang diadakan oleh masyarakat Melayu akan mengambil masa yang lama seperti di dalam cerita rakyat di mana majlis perkahwinan diadakan selama tiga hari tiga malam terutamanya bagi perkahwinan golongan bangsawan yang mana alat muzik rebana telah dipersembahkan. Perkara ini jelas menunjukkan akan adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat dapat mengeratkan hubungan antara golongan masyarakat tanpa mengira darjat dan kedudukan.

Hal ini dapat dilihat melalui pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang memperlihatkan peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam kehidupan manusia kerana setiap peristiwa dapat memberikan kesan yang positif mahupun negatif kepada masyarakat yang mengalaminya. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyokong perkara ini dengan

menyatakan peristiwa yang dihadapi oleh anggota masyarakat bukan sahaja telah membentuk jati diri mereka tetapi juga kebudayaan dan juga kepercayaan yang tersendiri dalam anggota masyarakat. Oleh itu, kebudayaan yang dipamerkan dapat mempergaruhi masyarakat kerana keunikkan gaya yang dipertunjukkan dan dapat diterima oleh masyarakat dengan baik.

4.2.2.3 Hidup Bermasyarakat

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013;1004)*, bermasyarakat membawa maksud adalah merupakan cara hidup masyarakat dan menggabungkan diri antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain menjadi satu. Menurut Zurina Mahadi dan Hakil Sino (2018) sistem kemasyarakatan ini juga dapat merujuk kepada satu komuniti yang mempunyai bilangan anggota yang ramai bagi mewujudkan sesebuah nilai yang dapat membuahakan kekuatan dari segi motif hidup dan juga perilaku anggota masyarakat. Manakala menurut koentjaraningrat (1999), setiap kehidupan dan kelompok masyarakat diatur dalam aturan adat-istiadat yang dipersetujui dan dijalani dengan patuh oleh anggota masyarakat. Oleh itu, dapat dirumuskan disini bahawa hidup bermasyarakat dapat ditakrifkan ianya adalah merupakan masyarakat yang hidup dalam satu kumpulan dan mempunyai peraturan adat-istiadat yang tersendiri. Unsur kebudayaan ini melalui hidup bermasyarakat dapat dilihat di dalam petikan cerita rakyat di bawah.

Petikan 16

Beliau juga dikatakan telah memberi pinjam mangkuk untuk kegunaan masyarakat ketika kenduri. Ianya dikatakan memudahkan urusan orang kampung untuk tidak meminjam mangkuk dengan Puteri Saadong lagi. Pinggan mangkuk yang dipinjamkan juga berada dalam keadaan baik sewaktu dipinjamkan. Oleh kerana itu, masyarakat menyukai Tok Haji Esah pada ketika itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 65-66)

Petikan diatas telah diambil daripada cerita rakyat *Bidan Tok Haji Esah* yang menceritakan tentang seorang tua yang mempunyai ilmu perbidanan di kampung Babong pada masa yang lampau, yang bernama Tok Haji Esah yang sangat ramah sikapnya dengan masyarakat kampung. Walaupun telah tua namun begitu beliau masih lagi kuat di dalam semua perkara hingga dikatakan mempunyai 'benda' sebagai pendamping. Namun begitu, orang-orang kampung masih lagi meminta pertolongan daripadanya kerana sikapnya yang cekap dan peramah. Tok Haji Esah juga telah menolong Melati yang telah sampai waktu anak untuk melihat dunia di saat suaminya, Labu tiada di sisi kerana bekerja sebagai nelayan menangkap ikan di laut. Selain mempunyai ilmu kebidanan, beliau juga tahu akan jampi serapah yang dapat mengubati masyarakat kampung yang telah disampuk oleh makhluk ghaib. Masyarakat kampung juga menyukai Tok Haji Esah kerana beliau sering memberi pinjaman berupa peralatan dan perkakas dapur untuk masyarakat gunakan sewaktu mengadakan majlis makan bagi melancarkan kerja orang kampung dan tidak lagi perlu membuat pinjaman akan peralatan dan perkakas dapur daripada Puteri Saadong.

Kita dapat melihat dengan jelas akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi hidup bermasyarakat. Kita dapat lihat gambaran masyarakat terdahulu yang mana masyarakat Melayu memberi kemudahan kepada masyarakat lain bagi memudahkan urusan mereka di dalam sesuatu perkara yang ingin dilakukan oleh mereka. Dari sudut ini, kita dapat lihat bahawa masyarakat Melayu yang sering meminjam peralatan mangkuk dan pinggan setiap kali ingin mengadakan majlis kenduri seperti yang terdapat di dalam cerita rakyat di atas yang mana masyarakat kampung telah meminjam pinggan mangkuk milik Puteri Saadong dan juga Tok Haji Esah bagi mengadakan majlis kenduri. Malah pada masa kini, kita masih dapat lihat akan gambaran kebudayaan ini yang mana masyarakat masih lagi memberi pinjam peralatan mereka bagi memudahkan urusan orang lain bagi yang ingin membuat majlis kenduri dan sebagainya. Dengan melakukan perkara sebegini, bukan sahaja

dapat memudahkan urusan orang lain tetapi juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim sesama masyarakat. Oleh itu, jelaslah di sini, bahawa adanya identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu *Bidan Tok Haji Esah*.

Selain itu juga, identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi hidup bermasyarakat ini dapat dilihat di dalam naratif lisan *Nik Mat Keturunan Raja Banjar*.

Petikan 17

Lalu, baginda telah menukarkan namanya kepada Nik Mat Alim. Baginda telah mengikuti cara kehidupan rakyat jelata. Baginda adalah seorang yang sangat merendah diri apabila bercakap dengan masyarakat. Baginda tidak pernah sombong dalam tutur kata dan juga perilaku.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 77-79)

Petikan di atas telah dipetik dan diambil daripada cerita rakyat *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* yang telah mengisahkan sebuah kampung bernama Kampung Kedondong yang berada di bawah pemerintahan Raja Jembal yang sangat terkenal dengan keperibadian yang tinggi di dalam pemerintahannya. Setelah mangkat, pemerintahan telah beralih kepada Raja Banjar yang telah memperolehi anak lelaki yang bernama Raja Nik Mat. Raja Nik Mat dikatakan ayahandanya telah mengubah namanya kepada Raja Jembal bagi mengembalikan kehormatan Raja Jembal yang terjejas dahulunya. Namun begitu, Raja Jembal tidak selesa bila masyarakat setempat terlalu menghormati beliau hingga membahasakan patik dan hamba menyebabkan Raja Jembal menukarkan namanya Nik Mat Alim kerana tidak ingin merasakan telah menghina rakyat. Baginda juga seorang yang sangat merendah diri dan tidak sombong apabila bercakap dengan rakyat dan sanggup mengikuti cara kehidupan rakyat jelata malah sanggup mendengar masalah yang dibawa oleh rakyat dan membantu sedaya upayanya. Sikapnya yang murni ini telah membuatkan rakyat menyayangi baginda.

Melalui kisah di atas, jelaslah akan unsur kebudayaan masyarakat Melayu menerusi kemasyarakatan. Identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang jelas kelihatan iaitu masyarakat Melayu yang berasal daripada golongan bangsawan namun mempunyai keperibadian yang mulia dan rendah hati membuatkan rakyat jelata amat menyayangi mereka seperti di dalam kisah di atas yang mana Raja Nik Mat yang sangat disukai oleh rakyat kerana keperibadiannya yang mulia sehingga sanggup menukar namanya dan mengikuti cara hidup masyarakat biasa. Di sini kita dapat lihat akan gambaran masyarakat Melayu yang memiliki keperibadian yang mulia sehingga disenangi oleh anggota masyarakat yang lain. Oleh itu, jelaslah disini akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat *Melayu Nik Mat Keturunan Raja Banjar* menerusi sistem kemasyarakatan.

Unsur kebudayaan menerusi hidup bermasyarakat ini juga dapat dilihat di dalam petikan teks naratif lisan *Pokok Tanjung dan Alat Muzik yang Bisu* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 18

Hujan ribut di mana kilat sambar-menyambar dengan dentuman guruh yang kuat dan diiringi hujan yang lebat mencurah membasahi bumi menyambut kedatangan mereka di rumah Tok Ketua. Mereka kesejukan lalu isteri Tok Ketua menghidangkan secawan air kopi seorang untuk meredakan kesejukan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021; 8)

Berdasarkan petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi hidup bermasyarakat ini dapat dilihat menerusi watak Tok Ketua dan isterinya yang menerima tetamu datang ke rumah mereka. Hal ini dapat dilihat bahawa Tok Ketua dan isterinya menerima tetamu yang datang di rumah mereka dengan baik dan menghidangkan secawan kopi kepada mereka semua bagi meredakan kesejukan. Kita dapat lihat akan kebudayaan masyarakat Melayu yang sentiasa menerima tetamu dan menjamu minuman kepada mereka. Perkara ini jelas menunjukkan kelakuan yang baik ini bukan sahaja dapat

melambangkan kepada keperibadian mereka tetapi juga boleh membuatkan anggota masyarakat menghormati dan menjunjung tinggi kepada watak dalam cerita rakyat iaitu Tok ketua dan isterinya. Oleh itu, setiap perbuatan yang dilakukan oleh anggota masyarakat amatlah penting untuk mempraktikkan sifat atau perbuatan yang positif agar dapat dijadikan ikutan kepada masyarakat lain.

Hal ini dapat dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan kemasyarakatan yang menonjolkan perilaku yang menggunakan kemahiran komunikasi supaya anggota masyarakat dapat menjalani kehidupan yang lebih harmoni dan sejahtera yang mana hal ini mendorong masyarakat melakukan sesuatu perbuatan atau perkara bagi mencapai keharmonian hidup bermasyarakat. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa tunjang pembentukan sesuatu pentadbiran dalam masyarakat adalah dengan menerapkan aspek agama, adat resam dan juga kepercayaan utuh yang mana ianya bermula kepada sikap masyarakat yang menitikberatkan akan kepentingan pengukuhan keimanan dalam diri masyarakat. Oleh itu, jelaslah disini bahawa setiap kelakuan yang dizahirkan oleh seseorang individu yang hidup dalam komuniti masyarakat bukan sahaja dapat dijadikan sebagai ikutan tetapi juga perlulah berdasarkan landasan agama Islam bagi mencapai kesejahteraan dalam masyarakat.

Unsur kebudayaan menerusi hidup bermasyarakat ini juga dapat dilihat di dalam naratif rakyat yang bertajuk *Kepesatan Pengkalan Parit* yang terdapat dalam petikan teks di bawah.

Petikan 19

Setelah perbincangan dilakukan, Pak Bulat merasakan dirinya telah bersalah lalu meminta maaf kepada Ah Li. Ah Li telah memaafkan perbuatan Pak Bulat. Mereka akhirnya dikhabarkan telah berkawan baik sejak peristiwa itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021; 34)

Berdasarkan petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi hidup bermasyarakat ini dapat dilihat menerusi watak yang saling memaafkan apabila berlakunya kesalahfahaman. Hal ini dapat diperlihatkan menerusi watak masyarakat iaitu Pak Bulat yang memohon ampun kepada Ah Li atas segala kesilapannya dan Ah Li telah memaafkan akan segala kesalahan Pak Bulat dan di akhirnya mereka berdua telah menjadi sahabat baik sejak daripada kejadian tersebut. Oleh itu, jelaslah disini bahawa anggota masyarakat dalam cerita rakyat saling memaafi bagi mencapai keamanan dan kesejahteraan di dalam kehidupan bermasyarakat.

Hal ini dapat dilihat menerusi pendekatan kemasyarakatan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menitikberatkan hubungan sesama anggota masyarakat dari sudut yang positif yang mana pendekatan ini memperlihatkan kepada watak yang saling bermaaf-maafan dan berdamai bagi mencapai kepada kesejahteraan anggota masyarakatnya. Menurut Ahmad Yani (2021), berdamai merupakan satu kelakuan yang dilakukan oleh dua pihak untuk mengelakkan daripada tercetusnya kejadian yang tidak diingini seperti bergaduhan yang boleh membawa kepada kecelakaan. Contohnya, kita dapat lihat menerusi pendamaian antara Ah Li dan juga Pak Bulat bukan sahaja dapat mengelakkan kekeruhan keadaan, di samping itu juga dapat mengeratkan dan menjalinkan hubungan silaturrahim sesama masyarakat. Amat penting untuk mencapai sesuatu kedamaian di dalam perhubungan seperti yang telah dimaktukan oleh syariat Islam agar keharmonian hidup dapat dicapai dengan jayanya. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyokong pernyataan ini dengan menyatakan pendekatan kemasyarakatan dapat memberi pendedahan kepada masyarakat sekeliling secara menyeluruh menerusi watak dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini demikian adalah kerana penceritaan telah menekankan kepada anggota masyarakat Melayu bagi menyelesaikan masalah yang dilihat dari sudut syariah, sosial, ibadat, ekonomi dan juga politik mengikut perspektif Islam. Oleh itu, amat penting di dalam sistem

kemasyarakatan untuk menegakkan keadilan dan pendamaian di dalam hidup bermasyarakat yang dapat dilaksanakan secara adil dan saksama bagi mendapatkan kesejahteraan di dalam hidup bermasyarakat.

Unsur kebudayaan menerusi hidup bermasyarakat ini dapat dilihat di dalam teks cerita rakyat *Jelmaan Mok Kurus* di dalam petikan di bawah.

Petikan 20

Melihatkan keadaan Mok Kurus yang lesu itu, Mak Esah memasak sedikit makanan untuk pulihkan tenaga Mok Kurus yang lemah.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 ; 51)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi hidup bermasyarakat dapat dilihat dengan jelas menerusi watak Mak Esah yang membantu Mok Kurus yang sakit. Mak Esah telah menguruskan Mok Kurus dan membantu beliau di dalam semua perkara seperti memasak, mengemas rumah dan sebagainya selepas Mok Kurus sakit kerana Mok Kurus tinggal keseorangan. Malah, Mak Esah tidak mengharapkan sebarang balasan dan hanya melakukan semua ini kerana kasihan pada Mok Kurus. Perkara ini telah menunjukkan bahawa sikap prihatin dan kasih mampu mengeratkan hubungan antara sesama masyarakat.

Dan akhir sekali, unsur kebudayaan menerusi kemasyarakatan juga dapat dilihat di dalam petikan teks cerita rakyat *Musibah Di Kampung Pulau Gajah* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 21

Terdapat penduduk Kampung Pulau Gajah Besar yang menumpangkan mangsa dari kampung tersebut di rumah mereka buat sementara waktu. Mereka memberikan sepenuh layanan kepada mangsa dengan sebaik mungkin tanpa wujud sebarang keluhan yang dituturkan di bibir mereka.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;25)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan watak anggota masyarakat yang prihatin iaitu penduduk Pulau Gajah Besar yang memberi pertolongan kepada orang kampung dari kampung tersebut yang terkesan untuk tinggal di kediaman mereka untuk waktu yang singkat dan memberikan perlawaan dan melayani mereka dengan sebaiknya tanpa ada rasa letih dan mengeluh yang keluar daripada bibir mereka. Oleh itu, perkara ini menjelaskan bahawa anggota masyarakat yang bersikap prihatin di dalam hidup bermasyarakat dan sering memberi anggota masyarakat yang di dalam kesusahan akan pertolongan sebaik yang mungkin.

Justeru itu, berdasarkan kepada teks cerita rakyat *Jelmaan Mok Kurus*, dan juga teks cerita rakyat *Musibah Di Kampung Pulau Gajah* yang mana hal ini adalah bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan kemasyarakatan yang menitikberatkan perhubungan sesama anggota masyarakatnya. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana pendekatan ini membawa watak yang menolong masyarakat kerana sifat prihatin dan kasih akan membawa kepada kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat. Perkara ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2008) yang menyatakan pendekatan kemasyarakatan mampu menyalurkan pendedahan secara keseluruhan kepada masyarakat dalam naratif rakyat. Hal ini kerana penceritaan watak menekankan kepada masyarakat Melayu yang membantu anggota masyarakat yang berdasarkan kepada ibadat, sosial, ekonomi, syariah mengikut sudut pandangan Islam. Oleh itu, jelaslah disini, sikap prihatin dan kasih dapat melahirkan kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat.

4.2.3. Bahasa

Menurut Atikah Mohd Noor (2010), bahasa ialah satu kelebihan semulajadi yang dimiliki oleh seseorang individu yang berbentuk suatu sistem simbol bunyi yang berarbitrari yang mana ianya telah dipersetujui dan telah digunakan oleh sekumpulan masyarakat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Manakala, menurut Richards,

Platt & Weber (1985), mendefinisikan bahasa adalah suatu sistem komunikasi manusia yang telah diucapkan menerusi susunan suara ataupun juga perkataan yang telah ditulis dan berstruktur bagi membentuk kesatuan yang lebih besar seperti kata, kalimat dan juga morfem. Bahasa adalah merupakan satu perkara yang digunakan oleh masyarakat di dalam pertuturan seharian mereka yang mana ianya berfungsi sebagai tujuan untuk mengekspresikan sesuatu tujuan ataupun juga berfungsi di dalam proses sosial masyarakat yang digunakan dalam situasi ataupun juga konteks budaya. (Halliday, 1994). Oleh itu, kita dapat fahami bahawa bahasa adalah satu sistem komunikasi yang dimiliki oleh manusia untuk bercakap dengan satu manusia yang lain. Identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi bahasa dapat dilihat melalui bahasa yang digunakan dalam masyarakat seperti bahasa dialek dan juga bahasa istana.

4.2.3.1 Bahasa Dialek

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013;348)*, dialek bermaksud satu bentuk bahasa yang telah digunakan dan diucapkan di dalam kehidupan seharian di dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial yang berbeza daripada bahasa standard seperti longhat, pelat daerah dan lain-lain lagi. Dialek ini juga membawa maksud suatu variasi bahasa yang telah dipertuturkan oleh sekumpulan masyarakat dalam sesuatu masyarakat bahasa (Abdul Hamid Mahmood, 1990). Manakala menurut Arbak Othman (2013), menyatakan dialek adalah merupakan suatu variasi bahasa yang telah digunakan oleh masyarakat tertentu di daerah yang tertentu sahaja. Oleh itu, kita dapat fahami, dialek ini adalah merupakan suatu bahasa yang berbeza variasi yang hanya dipertuturkan oleh satu kelompok masyarakat sahaja. Identiti kebudayaan menerusi bahasa dialek ini dapat dilihat menerusi petikan cerita rakyat di bawah.

Petikan 22

“Hai kera, dengan nama Allah SWT aku sumpah mung jangan kacau aku nak duduk di sini.” Haji Abdul Rahman yakin makhluk yang sedang mengacau beliau itu kemungkinan adalah jin. Jin tersebut menyerupai seekor kera putih.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 84)

Petikan di atas diambil melalui cerita rakyat *Keajaiban Si Kera Putih* yang menunjukkan Haji Abdul Rahman yang berbicara dengan kera putih yang mengganggu beliau. Hal ini terjadi kerana semak samun yang telah ditebang oleh Haji Abdul Rahman bertumbuh kembali walaupun beliau telah menebangnya bagi mendirikan petempatan disitu. Beliau telah bersumpah dengan nama Allah SWT agar kera itu tidak mengganggu urusan hariannya dalam membina penempatan disitu dengan menggunakan dialek bahasa Kelantan. Hal ini dapat dilihat melalui istilah perkataan ‘mung’ yang terdapat dalam dialog yang diutarakan oleh Haji Abdul Rahman kepada kera putih itu yang mewakili maksud ‘kamu’ di dalam bahasa Melayu baku.

Kita dapat lihat disini bahawa jelas terdapatnya identiti kebudayaan masyarakat Melayu iaitu bahasa melalui dialog percakapan Haji Abdul Rahman kepada makhluk jin yang menyerupai seekor kera putih itu. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana percakapan dan juga bahasa dialek Kelantan ini adalah merupakan identiti masyarakat Melayu di Kelantan. Masyarakat Melayu di Kelantan akan menggunakan dialek Kelantan di dalam ucapan harian mereka kerana ia adalah sebuah lambang dan identiti kebudayaan yang menunjukkan akan wujudnya kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan ini di tanah Melayu ini. Dialek Kelantan adalah merupakan sebuah tradisi warisan yang telah diperturunkan oleh generasi terdahulu kepada masyarakat Melayu di Kelantan dan diwarisi oleh suatu generasi baru ke satu generasi terbaharu. Malah, kita dapat lihat pada masa kini, bahawa begitu ramai yang telah mempelajari dialek bahasa Kelantan ini walaupun mereka bukanlah daripada negeri Kelantan dan ada juga masyarakat luar negara yang telah menyukai dan mempelajari dialek bahasa Kelantan ini. Oleh itu, masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu di Kelantan

perluah mempertahankan warisan ini agar tidak hilang ditelan dek zaman yang semakin lama semakin moden ini kerana ianya adalah merupakan satu warisan dan identiti yang amat penting dan tidak ternilai harganya.

Selain itu juga, unsur kebudayaan menerusi bahasa dialek ini dapat dilihat di dalam petikan teks cerita rakyat *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu* yang terdapat dalam petikan di bawah.

Petikan 23

"Buang masa la tok ketua. Bakpo tak pegi terus je, kan mudah." Ketua kampung menggeleng kepala apabila mendengar kata-kata daripada Mail itu tadi. Nampaknya Mail seperti tidak percaya akan kata-kata Tok Ketua. "

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;6)

Petikan di atas menonjolkan unsur kebudayaan menerusi bahasa dialek jelas kelihatan menerusi watak Mail yang menyuarakan pendapatnya di hadapan Tok Ketua dan Ketua kampung. Mail menyuarakan pendapatnya dengan menggunakan bahasa dialek Kelantan dan tidak mempercayai kata-kata dan juga larangan daripada Tok Ketua. Perkara ini jelas menunjukkan komunikasi yang terjalin antara masyarakat ialah masyarakat menggunakan bahasa dialek untuk berkomunikasi antara sesama anggota masyarakat.

Justeru itu, menerusi teks cerita rakyat *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu* dapat dilihat menerusi pendekatan kemasyarakatan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menonjolkan kelakuan masyarakat yang menggunakan kelebihan dalam komunikasi agar anggota masyarakat dapat menjalani kehidupan aman dan harmoni. Oleh itu, adat resam yang telah dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Melayu ini sangatlah penting dan memainkan peranan terutamanya di dalam mengukuhkan keimanan dan ketakwaan seseorang dalam menjalani hidupan dengan lebih baik. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che

Yaacob (2008) yang menyatakan tunjang dalam membentuk pentadbiran masyarakat perlulah menerapkan aspek agama, adat resam dan juga kepercayaan yang teguh. Hal ini berdasarkan kepada sikap masyarakat yang menitikberatkan akan keteguhan iman dan ketakwaan dalam hidup mereka. Oleh itu, setiap perkara yang dipertuturkan perlulah berlandaskan kepada agama Islam demi mencapai keamanan dan kedamaian di dalam kehidupan bermasyarakat.

Selain itu juga, identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi bahasa ini dapat di lihat di dalam petikan cerita rakyat *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* di bawah.

Petikan 24

Howard memiliki peribadi baik sebagai seorang warga British. Tuter katanya seakan masyarakat setempat. Howard mampu untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Tuter katanya mampu untuk bergaul seperti masyarakat setempat. Hal ini menjadikan masyarakat kampung tidak kekok dalam bergaul dengannya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 35)

Petikan di atas yang dipetik daripada naratif rakyat cerita *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* yang mana jelas menunjukkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu melalui kebudayaan menerusi bahasa ini dapat dilihat melalui cara dan juga percakapan Howard yang dapat menuturkan perbualan beliau bersama dengan masyarakat Melayu di dalam bahasa Melayu dengan baik. Hal ini dikatakan sedemikian, melalui kisah di atas, Howard adalah salah seorang daripada masyarakat British yang masih lagi tinggal dan negeri Kelantan walaupun setelah tamatnya Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Walaupun Howard Foster Biles adalah seorang warganegara British, namun Howard mampu menuturkan bahasa Melayu dengan baik sekali sehingga hampir menyamai masyarakat setempat di kampung itu. Beliau sanggup mempelajari bahasa Melayu semata-mata untuk bergaul dengan lebih erat lagi dengan masyarakat Melayu. Dan

hal ini telah menyebabkan penduduk kampung Lipat Sanggul tidak kekok untuk bergaul dengan beliau yang memiliki keperibadian yang sangat baik itu.

Kita dapat melihat dengan sangat jelas akan unsur kebudayaan iaitu bahasa melalui watak Howard dan juga masyarakat setempat di Kampung Lipat Sanggul. Bahasa Melayu yang telah digunakan oleh mereka di dalam perbualan seharian mereka telah menjadi sebagai satu tunjang dalam menyatukan masyarakat walau berbeza bangsa dan negara. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kita dapat lihat bahawasanya amat penting di dalam dunia hari ini untuk seseorang masyarakat untuk mempelajari bahasa baharu hanya kerana untuk semata-mata untuk berhubung dengan masyarakat dunia luar dengan lebih erat lagi. Oleh itu, bahasa amat penting di dalam kebudayaan kerana ianya menjadi sebagai agen penghubung di antara masyarakat dengan lebih rapat lagi dalam hubungan silaturrahim yang ingin dieratkan walaupun berbeza bangsa, negara dan agama seperti di dalam kisah di atas antara Howard dan juga masyarakat Melayu di negeri Kelantan yang menggunakan bahasa Melayu di dalam kehidupan seharian mereka. Kesimpulannya, kita dapat lihat betapa pentingnya unsur kebudayaan ini di dalam budaya Melayu kita dan kenapa masyarakat terdahulu terus-terusan mempertahankan budaya ini kerana mereka dapat melihat dengan jelas akan nilai kepentingan yang terdapat di dalamnya yang mana ianya adalah sangatlah tidak ternilai.

Justeru itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu menerusi bahasa ini dapat dikaitkan dengan Pendekatan Kemasyarakatan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Pendekatan Kemasyarakatan ini adalah bertunjangkan kepada menjalani kehidupan sebagai masyarakat majmuk di samping menuntut apa yang telah ditetapkan oleh Islam (Hashim Awang, 2002). Kita dapat lihat melalui identiti kebudayaan masyarakat Melayu ini, mereka dapat hidup aman damai walaupun berbeza agama dan bangsa.

Hal inilah kerana mereka mempraktikkan akan perucapan bahasa di dalam kehidupan seharian agar hubungan sesama masyarakat dapat dijalankan dengan baiknya tanpa ada rasa keraguan, perselingkuhan dan persefahaman yang boleh membawa kepada perpecahan kepada masyarakat majmuk. Oleh itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu ini amat penting kepada masyarakat Melayu kerana ia bukan sahaja melambangkan sebuah identiti kebudayaan masyarakat Melayu tetapi ia merupakan satu tunjang yang dapat mengeratkan hubungan silaturrahim masyarakat antara satu sama lain dan di samping dapat menambahkan keimanan di dalam diri individu kepada tuhan sekalian alam.

4.2.3.2 Bahasa Istana

Menurut Jelani Harun (2010), bahasa istana adalah merupakan bahasa yang digunakan oleh golongan bangsawan di dalam kalangan kerabat diraja, apabila berhubungan dengan kerabat diraja, dan dalam menyebut hal-ehwal yang berkaitan dengan raja yang dapat dilihat perbezaannya dengan bahasa yang biasa yang mana ianya dipertuturkan dengan penuh tertib, sopan dan teliti dengan ciri-ciri khususnya yang tersendiri. Manakala, menurut Asmah Omar (1987) bahasa istana adalah merupakan bahasa yang telah menjadi hak istimewa yang telah dikurniakan hanya kepada golongan bangsawan yang teratas teutamanya raja-raja Melayu di tanah Melayu di dalam undang-undang Melayu Tradisional. Bahasa istana juga dapat dikaitkan dengan bahasa dalam yang membawa maksud bahasa kehormatan yang mana ianya suatu bahasa yang dipakai dan digunakan di dalam istana (*Kamus Dewan edisi Keempat*, 2013). Oleh itu jelaslah disini bahawa bahasa istana wajib digunakan apabila kita bertutur dengan golongan raja-raja sahaja yang telah menjadi lambang ketinggian adat resam Melayu yang menunjukkan sebuah penghormatan kepada golongan raja yang berdaulat. Identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi bahasa istana ini dapat dilihat di dalam cerita rakyat di bawah.

Petikan 25

“Sewaktu di hadapan para pembesar, Puteri Saadong telah bertitah, “Wahai para pembesar beta. Beta merasakan beta telah menemui jalan bagaimana hendak memulihkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu, Beta rasa beta mahu mengadakan aktiviti jualan di atas kapal sahaja.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:15-16)

Petikan di atas telah diambil melalui cerita rakyat *Kemahsyuran Pantai Pengkalan Datu* yang menggambarkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Melayu iaitu kebudayaan melalui bahasa yang telah digunakan oleh Puteri Saadong dalam percakapannya dengan para pembesar iaitu bahasa istana. Melalui kisah di atas, Puteri Saadong telah memerintahkan para pembesar baginda dengan menyatakan bahawasanya baginda ingin mengadakan aktiviti jualan di atas kapal bagi memulihkan aktiviti perdagangan di Pantai Pengkalan Datu yang ketika itu sangatlah merosot. Walaupun dirasakan pelik oleh para pembesar, namun begitu para pembesar hanya menuruti perintah yang telah dititahkan oleh Puteri Saadong kepada mereka untuk membuat jualan di atas kapal bagi memulihkan kembali aktiviti perdagangan di Pantai Pengkalan Datu, di negeri Kelantan ketika itu. Dan melalui kebijaksanaan tuan Puteri Saadong dalam mengutarakan titah baginda telah menyebabkan lama-kelamaan aktiviti perdagangan semakin maju kerana para penjual tidak perlu memikirkan akan penginapan dan juga keselamatan barang dagangan mereka kerana aktiviti berdagang dilakukan di atas kapal sahaja.

Melalui kisah di atas juga, kita dapat lihat bahawa bahasa Istana telah digunakan oleh Puteri Saadong dengan para pembesar dalam percakapan mereka. Malah walaupun ketika para pembesar sangat risau melihat Puteri Saadong yang kelihatan kusut dan berduka cita dan mengeluarkan keluh ketika baginda berada di jendela Istana. Namun begitu, batas dan juga peraturan istana tetap dipatuhi oleh mereka yang mana rakyat wajib dan haruslah menjaga peradaban dan tatasusila ketika berkelakuan dan juga berkata-kata antara rakyat dan juga pemerintah. Hal ini

amatlah ditegas kerana ianya adalah merupakan peraturan dan warisan kebudayaan yang telah ditetapkan oleh golongan bangsawan dan pemerintah terdahulu bagi menunjukkan rasa kehormatan dan juga perbezaan darjat antara rakyat dan golongan bangsawan yang mana budaya ini tidak boleh sewenang-wenangnya dilanggar kerana ianya merupakan salah satu kesalahan yang sangat besar dan dikira tidak beradab. Oleh itu, jelaslah melalui gambaran kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu di atas cukup menjelaskan bahawasanya warisan kebudayaan melalui bahasa istana ini satu perkara yang sangat penting dan perlulah dikekalkan agar warisan ini tidak tercemar terutamanya kepada pihak atau masyarakat yang tidak bertanggungjawab yang sering menghina golongan bangsawan dan raja ini hanya disebabkan oleh perasaan tidak senang mereka akan pemerintahan sesuatu sistem pemerintahan beraja itu tersebut .

Justeru itu, menerusi identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu *Kemasyuran Pantai Pengkalan Datu* menerusi bahasa ini juga adalah selari dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Seni. Menurut Hashim Awang (1997), pendekatan seni perlulah dilihat bersama-sama dengan logik pemikiran yang mana dengan merujuk kepada penggunaan akan nilai keindahan di dalam agama Islam yang telah menyatakan yang mana ianya bukanlah sekadar untuk diberikan akan perasaan hormat yang hebat kepada penggunaan imaginasi yang tiada hadnya ataupun juga mementingkan aspek yang dirasai oleh indera, tetapi perlulah dilihat menerusi peningkatan daya pemikiran dan juga sifat- sifat kemanusiaan. Contoh keindahan menerusi bahasa ini, kita dapat lihat menerusi watak Puteri Saadong di dalam kisah di atas yang mana beliau telah bertitah kepada para pembesar dengan menggunakan bahasa istana namun begitu, gayanya dalam mengutarakan bahasa dan pengucapannya dengan menggunakan bahasa istana dan bertitah, namun begitu di dalam nada yang cukup lembut sehingga para pembesar dan rakyatnya tidak membantah akan kata-katanya dan hanya menuruti sahaja akan perintahnya. Oleh itu,

jelaslah disini ianya selari dengan pendekatan Seni yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Unsur kebudayaan melalui bahasa istana ini dapat dilihat di dalam petikan teks cerita rakyat *Kehebatan Laksamana Laut* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 26

"Laksamana Che Deraman menyapa, "Jangan dikhuatiri wahai baginda sultan, biar patik uruskan lanun-lanun itu." Beliau terus mengeluarkan keris yang berada dipinggangnya dan membaca satu ayat yang tidak pasti apa butir bacaannya."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;62)

Petikan di atas menunjukkan unsur kebudayaan melalui bahasa istana yang diutarakan oleh anggota masyarakat di dalam berkomunikasi. Hal ini menyatakan watak Laksamana Long Deraman yang menggunakan bahasa istana untuk bercakap dengan baginda sultan agar tidak khuatir kepada lanun-lanun yang mereka lihat. Oleh itu, jelaslah disini bahawa anggota masyarakat Melayu menggunakan bahasa istana di dalam komunikasi antara golongan pembesar dan golongan pemerintah.

Justeru itu, menerusi teks cerita rakyat *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu* dan juga teks cerita rakyat *Kehebatan Laksamana Laut* dapat dilihat menerusi pendekatan kemasyarakatan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menonjolkan perilaku yang menggunakan kelebihan dalam komunikasi agar anggota masyarakat dapat menjalani kehidupan aman dan sejahtera. Oleh itu, adat resam yang dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Melayu ini sangatlah penting dan memainkan peranan yang sangat besar terutamanya di dalam mengukuhkan keimanan dan ketakwaan seseorang dalam menjalani hidupan dengan lebih baik. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang

menyatakan asas dalam membentuk pentadbiran masyarakat perlulah menerapkan aspek agama, adat resam dan juga kepercayaan yang teguh. Hal ini berdasarkan kepada sikap masyarakat yang menitikberatkan akan keteguhan iman dan ketakwaan dalam hidup bermasyarakat. Oleh itu, setiap perkara yang dipertuturkan perlulah berlandaskan kepada agama Islam demi mencapai keamanan dan kedamaian di dalam kehidupan bermasyarakat.

4.2.4 Kesenian

Menurut Koentjaraningrat (2013: 298-299) mentafsirkan kesenian adalah suatu hasrat manusia kepada kenikmatan kepada sesuatu keindahan yang terbahagi kepada dua iaitu kesenian yang dapat dirasakan oleh pancaindera dan dapat memberi kepuasan cita rasa kepada peminat yang mendengar ataupun melihatnya contohnya seperti muzik, lukisan, puisi, ukiran dan lain-lain lagi. Manakala menurut Badrul Azmi, Muhamad Farizuan Rosli *et al.* (2014) mengatakan seni membawa maksud sebagai satu kemahiran atau kelakuan halus yang dapat menggambarkan sesuatu budaya yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat contohnya seperti tarian, nyanyian dan lain-lain lagi. Menurut Umar Kayam (1981) pula, kesenian adalah merupakan kreativiti daripada sesuatu kebudayaan yang melambangkan identiti kepada sesuatu golongan masyarakat daripada sesuatu daerah. Oleh itu, kita dapat fahami disini bahawa kesenian membawa maksud sesuatu perkara yang mempunyai keindahan di dalamnya. Unsur kebudayaan menerusi kesenian ini dapat dilihat menerusi cerita-cerita rakyat di bawah.

Petikan 27

Kehidupan mereka damai sehinggakan mereka mampu mengadakan beberapa hiburan bagi menghiburkan diri. Hiburan ini bertujuan bagi menceriakan rakyat jelata yang berduka cita selepas meninggalkan negeri dan orang yang disayangi mereka. Hiburan ini sekadar untuk menghilangkan kerisauan mereka terhadap penaklukan negeri Patani. Pelbagai jenis hiburan yang dianjurkan oleh golongan bangsawan dan Raja Patani untuk menghiburkan hati mereka. Antaranya ialah silat, mak yung, main teri, dan sebagainya. Hiburan-hiburan ini

direka bagi menunjukkan keunggulan masyarakat kepada keturunan mereka nanti.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:27)

Kisah ini digarapkan melalui cerita rakyat *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* yang menunjukkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang jelas kelihatan iaitu kebudayaan menerusi kesenian dapat dilihat melalui persembahan yang telah diadakan oleh golongan bangsawan dan Raja bagi menghiburkan hati rakyat setelah penaklukan Raja Patani di dalam negeri mereka dan juga unsur kebudayaan iaitu kesenian yang terdapat di dalam cerita rakyat *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* yang telah menggambarkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu menggunakan seni persembahan dan permainan alat muzik tradisional sebagai aktiviti untuk mengisi waktu lapang. Melalui kisah di atas, antara permainan dan juga seni persembahan tradisional yang telah dinyatakan ialah seperti mak yung, main teri, menora, dikir barat, wayang kulit, silat dan lain-lain lagi. Semua ini adalah merupakan seni dan juga permainan tradisional yang berasal daripada negeri Cik Siti Wan Kembang iaitu negeri Kelantan.

Kita dapat lihat melalui di dalam kisah-kisah tersebut, identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu ialah melalui seni dan juga permainan tradisional. Kita dapat lihat penduduk kampung Pulau Gajah yang sering bermain permainan dan juga seni persembahan ini. Seni persembahan seperti main teri, mak yung, silat telah dijalankan oleh barisan menteri dan juga Raja Patani untuk rakyat mereka di Kampung Pulau Gajah. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana golongan bangsawan dan Raja Patani ini menganjurkan persembahan tradisional ini adalah kerana untuk menghiburkan hati rakyat jelata yang berduka cita kerana mereka terpaksa meninggalkan tempat tinggal mereka akibat daripada peperangan yang telah berlaku dahulu. Selain itu juga, seni dan permainan tradisional ini dimainkan sebagai untuk menunjukkan akan keunggulan warisan budaya ini kepada masyarakat dan juga

akan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi baharu agar warisan ini tidak dilupakan oleh masyarakat Melayu kini.

Selain itu juga, kebudayaan masyarakat Melayu menerusi kesenian ini juga dapat dilihat di dalam cerita rakyat Melayu di bawah iaitu *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu*.

Petikan 28

Pokok tanjung itu juga dikatakan mempunyai keajaiban yang tersendiri yang pernah terjadi kepada orang kampung suatu ketika dahulu. Di Kampung Tanjung Besar itu juga turut terkenal dengan seni persembahan tradisional dan permainan alat muzik seperti makyung, main teri, menora, dikir barat, wayang kulit dan sebagainya yang menjadi aktiviti pada waktu lapang penduduk kampung di situ.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 5)

Selain itu juga, melalui identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* menggambarkan masyarakat Melayu di dalam kisah tersebut juga sentiasa bermain dengan alat muzik dan juga seni persembahan. Penduduk Kampung Tanjung Besar yang terletak di kawasan Pengkalan Datu di negeri Kelantan ini menggunakan peralatan lagu contohnya seperti menora, main puteri, dikir barat, makyung, wayang kulit dan lain-lain lagi dimainkan bagi memenuhi aktiviti waktu lapang mereka. Selain itu juga, mereka melakukan persembahan dan juga pertandingan dikir barat yang diwakili oleh satu kumpulan dikir barat iaitu Samad, Awang, Mail, Man dan juga Nasir dan Mail merupakan ketua kumpulan dikir barat mereka.

Oleh itu, melalui unsur kebudayaan cerita-cerita rakyat di atas, kita dapat lihat bahawa identiti kebudayaan masyarakat Melayu terdahulu iaitu melalui unsur kesenian. Kita dapat lihat bahawa masyarakat Melayu terdahulu sering bermain dengan alat muzik tradisional. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana masyarakat Melayu di

negeri Kelantan ini amat gemar menceburi dan memainkan seni persembahan tradisional ini diwaktu lapang. Selain itu juga, mereka juga menjadikan warisan budaya ini sebagai alat untuk menghibur diri mereka terutamanya ketika mereka sedih seperti yang telah dilakukan oleh Raja Patani dan golongan bangsawan daripada cerita *rakyat Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* yang mana mereka mengadakan dan menganjurkan persembahan seni tradisional ini bagi menghiburkan hati rakyat jelata. Jelaslah di sini, bahawa gambaran masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu ini bermain dan mengadakan warisan tradisional seni persembahan ini bagi mengisi masa lapang dan juga menghiburkan hati di kala sedih.

Justeru itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu dapat dilihat dengan jelas di dalam cerita rakyat di atas iaitu *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* dan juga *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* melalui kesenian yang mana perkara ini selari dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Alamiah menerusi pendekatan moral yang mana menurut Hashim Awang (1999:8) yang menyatakan bahawa pendekatan moral ialah pengalaman yang telah ditempuhi masyarakat dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunianya yang termasuk dengan kejiwaan, keagamaan, kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan juga persekitaran sekeliling yang melibatkan dengan kekuatan ilmu pengetahuan dan juga daya kreativiti. Di sini kita dapat lihat bahawa menerusi cerita-cerita rakyat di atas yang mana kebudayaan menerusi kesenian yang terdapat di dalam cerita telah memberikan manfaat kepada masyarakat contohnya seperti masyarakat Melayu di dalam kisah-kisah tersebut telah menjadikan seni sebagai satu perkara yang dapat mengubati jiwa mereka di saat gembira dan juga sedih bagi melupakan akan perkara yang tidak ingin diingati oleh mereka. Oleh itu, jelaslah disini bahawa Pengkaedahan Alamiah menerusi pendekatan moral ini ini sangat jelas akan gambaran kebudayaannya yang mana masyarakat Melayu terdahulu mengamalkan

dan memainkan kesenian di dalam kehidupan seharian mereka bukan sahaja sebagai alatan hiburan semata-mata tetapi juga sebagai identiti kebudayaan masyarakat melayu dan warisan yang sangat penting.

Akhir sekali, unsur kebudayaan menerusi kesenian ini dapat di lihat di dalam petikan teks cerita rakyat *Simbolik Rebat* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 29

Kehidupan masyarakat kampung ini dikatakan bersatu hati melalui alat muzik yang dinamakan rebat tanpa meminta sebarang balasan atau upah selepas diupacarakan. Kemahiran bermain rebat pada ketika ini sangat berguna untuk merapatkan kembali ikatan persaudaraan yang terjalin bagi memastikan keharmonian dalam masyarakat tersebut dapat diteruskan dengan baik.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;19)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi kesenian dapat dilihat menerusi kehidupan anggota masyarakat yang bermain alat muzik rebat di dalam majlis atau upacara. Mereka menggunakan kemahiran mereka dalam bermain alat muzik rebat ini tanpa meminta sebarang upah kerana tujuan mereka adalah untuk merapatkan hubungan silaturahim antara sesama anggota masyarakat dalam kehidupan masyarakat setempat. Perkara ini jelas menunjukkan dengan budaya kesenian yang dimiliki oleh anggota masyarakat dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim dan keharmonian antara masyarakat di dalam cerita rakyat.

Perkara ini dapat dilihat menerusi pendekatan firasat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menghubungkan pengamatan kehidupan seseorang masyarakat yang mempraktikkan kelakuan yang membawa kepada kebaikan demi mencapai manfaat bukan sahaja kepada diri mereka sendiri tetapi juga kepada anggota masyarakat di sekelilingnya. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyokong kenyataan ini dengan menyatakan bahawa setiap

pengalaman yang dilalui oleh masyarakat Melayu perlulah diambil iktibar yang positif bagi mencapai matlamat yang ingin dicapai oleh masyarakat. Hal ini telah membuatkan mereka berusaha bagi mengapai wawasan hidup dengan melalui kreativiti dan juga keyakinan yang ada di dalam diri anggota masyarakat. Oleh itu, segala bentuk matlamat yang ingin dicapai mestilah mempunyai usaha dan juga keyakinan yang teguh di dalam diri.

4.2.5 Sistem Agama dan Kepercayaan.

Sistem agama ini adalah suatu perkara atau tatacara yang dilakukan dan dijalankan oleh masyarakat di atas tujuan yang tertentu contohnya seperti kepercayaan, agama ataupun juga ritual adat yang diamalkan oleh masyarakat. Menurut Koentjaraningrat (2013: 294) menyatakan kewujudan keagamaan dan kepercayaan ini bermula apabila masyarakat percaya kepada kewujudan suatu kekuatan ghaib yang dianggap mempunyai kekuasaanya yang menyebabkan manusia melakukan begitu banyak perkara agar mereka dapat berhubung dengan sumber ghaib tersebut bagi memperoleh sesuatu manfaat. *Kamus Dewan* (2007) menyatakan maksud kepercayaan ialah pengakuan kepada sesuatu pegangan kerana perasaan yakin yang dimiliki di dalam sesuatu pegangan. Ianya boleh juga dikaitkan dengan berhubung dengan nilai dan norma, pandangan hidup, upacara pernikahan dan kematian. Hal ini juga dapat merujuk kepada kepercayaan oleh Ayu Nor Azilah Mohamad (2016), menyatakan kepercayaan ditafsirkan bahawa ianya adalah merupakan satu asas dalam membentuk nilai moral di dalam memenuhi keperibadian yang dimiliki di dalam diri seseorang individu.

4.2.5.1 Kepercayaan & Ritual

Menurut *Kamus Dewan* (2007), kepercayaan dapat didefinisikan sebagai pernyataan mengenai sesuatu perkara menerusi perasaan yakin yang teguh kepada sesuatu perkara di dalam masyarakat. *Kamus Dewan edisi keempat* (2013), ritual

bermaksud suatu tatacara yang dilakukan oleh satu individu atau kelompok masyarakat di dalam suatu upacara keagamaan, adat dan sebagainya. Kebudayaan menerusi kepercayaan dan ritual ini dapat dilihat menerusi cerita rakyat di bawah.

Petikan 30

Dahulu diceritakan bahawa permainan teri di Kampung Pengkalan Parit ini suatu ketika dahulu telah diketuai oleh Pak Bar. Pak Bar begitu handal dalam ilmu bomoh dan boleh mengubati pelbagai penyakit yang dihadapi oleh seseorang. Pak Bar ini dikatakan telah banyak menolong masyarakat dalam proses mengubati penyakit yang dihadapi.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:54)

Petikan diatas diambil daripada cerita rakyat Melayu *Berpuakakah Pengkalan Parit?* yang telah menceritakan tentang sebuah pengkalan yang dikenali dengan nama Pengkalan Parit yang dikatakan sangatlah keras dan berhantu kerana masyarakatnya sering mempraktikkan permainan dan kepercayaan pemujaan kepada alam ghaib. Diceritakan lagi bahawa masyarakat Melayu yang tinggal di Pengkalan Perit sering melakukan permainan teri, makyung, menghantar bala, tempat orang berjamu dan lain-lagi kepercayaan dan juga ritual yang dikatakan mempercayai bahawa amalan ritual ini dapat memberi manfaat di dalam kehidupan seharian mereka yang mempunyai tujuannya yang tertentu seperti main teri akan dilakukan bagi menyembuhkan dan mengubati pesakit yang mana upacara ritual ini telah diketuai oleh seorang bomoh yang sangat handal di dalam ilmu pembomohan yang dikatakan boleh mengubati pelbagai penyakit yang dihadapi seseorang dan beliau lebih dikenali dengan nama Pak Bar. Masyarakat Melayu sangatlah menghormati dan menyanjunginya kerana beliau disebabkan oleh pertolongan beliau yang sangat besar dan ada satu kalinya Pak Bar didatangi sepasang suami isteri yang ingin mengubati suaminya yang berubah secara tiba-tiba dan hanya banyak termenung tanpa bercakap sehinggalah berlarutan berminggu-minggu. Pak Bar mengatakan kepada isteri bahawasanya suaminya itu telah dirasuk makhluk halus yang berasal dari laut semasa balik daripada laut setelah melihat keadaan pasangan isteri itu dan segera beliau menyediakan jampi

serapah untuk merawat pesakit si suami bagi mengembalikan semangat yang telah hilang. Main teri telah dilakukan oleh Pak Bar untuk memulihkan si suami dan akhirnya si suami telah kembali pulih seperti sedia kala setelah upacara main teri itu selesai.

Melalui cerita rakyat Melayu yang telah dijelaskan di atas telah menunjukkan akan kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu kepercayaan dan juga ritual. Kita dapat lihat dengan jelas bahawa masyarakat Melayu sangat mempercayai akan perkara-perkara sebegini. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana mereka percaya hanya dengan ritual ini sahaja dapat mengubati penyakit yang tidak mampu disembuhkan oleh peralatan moden masa kini dan memerlukan ritual sebegini bagi menyembuhkan pesakit contohnya seperti yang di dalam kisah di atas yang mana Pak Bar melakukan main teri bagi menyembuhkan si suami yang tersampuk dengan jin laut. Kita dapat lihat bahawa kepercayaan masyarakat Melayu terhadap perkara sebegini amatlah tinggi kerana mereka sangat yakin hanya dengan ritual ini sahaja yang dapat menyembuhkan penyakit mereka. Oleh tu, jelaslah disini bahawasanya gambaran kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu *Berpuakakah Pengkalan Perit?* ini telah memperlihatkan akan identiti kebudayaan ritual dan kepercayaan yang sangat jelas di dalamnya.

Selain itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi ritual ini dapat dilihat di dalam cerita rakyat *Pemujaan Tok Mekong*.

Petikan 31

Lalu, untuk memulihkan semangat Mawar yang dikatakan hilang diambil penunggu buluh itu, Pawang Dol telah menyarankan agar dibuat pemujaan bagi mengembalikan semangat Mawar. Syarat seperti ayam putih dan kambing putih perlu disediakan oleh Pak Mat sekeluarga.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 47-48)

Petikan di atas diambil daripada cerita rakyat *Pemujaan Tok Mekong* yang mengisahkan sebuah keluarga yang tinggal di hujung kampung iaitu Pak Mat, Mak Nah dan anaknya bernama Mawar. Pada suatu hari, Mawar telah menuruti bapanya masuk dalam bukit bakau untuk mencari kayu api. Dalam sibuk memotong, Mawar terlihat akan sebatang buluh yang lain dan ingin mencantasnya. Namun begitu, Mawar tidak dapat mencantas malah apabila dicantas, pokok buluh tersebut mengeluarkan cair yang berwarna merah seakan darah menyebabkan Mawar menjerit lalu pengsan di situ. Pak Mat yang mendengar jeritan anaknya terus mendapatkan anaknya dan dibawa pulang dan Pak Mat telah memanggil Pawang Dol untuk merawat Mawar. Setelah keadaan kembali normal, Pawang Dol yang telah mendengar cerita daripada Pak Mat tidak menyetujui akan tindakan Mawar yang merosakkan alam sesuka hati tanpa meminta izin terlebih dahulu dan menyarankan bagi memulihkan kembali semangat Mawar, mereka perlu melakukan pemujaan iaitu menyediakan kambing putih dan ayam putih. Selepas itu, anaknya telah kembali pulih seperti sedia kala.

Menerusi cerita rakyat di atas, jelas menunjukkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang mana masyarakat terdahulu akan melakukan pemujaan yang sering dikaitkan dengan makhluk halus dan juga perubatan. Mereka selalunya akan melakukan pemujaan bagi meminta maaf kepada semangat yang dikatakan telah merasa terganggu ketenteramannya disebabkan oleh perbuatan masyarakat. Hal ini kita dapat lihat dalam gambaran masyarakat di dalam cerita dimana Pawang Dol telah menyuruh Pak Mat untuk melakukan pemujaan dengan melakukan penyembahan bagi mengembalikan semangat Mawar yang hilang disebabkan oleh makhluk halus yang ada di buluh itu. Oleh itu, jelaslah di sini, bahawa identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat *Pemujaan Tok Mekong* menunjukkan masyarakat terdahulu sering melakukan pemujaan dan penyembahan Tok Mekong dalam perubatan makhluk halus.

Justeru itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu menerusi kepercayaan dan ritual ini, adalah selaras dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Alamiah menerusi pendekatan firasat yang mana menurut Hashim Awang (2002: 18) yang menyatakan bahawa firasat ini merupakan satu kejadian yang terjadi yang dapat dikaitkan dengan mimpi, yang mana ianya merupakan suatu pengalaman hidup yang dialami oleh masyarakat yang mana ianya selalu dikatakan sebagai satu perkara yang bermakna kepada kehidupan bagi menemukan pencarian akan maksud mimpi tersebut yang dipanggil sebagai ta'abir iaitu proses menemukan tafsiran makna kepada lambang atau tanda-tanda tertentu yang selalunya berkaitan dengan daya kemisterian. Disini kita dapat lihat dengan jelas di dalam cerita rakyat *Berpuakakah Pengkalan Parit?* dan juga *Pemujaan Tok Mekong*, yang mana gambaran identiti kebudayaan masyarakat Melayu telah menunjukkan akan gambaran masyarakat yang sering melakukan pemujaan dan juga ritual yang dikaitkan dengan kejadian yang mistik seperti upacara penyembahan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu bagi memuja makhluk halus yang selalunya dikaitkan dengan perubatan makhluk halus. Oleh itu, jelaslah disini adanya pengkaedahan alamiah menerusi pendekatan firasat yang sangat jelas di dalam cerita rakyat Melayu iaitu *Berpuakakah Pengkalan Parit?* dan *Pemujaan Tok Mekong* yang mana menerusi kepercayaan dan ritual yang sering diamalkan di dalam kehidupan di dalam golongan masyarakat Melayu di zaman yang terdahulu.

Unsur kebudayaan menerusi kepercayaan dan ritual juga dapat dilihat menerusi teks cerita rakyat *Pemujaan Tok Mekong* di dalam petikan di bawah.

Petikan 32

Semenjak kejadian itu, Mawar tidak sembarangan mencantas atau membuat apa-apa tanpa minta izin dengan tuannya dahulu. Ianya telah menjadikan pengajaran kepada masyarakat sekeliling

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;48)

Petikan di atas telah menonjolkan unsur kebudayaan melalui kepercayaan ini dapat dilihat menerusi watak masyarakat yang mempercayai akan perkara ghaib. Hal ini dikatakan sedemikian adalah melalui watak Mawar yang mempercayai bahawa di dalam setiap perbuatan yang di ingin lakukan terutamanya apabila masuk ke dalam hutan dengan meminta izin kepada pemiliknya dahulu. Perkara ini kerana anggota masyarakat tidak ingin perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian yang telah menimpa Mawar kerana mencantas buluh tanpa meminta izin terlebih dahulu kepada pemiliknya. Oleh itu, kita dapat lihat anggota masyarakat percaya bahawa pentingnya meminta izin kepada pemiliknya agar tidak dimarahi oleh penunggu yang ada di kawasan itu.

Perkara ini dapat dikaitkan dengan pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang meliputi kejadian-kejadian yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat. Hal ini adalah kerana setiap kejadian yang terjadi dapat memberikan kesan kepada masyarakat yang mengalaminya baik dari segi positif mahupun negatif yang menyebabkan masyarakat menitikberatkan akan kesan positif di dalam penceritaanya. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyokong kenyataan ini dengan menyatakan bahawa peristiwa yang dihadapi oleh masyarakat Melayu telah membawa kepada pembentukan jati diri, kebudayaan dan juga kepercayaannya yang tersendiri di dalam anggota masyarakatnya. Oleh itu, kepercayaan ini telah memberi pengaruh yang besar kepada budaya masyarakat kerana keunikkan gayanya yang telah ditunjukkan dapat diterima oleh masyarakat.

Unsur kebudayaan menerusi kepercayaan dapat dilihat di dalam teks cerita rakyat *Jelmaan Saka Harimau* di dalam petikan di bawah.

Petikan 33

Beliau membaca sedikit surah dalam al-Quran lalu menyatakan bahawa Mok Joh itu pengamal ilmu ghaib yang mempunyai saka berupa harimau. Tegak

bulu tengkuk Hasnah apabila mengetahuinya. Jelmaan itu adalah yang berupa harimau mendampingi Mok Joh setelah sekian lama.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 53)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi kepercayaan telah memperlihatkan masyarakat Melayu yang mempercayai dan membela jelmaan saka. Hal ini dapat dirujuk kepada watak Mok Joh yang telah membela saka yang berupa harimau dan membuatkan Mok Joh dapat bergerak jauh di dalam masa yang singkat tanpa berasa letih jika ingin dibandingkan usianya yang semakin larut itu. Perkara ini telah menunjukkan dengan jelas bahawasanya masyarakat Melayu mempercayai akan makhluk halus sehingga ada yang sanggup membelanya di atas tujuan yang tertentu.

Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan firasat dapat diaplikasikan yang menyatakan akan kepercayaan yang utuh yang dimiliki oleh masyarakat yang tidak dapat disangkakan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa anggota masyarakat Melayu yang diceritakan di dalam cerita rakyat menggambarkan anggota masyarakat yang telah mengamalkan ilmu perubatan dan juga kebudayaan dan juga mempunyai pendamping bagi mencapai tujuan tertentu. Oleh itu, jelaslah disini menunjukkan masyarakat Melayu mengamalkan kebudayaan itu kerana mempercayai bahawa perkara ini membawa manfaat kepada mereka.

4.2.5.2 Kematian

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2013), kematian dapat difahami sebagai perkara yang berkaitan dengan mati iaitu tidak bernyawa dan tidak hidup lagi disebabkan oleh penderitaan atau kesakitan yang ditanggung oleh seseorang atau sesuatu yang mati itu. Menurut Umar Latif (2016), menyatakan Islam berpandangan bahawa kematian adalah merupakan tahap atau peringkat transisi atau pun juga dimensi yang dapat menghubungkan antara kehidupan awal dengan kehidupan yang

selanjutnya. Selain itu juga, Mega Herdina (2013), menyatakan maksud kematian menurut Islam itu sendiri, kematian akan berlaku dan terjadi disebabkan oleh keluarnya roh seseorang manusia daripada tubuhnya dan roh tersebut tidak lagi kembali yang menyebabkan badan tidak lagi bernyawa. Oleh itu, kita dapat fahami disini bahawa kematian bermaksud seseorang itu tidak lagi bernyawa dan mempunyai roh dalam badan mereka. Unsur kebudayaan melalui kematian ini dapat dilihat di dalam cerita rakyat *Jelmaan Mok Kurus* di bawah.

Petikan 34

Setelah seberapa lama dirawat oleh Mak Esah akhirnya Mok Kurus menghembuskan nafasnya yang terakhir tanpa kehadiran anaknya disisi. Mak Esah gagal untuk menghubungi anak-anak Mok Kurus. Mayat Mok Kurus tidak dapat dikebumikan kerana warisnya gagal dihubungi maka mayatnya disimpan dahulu untuk seketika. Selang tiga hari, mayat Mok Kurus mulai mengeluarkan nanah dan darah akibat terlalu lama disimpan. Oleh itu, masyarakat Kampung Telipot mulai menguruskan jenazah Mok Kurus degan segera bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 52)

Petikan di atas di ambil daripada cerita rakyat Melayu *Jelmaan Mok Kurus* yang telah menceritakan kisah tentang seorang perempuan berusia dalam lingkungan 80-an yang tinggal sebatang kara yang bernama Cik Moh atau lebih dikenali dengan nama Mok Kurus di kampung Telipot. Untuk dijadikan cerita, Mok Kurus akhirnya telah meninggal dunia setelah lama dirawat oleh Mak Esah tanpa kehadiran anaknya di sisi. Namun begitu, mayat Mok Kurus tidak dapat diuruskan disebabkan warisnya yang gagal dihubungi walaupun telah banyak kali Mak Esah cuba menghubungi lalu disimpan dahulu sehinggalah selang tiga hari, masyarakat kampung Telipot telah segera menguruskan mayat Mok Kurus bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan daripada berlaku kerana mayat Mok Kurus ketika itu telah mengeluarkan darah dan nanah. Setelah seminggu kematian Mok Kurus, begitu banyak kes yang telah berlaku keatas orang kampung yang sering diganggu oleh jelmaan yang dikatakan ianya adalah Mok Kurus. Malah sehingga kini, jelmaan Mok Kurus masih lagi mengganu

orang kampung yang menyebabkan orang tua kampung Telipot melarang anak-anak muda merayau di tengah malam.

Melalui cerita rakyat Melayu yang telah dijelaskan di atas telah menunjukkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu kematian dan juga kepercayaan. Kita dapat lihat dengan jelas terdapat dua perkara yang telah ditegaskan oleh masyarakat Melayu daripada dahulu hinggalah sekarang iaitu yang pertama berkaitan dengan kematian. Masyarakat Melayu telah menjelaskan bahawa jika seseorang meninggal dunia, mayat mereka perlulah diuruskan dengan segera kerana jika tidak diuruskan dengan secepat mungkin, akan ada perkara yang tidak diingini berlaku ke atas mayat. Malah Islam juga menyarankan agar mayat si mati perlulah diuruskan dengan kadar segera kerana bimbang akan ada unsur negatif yang akan mendekat dengan jenazah si mati seperti yang kita dapat lihat di dalam kisah di atas yang mana mayat Mok Kurus telah mengeluarkan darah dan nanah akibat disimpan selama tiga hari kerana tidak dituntut oleh warisnya. Kedua, masyarakat Melayu percaya bahawasanya merayau di pada waktu malam boleh membawa keburukan kepada masyarakat setempat terutamanya kepada anak-anak muda. Oleh itu, orang-orang tua sangatlah melarang anak-anak muda untuk keluar pada waktu malam kerana bimbang jelmaan sebegini akan mengganggu mereka seperti yang telah berlaku kepada masyarakat kampung Telipot yang telah diganggu oleh jelmaan Mok Kurus setelah dia meninggal. Jelaslah di sini bahawa melalui kisah Jelmaan Mok Kurus ini, masyarakat Melayu mengamalkan kebudayaan tidak boleh keluar merayau pada waktu malam dan apabila berlaku sesuatu kematian perlulah diuruskan dengan kadar yang segera bagi elakkan perkara yang tidak diingini.

Sehubungan dengan itu, identiti kebudayaan menerusi kematian ini selaras dengan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kisah di atas telah membuktikan akan kewujudannya berkait

dengan pendekatan moral. Menurut Hashim Awang, 2002), menyatakan bahawa pendekatan moral berfungsi menerusi satu perkara yang telah menonjolkan akan kejadian hidup yang telah dihadapi oleh setiap makhluk hidup iaitu manusia akan dapat memperolehi manfaat daripada pengalaman tersebut yang berlaku di dalam hidup mereka dimana ianya akan menimbulkan kesan yang positif mahupun sebaliknya kepada masyarakat tersebut. Perkara ini dapat dilihat daripada perkara yang telah berlaku selepas kematian Mok Kurus yang mana setelah dia meninggal dunia, masyarakat kampung terutamanya golongan muda tidak berani lagi keluar pada waktu malam kerana risau diganggu oleh jelmaan Mok Kurus. Kita dapat lihat perkara ini daripada dua-dua sudut positif mahupun negatif yang mana sudut positifnya masyarakat tidak lagi keluar pada waktu malam dan hanya duduk di rumah sahaja.

4.2.5.3 Firasat

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, firasat bermaksud perasaan hati bahawa akan ada perkara yang akan berlaku dan terjadi akan sesuatu perkara sesudah melihat tanda-tanda tertentu. Ibnu Ajibah menerusi Hadis Riwayat At. Tirmidzi menyatakan firasat bermaksud bisikan yang telah masuk ke dalam hati seseorang atau menimbulkan sesuatu di dalam hati. Selain itu juga, menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, firasat juga membawa maksud sesuatu ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan tanda-tanda pada anggota tubuh badan bagi mengetahui akan perbuatan ataupun juga nasib seseorang manusia itu. Oleh itu, sangat jelas di sini bahawa firasat adalah sesuatu yang berkait rapat dengan kemunculan tanda-tanda yang dapat dirasai oleh anggota tubuh seperti hati. Firasat ini adalah merupakan salah satu identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang dipertunjukkan dan dapat dilihat di dalam teks di bawah iaitu *Kain Sutera Cina*. Unsur kebudayaan yang dikaitkan dengan firasat ini dapat dilihat di dalam petikan kisah di bawah.

Petikan 35

Sedang lena dibuai mimpi, Hassan telah didatangi oleh seorang puteri yang cantik memakai baju kebaya sutera berwarna ungu. Di dalam mimpi Hassan itu, puteri jelita telah mengetahui niat hati mereka yang murni itu. Kata puteri itu, "Ambillah kain sutera ini kemudian balut ditemat luka yang dialami dan lihatlah lukanya akan sembuh dengan sendirinya tanpa merasa sakit." Belum sempat Hassan ingin bertanya cara untuk menemukan kain tersebut, puteri itu telah berlalu. Ianya telah membuatkan Hassan terjaga daripada mimpi dan mendapati bahawa kain tersebut berada di tangannya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:11)

Petikan di atas di ambil daripada cerita rakyat *Kain Sutera Cina* yang telah menceritakan berkenaan dengan dua orang kawan karib iaitu Hussin dan Hassan yang nekad untuk masuk ke dalam hutan tebal yang dipenuhi oleh bukit bakau itu bagi mencari ubat untuk merawat kecederaan ahli keluarganya yang cedera akibat peperangan. Keesokan harinya, mereka berdua memulakan perjalanan dan telah bercadang untuk berehat berhampiran dengan sungai setelah hari kian senja. Mereka kepenatan lalu lena bersandarkan sebatang pokok yang besar. Dalam lenanya, Hassan telah termimpi berjumpa dengan seorang puteri cantik memakai baju kebaya sutera yang telah memberikannya kain sutera dengan mengatakan kain tersebut dapat menyembuhkan ahli keluarganya yang sudah lama menderita akibat kecederaannya itu. Di dalam mimpi tersebut, puteri itu sudah mengambil maklum akan niat baik dua rakan karib itu dan berniat menolong mereka. Apabila tersedar dari lenanya, Hassan melihat ada kain sutera yang telah dipakai oleh tuan puteri itu di dalam tangannya dan terus mengejutkan Hussin dan bergegas keluar dari hutan tersebut. Sampainya di rumah, Hassan terus mendapatkan ahli keluarganya yang cedera itu lalu membalut lukanya. Ajaibnya luka itu telah hilang dan sembuh beberapa jam yang kemudian yang telah membuatkan semua orang terkejut. Hassan dan Hussin telah menyimpan kain sutera itu di tempat yang selamat sebagai sebagai tanda semangat persahabatan mereka dan juga kekuatan dan kebanggaan keluarganya kerana memperolehi satu benda yang sangat hebat dan ajaib seperti kain tersebut.

Melalui kisah yang telah dijelaskan di atas, jelaslah menunjukkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu melalui firasat. Masyarakat Melayu terdahulu amat mempercayai bahawasanya ada makhluk ajaib yang telah menolong mereka melalui mimpi. Dan tidak semua mendapatkan pertolongan sebegini yang diberikan melalui mimpi. Seperti yang telah dilalui oleh Hassan yang telah mendapatkan kain sutera daripada puteri cantik kerana niatnya yang baik itu. Dan Hassan dan Hussin telah menyimpan kain tersebut sebagai lambang kepada semangat persahabatan mereka dan juga lambang keajaiban yang telah dikurniakan kepada mereka. Jelaslah di sini bahawasanya masyarakat Melayu mempercayai akan wujudnya firasat sebegini kerana akan keajaibannya yang tidak mampu ditolak oleh sesiapa pun.

Justeru itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu menerusi kepercayaan dan ritual ini, adalah selaras dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Alamiah menerusi pendekatan firasat yang mana menurut Hashim Awang (2002: 18) yang menyatakan bahawa firasat ini merupakan satu kejadian yang terjadi yang dapat dikaitkan dengan mimpi, yang mana ianya merupakan suatu pengalaman hidup yang dialami oleh masyarakat yang mana ianya selalu dikatakan sebagai satu perkara yang bermakna kepada kehidupan bagi menemukan pencarian akan tafsir mimpi tersebut yang dipanggil sebagai ta'abir iaitu proses menemukan maksud penafsiran sesuatu alamat atau tanda-tanda tertentu yang selalunya berkaitan dengan daya kemisterian. Disini kita dapat lihat dengan jelas di dalam cerita rakyat *Kain Sutera Cina* yang mana identiti kebudayaan masyarakat Melayu telah menunjukkan akan gambaran masyarakat yang telah dikurniakan bantuan menerusi firasat iaitu mimpi disebabkan oleh niatnya yang murni seperti yang terjadi kepada Hassan yang telah bermimpi mendapatkan kain suteri oleh puteri cantik di dalam mimpinya yang dikatakan kain sutera tersebut dapat menyembuhkan ahli

keluarganya. Oleh itu jelaslah disini, bahawa cerita rakyat di atas dapat dikaitkan dengan pendekatan firasat yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Unsur kebudayaan menerusi kepercayaan dan ritual ini juga terkandung di dalam naratif lisan yang bertajuk *Pemujaan Pantai* yang terdapat di dalam petikan teks di bawah.

Petikan 36

Menurut Tok Kelahi juga, mereka mestilah melakukan syarat yang ditetapkan itu selama tujuh hari berturut-turut dan dibuat sekali setahun. Jika tidak mengikut syarat yang ditetapkan dan turun ke laut begitu sahaja, akan mendapat bala seperti sampan atau kapal yang mereka naiki akan terbalik dan ikan yang mereka jala itu tidak akan mendapat hasilnya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;44)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi kepercayaan dan ritual ini menunjukkan kepada masyarakat yang telah mempraktikkan aktiviti pemujaan disebabkan oleh kepercayaan mereka. Hal ini dikatakan masyarakat percaya pemujaan kepada makhluk halus dapat memberikan kelebihan kepada mereka dan jika mereka tidak memuja makhluk ghaib tersebut, akan berlakunya perkara buruk kepada mereka. Oleh itu, masyarakat Melayu mempercayai bahawa kewujudan makhluk ghaib perlulah dilakukan aktiviti pemujaan kepada mereka bagi mengelakkan sesuatu yang tak diingini daripada berlaku.

Hal ini dapat merujuk kepada pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), yang menyatakan pengalaman hidup yang dilalui oleh anggota masyarakat telah memberikan mereka keteguhan hati yang tinggi di dalam diri mereka untuk berpegang teguh ke atas prinsip kehidupan yang dialami oleh anggota masyarakat tersebut. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan pendekatan moral ini telah menunjukkan kepada peristiwa

yang dialami oleh anggota masyarakat di dalam kehidupan mereka yang merujuk kepada kepercayaan dan juga pegangan yang diamalkan oleh mereka baik ianya membawa kepada kebaikan ataupun juga keburukan. Oleh itu, jelaslah disini bahawasanya masyarakat Melayu mempraktikkan akan kepercayaan kepada alam ghaib di dalam kehidupan mereka sehingga ianya telah menjadi satu jati diri dalam kebudayaan masyarakat Melayu.

4.2.5.4 Agama dan Kepercayaan pada Tuhan

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, agama bermaksud kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya. Manakala menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, sesuatu seperti dewa dan sebagainya yang dipuja oleh makhluk hidup seperti golongan manusia yang beragama atau kepercayaan mereka yang tidak berasaskan kepada kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Tuhan juga bermaksud Allah yang menciptakan alam semesta baik perkara yang ketahui atau pun sesuatu perkara yang tidak ketahui dan dicapai oleh pancaindera manusia (*Kamus Dewan; 2013*). Oleh itu, identiti kebudayaan melalui agama dan kepercayaan kepada tuhan ini dapat dilihat di dalam cerita rakyat di bawah.

Petikan 37

“Suatu malam, pondok agama tersebut didatangi oleh beberapa tentera Jepun yang bersenjata. Mereka bertanyakan kepada Tok Guru Haji Awang Alim apa yang mereka sedang lakukan di dalam pondok tersebut dan mengapa tidak menutup lampu. “Kami sedang berdoa kepada Tuhan kami, Allah SWT. Kami meminta agar kampung ini sentiasa dalam keadaan aman dan tiada peperangan berlaku” jawab Tok Guru Haji Awang Alim. Pihak Jepun merasa gembira dengan jawapan tersebut dan membenarkan pondok dinyalakan lampu. Selepas kejadian itu, kehidupan di Kampung Atas Banggol menjadi aman dan damai malahan pihak Jepun mendermakan roti kepada madrasah-madrasah untuk menjalani aktiviti keagamaan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 69-70)

Melalui cerita rakyat Melayu *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* yang mengisahkan sebuah kampung di Kota Bharu iaitu Kampung Atas Banggol. Di kampung ini, adanya seorang ulama dan juga merupakan ketua kampung yang bernama Tok Guru Haji Awang Alim yang telah membangunkan tempat untuk beribadat bagi menyebarkan agama Islam di kampung tersebut. Namun begitu, sejak kedatangan tentera Jepun ke tanah Melayu, keamanan dan juga kedamaian kampung tersebut terjejas dan penduduk tidak dibenarkan membuka lampu pada waktu malam oleh tentera Jepun tetapi tidak diendahkan oleh Tok Guru Haji Awang Alim. Suatu hari mereka didatangi tentera Jepun menanyakan apakah yang dilakukan mereka kerana tidak menutup lampu dan jawab Tok Guru Haji Awang Alim dengan beraninya untuk berdoa kepada Allah Swt untuk memohon keamanan dan ketiadaan peperangan menyebabkan tentera Jepun gembira mendengar jawapan tersebut lalu membenarkan mereka menyalakan lampu. Tentera Jepun juga telah mendermakan makanan kepada madrasah-madrasah untuk menjalani aktiviti keagamaan dan aman dan damai lah kampung Atas Banggol itu.

Melalui kisah yang telah dijelaskan di atas, jelas menunjukkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu kepercayaan kepada Tuhan. Kita dapat lihat bahawa masyarakat Melayu yang mempercayai akan kewujudan dan juga kekuasaan Allah SWT. Mereka percaya Allah SWT itu wujud begitu juga dengan kekuasaannya. Hal ini juga merujuk kepada ketakwaan kepada Allah SWT dan menurut segala perintahNya dengan melakukan hal dan juga perkara yang dapat mendekatkan diri kepada Allah tanpa mempunyai rasa takut dan gentar akan makhluk lain selain Allah SWT. Buktinya seperti yang telah digambarkan oleh watak seorang ulama yang membangunkan tempat beribadat bagi tujuan untuk menyebarkan agama Islam. Selain itu juga, beliau tidak merasa gentar akan arahan pihak Jepun yang menyuruh orang kampung memadamkan lampu dan lilin pada waktu malam. Bukti keyakinan dan juga ketakwaan Tok Guru Haji Awang Alim juga terserlah

apabila beliau berdoa kepada Allah agar diberikan keamanan dan bebas daripada peperangan dan kekuasaan Allah terlihat dengan jelas apabila pihak Jepun tidak memarahi Tok Guru Haji Awang Alim melakukan aktiviti keagamaan dan juga menyalakan lilin pada waktu malam, malah pihak Jepun telah menyokong aktiviti tersebut dan memberikan sumbangan makanan kepada madrasah-madrasah beliau. Oleh itu, jelaslah bahawasanya identiti kebudayaan masyarakat Melayu ialah sangatlah berpegang teguh dan percaya kepada wujudnya kekuasaan Allah dan ajaran agama Islam.

Selain itu juga, identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi kepercayaan kepada tuhan dapat dilihat di dalam teks cerita rakyat Melayu *Kehebatan Bomoh Siam*.

Petikan 38

Si suami melihatkan si isteri telah pulih daripada penyakit ketawa itu merasakan syukur lalu menghulurkan sedikit sumbangan namun tidak diambil oleh bomoh tersebut. Bomoh itu sekadar mengucapkan ianya adalah pertolongan daripada Allah SWT. Dalam perjalanan pulang, si suami telah memberikan sedikit sumbangan kepada masjid bagi menyatakan rasa syukur atas kesembuhan isterinya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:40)

Petikan cerita rakyat *Kehebatan Bomoh Siam* di atas telah mengisahkan tentang zaman dahulu kala di mana masyarakat Melayu sering berkunjung ke rumah seorang bomoh yang dikatakan dapat menyembuhkan segala penyakit yang pelik selepas pulang dari rumahnya. Diceritakan juga terdapat suami isteri yang hidup bahagia telah dilanda masalah apabila si isteri telah dilanda penyakit sering ketawa tanpa sebab. Si suami telah berjumpa dengan begitu banyak bomoh tetapi tiada sesiapa yang dapat menyembuhkan isterinya hinggalah suatu hari, dengan izin Allah, si suami telah bertemu dengan penduduk yang pernah berjumpa dengan bomoh siam dan mengatakan bomoh tersebut mempunyai ilmu kebomohan yang sangat hebat dan telah membawa si isteri berjumpa dengan bomoh tersebut. Setelah berjumpa dengan

bomoh tersebut, bomoh tersebut telah membaca ayat dan berdoa kepada Allah untuk memohon pertolongan dan memberi air tawar kepada si isteri dan akhirnya telah sembuhlah si isteri. Si suami telah menghulurkan sumbangan tetapi ditolak oleh bomoh tersebut dan mengatakan ianya pertolongan daripada Allah dan akhirnya si suami memberikan sumbangan kepada masjid sebagai tanda syukur atas kesembuhan isterinya.

Melalui kisah di atas, kita dapat lihat dengan jelas akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu menerusi kepercayaan kepada Tuhan. Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat terdahulu ramai yang mengamalkan perubatan bomoh ini baik di dalam segala aspek terutamanya dalam pengubatan tradisional seperti penyakit yang dihidapi oleh si isteri. Namun begitu, seperti di dalam kisah di atas, bomoh siam tersebut telah menggunakan kelebihan dan ilmu perubatan bomoh yang ada di dalam dirinya di samping meminta pertolongan kepada Allah SWT untuk menyembuhkan penyakit ketawa si Isteri. Selain itu juga, menerusi kisah tersebut kita dapat lihat si suami telah memberikan sumbangan kepada masjid tanda kesyukuran kepada Allah SWT kerana isterinya telah sembuh daripada penyakit ketawanya. Syukur membawa maksud perasaan yang bergembira dan tenang di samping menghargai dengan kurniaan yang telah diperolehi dalam kehidupan (Al-Ghazali, 1990). Di sinilah telah memberikan gambaran yang sangat jelas akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi kepercayaan kepada tuhan yang mana masyarakat berharap akan permohonan kepada Allah SWT dan juga mensyukuri akan segala nikmat dan juga pertolongan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada seseorang itu. Oleh itu, jelaslah disini terdapat akan unsur kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat *Kehebatan Bomoh Siam* menerusi kepercayaan kepada Tuhan.

Justeru itu, identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu yang telah dinyatakan di atas telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu telah mempraktikkan di dalam kehidupan seharian mereka akan kepercayaan dan juga ritual adat yang telah diamalkan oleh masyarakat. Hal ini telah bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Dakwah yang terdapat di dalam Pengkaedahan Keagamaan. Menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Keagamaan telah berfungsi di dalam memperluaskan akan keunggulan Islam menerusi keistimewaan dan juga nilai-nilai yang murni terkandung di dalamnya yang dapat memperlihatkan akan kehebatan dan menarik minat baik penganutnya ataupun juga masyarakat kepada agama dan juga ajaran Islam. Ianya juga sangat sarat dengan budaya pengamalan akan unsur-unsur keagamaan yang dapat dipraktikkan di dalam kehidupan seharian. Kita juga dapat lihat di dalam cerita rakyat Melayu, bahawasanya masyarakat Melayu, walaupun mereka mempunyai kelebihan atau ilmu ghaib yang dimiliki oleh mereka terutamanya apabila melakukan ritual adat, namun begitu, mereka tetap meletakkan Allah SWT sebagai tempat pertolongan iaitu seperti berdoa kepada Allah untuk memohon keamanan, pertolongan dan sebagainya. Perkara ini bertepatan dengan cerita rakyat adalah merupakan satu wadah bagi menambahkan dan meningkatkan akan ketakwaan masyarakat kepada agama dan juga Allah.

Unsur kebudayaan menerusi kepercayaan kepada Tuhan di dalam cerita rakyat *Kehebatan Pawang Ali* dapat dilihat di dalam petikan teks di bawah.

Petikan 39

Pawang Ali segera pegang tangan Karim sambil membacakan beberapa ayat al-Quran untuk pulihkan Karim yang menjerit tanpa diketahui sebabnya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021; 68)

Unsur kebudayaan menerusi kepercayaan kepada Tuhan dapat dilihat di dalam petikan di atas melalui watak masyarakat yang membaca ayat al-Quran bagi memulihkan

anggota masyarakat. Hal ini dilihat iaitu watak Pawang Ali yang telah membaca ayat al-Quran untuk memulihkan Karim yang telah diserang histeria secara tiba-tiba. Oleh itu, jelaslah disini memperlihatkan watak masyarakat walaupun mempunyai ilmu di dalam kebomohan, tetapi bergantung kepada ayat suci al-Quran untuk mengubati pesakit yang disampuk makhluk halus.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan dakwah di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang berkaitan dengan sastera sebagai wadah dalam meningkatkan ketakwaan seseorang kepada keagungan dan juga sifat-sifat kebesaran Allah SWT. Hal ini telah memperlihatkan cerita rakyat yang sarat mengandungi nilai Islam yang dapat membuka pemikiran seseorang agar melakukan kebaikan yang berdasarkan kepada ajaran agama Islam yang mana ianya mengandungi kandungan Al-Quran dan juga hadis. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan menerusi aspek moral ini lebih menjuruskan kepada pengalaman yang dihadapi oleh seseorang individu yang berkaitrapat dengan kepercayaan yang diamalkan oleh seseorang itu baik dari segi positif mahupun negatif. Oleh itu, jelaslah disini bahawasanya pengamalan kebudayaan masyarakat Melayu ini memperlihatkan kepada kepercayaan yang utuh dalam diri anggota masyarakat yang mengamalnya.

Unsur kebudayaan menerusi kepercayaan kepada tuhan juga dapat dilihat di dalam cerita rakyat *Keajaiban Si Kera Putih* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 40

Sebagai seorang ulama, beliau telah bersumpah dengan nama Allah SWT kepada kera putih itu supaya tidak mengganggu urusan harian beliau.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021; 84)

Menerusi petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi kepercayaan kepada tuhan dapat dilihat melalui watak masyarakat Melayu yang menggunakan nama Allah untuk bersumpah. Hal ini dilihat kepada watak Haji Long Abdul Rahman yang bersumpah dengan nama Allah SWT kepada kera putih itu yang diyakini oleh beliau adalah merupakan jin yang berupakan seekor binatang iaitu kera putih. Oleh itu, jelaslah disini bahawasanya watak masyarakat dalam cerita rakyat percaya dengan kekuasaan Allah akan menyebabkan mereka dilindungi dan diberikan pertolongan dan jalan keluar daripada segala masalah yang di hadapi.

Hal ini dapat dilihat melalui pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang memperlihatkan akan pengalaman hidup masyarakat telah memberikan keteguhan hati yang utuh dalam pegangan mereka ke atas sesuatu prinsip yang telah dialami oleh masyarakat. Oleh itu, pembelajaran secara konsisten dan mendalam berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu dapat diasah dan dipertingkatkan secara mampan dan konduktif.

Akhir sekali, unsur budaya menerusi kepercayaan kepada tuhan ini dapat dilihat menerusi teks cerita rakyat *Kisah Sekumpulan Tupai* di dalam petikan teks di bawah.

Petikan 41

“Wahai tupai-tupai sekian yang ada, aku bersumpah dengan nama Allah SWT aku haramkan kalian mengigit buah-buah kelapa ini selama hayat keturunan yang ada.” Tupai-tupai itu sekadar memandang Haji Long Abdul Rahman dan meneruskan perbuatan mereka. Akan tetapi, gigi tupai-tupai tersebut tumpul dan tidak lagi kuat untuk menggigit buah kelapa sehinggakan gigi menjadi patah.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;86)

Unsur kebudayaan melalui kepercayaan kepada tuhan dapat dilihat di dalam petikan di atas melalui watak masyarakat yang bersumpah dengan nama Allah. Hal ini dilihat iaitu watak Haji Long Abdul Rahman yang bersumpah dengan nama Allah kepada Tupai yang sering merosakkan buah kelapa di kampung tersebut. Oleh itu, jelaslah disini telah memperlihatkan akan watak masyarakat yang meletakkan segala pergantungan kepada kekuasaan dan kebesaran Allah SWT.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan dakwah di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan sastera adalah sebagai wadah dalam mempertingkatkan akan ketakwaan seseorang kepada keagungan dan juga sifat-sifat kebesaran Allah SWT yang mana hal ini telah memperlihatkan cerita rakyat yang sarat dengan nilai Islam yang dapat membawa pemikiran seseorang yang taat kepada kuasa Allah SWT agar melakukan kebaikan yang berdasarkan kepada ajaran agama Islam yang merujuk kepada kandungan Al-Quran dan juga hadis. Taat menurut Christian Cahyaputra Siat & Agus Arianto (2013), dapat ditakrifkan sebagai kepatuhan seseorang kepada sesuatu perkara yang tidak bertentangan dengan kehidupan nyata. Contohnya dapat dilihat menerusi watak Pawang Ali, walaupun mempunyai ilmu dalam yang berkait rapat dengan alam ghaib. Namun begitu, beliau masih taat dan bergantung kepada kekuasaan Allah SWT di dalam menyembuhkan pesakit. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), yang menyatakan sastera adalah merupakan satu alat bagi mengembangkan Islam yang dilihat dari sudut penghayatan akan keagungan dan juga keunggulan Allah SWT.

4.2.6 Teknologi dan Peralatan Hidup

Teknologi dan peralatan hidup adalah salah satu daripada unsur kebudayaan masyarakat Melayu. Teknologi di sini dapat membawa maksud menurut Yusup Hashim (1994), teknologi bermaksud satu proses yang menggunakan alam semula jadi ataupun juga satu produk yang dihasilkan yang bersifat inovatif dan dinamik yang telah dicipta untuk kemudahan kepada semua masyarakat. Manakala teknologi juga dapat didefinisikan menurut *Kamus Dewan* (2007) sebagai satu alat yang dapat memenuhi keperluan masyarakat bagi melancarkan urusan kehidupan mereka. Di sini kita dapat memahami bahawa teknologi dan juga peralatan hidup ini digunakan oleh masyarakat Melayu untuk memudahkan dan melancarkan segala urusan mereka.

4.2.6.1 Teknologi

Menurut *Mesthere* (1970), telah mendefinisikan teknologi adalah suatu ilmu yang telah dikumpulkan lalu disusun yang berkaitan dan berperanan bagi mencapai segala maklumat yang bersifat praktikal. Manakala menurut *Singer et. Al* (1954), menyatakan definisi teknologi ialah cara satu perkara itu telah dicipta atau dibuat. Unsur kebudayaan menerusi teknologi ini dapat dilihat di dalam petikan cerita rakyat di bawah.

Petikan 42

Tentera Jepun telah menggunakan basikal sebagai sistem pengangkutan untuk menjajah seluruh Tanah Melayu. Mereka telah melakukan satu renovasi terhadap basikal yang digunakan. Mereka telah menjadikan basikal kepada motor berkuasa genetik. Motor ini telah digunakan sebagai alat komunikasi antara tentera di Tanah Melayu dan pihak atasan di Jepun. Ianya merupakan satu kelebihan kepada pihak Jepun kerana telah berjaya mencipta sesuatu yang berlainan dalam menyusun strategi menakluki tanah jajahan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:33)

Melalui petikan yang telah digarapkan daripada cerita rakyat Melayu *Serangan Basikal Berkuasa Genetik Di Pantai Mek Mas* telah menceritakan peristiwa penjajahan tentera Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1902 sehinggalah 1903 di bawah

pemerintahan Maharaja Mikado Meiji yang mana pemerintahan ini ingin mencapai kemodenan dan perindustrian dengan menjadikan negara barat sebagai contoh dan model ke arah menjadikan Tanah Melayu dengan lebih maju. Pihak penjajah Jepun ingin menjadikan Tanah Melayu kerana mereka kekurangan sumber pertanian dan memerlukan sumber makanan pada ketika itu dan negeri Kelantan adalah merupakan permulaan penjajahan mereka. Pihak Jepun telah berjaya menjajah seluruh Tanah Melayu adalah kerana mereka mempunyai kelebihan di dalam teknologi yang telah diciptakan dan diubahsuai oleh mereka iaitu basikal biasa telah ditukarkan kepada motor berkuasa genetik. Dan tentera Jepun telah menggunakan motor yang telah diubahsuai itu untuk berhubung diantara pihak atasan di negara Jepun dengan tentera Jepun di Tanah Melayu. Renovasi ini sangatlah memberikan kelebihan kepada pihak Jepun di dalam penaklukan yang telah dilakukan oleh mereka keatas Tanah Melayu ini sehinggakan menyebabkan masyarakat Melayu tidak terdaya untuk melawan mereka pada ketika itu.

Melalui cerita rakyat Melayu yang telah di jelaskan di atas telah menunjukkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu melalui unsur kebudayaan peralatan hidup dan teknologi. Kita dapat lihat dengan jelas bahawasanya kebudayaan menerusi teknologi dan peralatan hidup, masyarakat terdahulu telah menggunakan teknologi dalam merancang strategi yang terbaik kerana seperti yang kita sedia tahu, pada ketika itu, teknologi dan peralatan hidup ini tidak terlalu ketara penggunaannya dan masih lagi tidak diciptakan dan maju jika ingin dibandingkan dengan pembangunan teknologi pada masa kini yang semakin lama semakin maju sesuai dengan arus zaman kemodenan yang semakin meningkat maju. Oleh itu, penggunaan dan juga penciptaan teknologi dan peralatan hidup seperti yang telah diciptakan oleh pihak Jepun yang telah mencipta motor berkuasa genetik yang pada asalnya hanyalah sebuah basikal biasa yang sangatlah berlainan dan baharu. Inisiatif dan juga strategi bijak yang telah difikirkan oleh pihak Jepun ini telah

memberikan kelebihan kepada mereka dalam menakluki dan menjajah Tanah Melayu pada ketika itu. Jelaslah di sini bahawa, kebudayaan masyarakat melalui teknologi atau peralatan hidup ini amat penting kepada kebudayaan masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana teknologi dan juga peralatan hidup ini dapat membantu di dalam banyak aspek dan dapat memberikan kelebihan kepada sesuatu kelompok masyarakat di samping ianya dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Unsur kebudayaan masyarakat Melayu menerusi teknologi ini juga dapat dilihat melalui petikan teks cerita rakyat *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* di bawah.

Petikan 43

Namun sesuatu yang tidak dijangka oleh para lanun adalah apabila kapal yang dinaiki mereka telah tersangkut pada satu beting pasir. Beting Pasir yang dibina telah membuatkan kapal tersebut tidak mampu bergerak ke mana-mana.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:12)

Menerusi kepada teks petikan di atas, unsur kebudayaan melalui teknologi dapat dilihat melalui teknologi yang berasal daripada alam semula jadi iaitu benteng pasir yang dijadikan sebagai pertahanan. Perkara ini dapat dilihat dimana disebabkan oleh benteng pasir yang telah dibina bagi mempetahankan negeri naungan Puteri Saadong telah menyebabkan rancangan penaklukan yang ingin dilakukan oleh lanun untuk menakluki tidak berjaya kerana tersekat pada benteng pasir tersebut.

Hal ini dapat dirujuk kepada pendekatan gunaan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan menghubungkan alam iaitu benteng pasir dengan kehidupan masyarakat yang mana ianya kerana manusia banyak meperolehi manfaat dengan adanya kewujudan objek alam yang memberi sumbangan yang sangat besar yang dapat dilihat dari sudut

keselamatan, ekonomi dan juga perubatan. Perkara ini telah memberikan kepercayaan yang teguh kepada diri masyarakat menerusi sumber alam ini dan kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan unsur semula jadi yang telah diterapkan oleh pencerita penglipur lara telah memberikan manfaat yang besar kepada manusia disebabkan oleh pemikiran yang terbentuk dan dimasukkan ke dalam kebudayaan masyarakat Melayu. Oleh itu, jelaslah disini, kebudayaan menerusi pendekatan gunaan yang menghubungkan manusia dan alam ini dapat membentuk jati diri di dalam kebudayaan masyarakat Melayu.

Unsur kebudayaan menerusi teknologi juga dapat dilihat menerusi teks cerita rakyat *Haji Long Abdul Rahman* di dalam petikan di bawah.

Petikan 44

Keunikan terserlah apabila beliau hanya menggunakan sebuah pasu yang diperbuat daripada tanah liat.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;59)

Melalui petikan teks di atas, unsur kebudayaan menerusi teknologi ini juga dapat dilihat dimana watak dalam cerita rakyat telah menghasilkan sebuah pasu yang diinovasikan daripada alam. Hal ini dirujuk kepada watak Haji Long Abdul Rahman yang telah menginovasikan teknologi iaitu dengan menghasilkan sebuah pasu yang berasal daripada tanah liat. Oleh itu, jelaslah disini bahawasanya watak masyarakat dalam cerita rakyat memanfaatkan alam dan diinovasi dan diolah lalu terhasillah produk yang sangat berguna kepada manusia.

Hal ini dapat dikaitkan dengan pendekatan gunaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menghubungkan dengan alam, iaitu tanah liat dengan kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana adanya sumber alam yang dapat memberi manfaat kepada kehidupan anggota masyarakat daripada sudut ekonomi, perubatan dan juga keselamatan yang mana

manfaat yang diperolehi daripada sumber alam semula jadi telah memberikan satu kepercayaan yang teguh dalam kehidupan anggota masyarakatnya. Hal ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa penglipur lara telah menerapkan unsur sumber alam ini kerana dapat menonjolkan kesan yang baik kepada anggota masyarakat yang mana hal ini membentuk sebuah pemikiran yang telah diterapkan dalam kebudayaan milik anggota masyarakat. Oleh itu, jelaslah bahawa masyarakat dan juga alam saling berhubungkait antara satu sama lain.

Unsur kebudayaan menerusi teknologi juga dapat dilihat menerusi petikan teks cerita rakyat *Misteri Gajah Berkaki Enam* yang terdapat di dalam petikan di bawah.

Petikan 45

Gajah itu kelihatannya ke perigi untuk minum air lalu berlalu pergi begitu sahaja. Setelah dirasakan aman barulah penduduk kampung keluar dari tempat persembunyian.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;49)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi teknologi juga dapat dilihat dimana adanya perigi yang terdapat di dalam cerita rakyat. Kisah di atas menyatakan seekor gajah yang berkaki enam telah masuk ke dalam kampung lalu meminum air di dalam perigi milik masyarakat kampung tersebut. Hal ini berkait rapat dengan masyarakat Melayu yang telah menggali perigi bagi memudahkan masyarakat setempat mengambil air tanpa perlu bersusah payah untuk pergi ke sungai semata-mata ingin menggunakan air. Oleh itu, jelaslah disini perigi adalah merupakan teknologi yang telah dibina oleh anggota masyarakat bagi kemudahan masyarakat setempat.

Hal ini dapat dirujuk kepada Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan gunaan yang dapat menghubungkan alam iaitu perigi dengan kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana

kewujudan objek alam telah banyak memberi kelebihan dan manfaat kepada kehidupan masyarakat dari segi aspek ekonomi, keselamatan dan juga perubahan yang mana manfaat yang diperolehi yang berasal daripada sumber alam semula jadi yang dapat memberikan suatu kepercayaan yang teguh dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan penglipur lara telah memperlihatkan manfaat yang baik untuk masyarakat Melayu yang diterapkan menerusi unsur semula jadi.

Unsur kebudayaan menerusi teknologi dan peralatan hidup dapat dilihat di dalam petikan teks cerita rakyat *Keasyikan Suara Buluh Perindu* di dalam petikan di bawah.

Petikan 46

Lelaki itu juga terus menebang dan mencari buluh untuk membuat bubu bagi menangkap ikan dan menganyam bakul untuk mengutip hasil hutan yang dijumpainya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;29)

Berdasarkan petikan di atas, unsur kebudayaan melalui teknologi dan peralatan hidup dapat dilihat melalui watak yang telah menginovasikan alam untuk dijadikan sebagai peralatan hidup. Hal ini dapat dilihat dimana watak manusia yang telah membina bubu dan juga menganyam bakul yang diperbuat daripada buluh. Ini bagi memudahkan urusannya untuk menangkap ikan dan juga mengutip hasil hutan yang telah dijumpainya. Oleh itu, jelas memperlihatkan watak masyarakat Melayu dalam cerita rakyat yang membuat inovasi dan perubahan keatas alam bagi memudahkan urusan harian kehidupannya.

Perkara ini dapat dikaitkan dengan pendekatan gunaan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang mempunyai hubung kait alam iaitu buluh dengan kehidupan masyarakat. Hal ini kerana kewujudan sumber alam

dapat memberikan manfaat kepada kehidupan seharian masyarakat dari aspek ekonomi, keselamatan dan juga perubahan. Oleh itu, manfaat yang diperolehi masyarakat daripada sumber alam ini telah menyebabkan kehidupan masyarakat menjadi lebih mudah. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa unsur semula jadi yang telah diterapkan oleh pengliput lara menunjukkan akan kelebihan dan kebaikan yang positif kepada masyarakat Melayu yang akhirnya telah membentuk satu bentuk pemikiran yang telah diterapkan dalam kebudayaan masyarakat Melayu. Oleh itu, pemikiran ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Melayu.

Unsur kebudayaan menerusi teknologi ini juga dapat dilihat menerusi teks cerita rakyat *Serangan Basikal Berkuasa Genetik Di Pantai Mek Mas* di dalam petikan di bawah.

Petikan 47

Selain penggunaan motor genetik, tentera Jepun juga telah menggunakan minyak pokok jarak bagi mengisi minyak jet pejuang Jepun pada ketika itu. Ianya merupakan sesuatu yang unik dalam aktiviti penaklukan yang tidak pernah dilakukan kerana mempunyai strategi yang strategik dalam perlaksanaannya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;33)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan melalui teknologi ini juga dapat dilihat melalui watak masyarakat yang menggunakan sumber alam sebagai aktiviti penaklukannya. Hal ini dapat dirujuk di mana pihak tentera Jepun telah mengisi minyak jet pejuang mereka dengan menggunakan minyak pokok jarak. Hal ini tidak pernah difikirkan oleh sesiapa dan menyebabkan perkara ini memberi kelebihan kepada pihak Jepun di dalam rancangannya untuk menakluki tanah Melayu ketika itu. Oleh itu, jelaslah disini masyarakat telah menginovasikan sumber alam kepada teknologi bagi melaksanakan urusan mereka.

Hal ini dapat dilihat melalui pendekatan kesenian di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan akan penghasilan idea selaras dengan perkembangan teknologi yang menjadikan masyarakat dapat mengolah teknologi yang ada kepada sebuah satu sistem baharu yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakatnya. Pengkaedahan ini dapat dirujuk kepada pernyataan Mohd Firdaus Che Yaacob (2008) yang menunjukkan akan masyarakat Jepun yang memanfaatkan sumber yang ada dan mengubahnya kepada suatu hasil yang mempunyai banyak manfaatnya untuk digunakan sewaktu penjajahan. Oleh itu, jelaslah disini bahawa unsur kebudayaan menerusi teknologi ini dapat dikaitkan dengan pendekatan kesenian.

4.2.6.1 Peralatan Hidup

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, alat disini membawa maksud, sesuatu barang yang amat diperlu dan digunakan oleh masyarakat untuk membuat, mengerjakan atau menghasilkan sesuatu perkara. Selain itu juga, menurut *Kamus Dewan edisi keempat (2013)*, alat juga bermaksud sesuatu yang dipergunakan bagi mencapai sesuatu maksud atau maklumat yang dikehendaki. Dapat dirumuskan disini bahawa peralatan hidup adalah merupakan satu alat atau teknologi hidup yang sangat diperlukan oleh manusia untuk memudahkan urusan seharian mereka. Oleh itu, kisah yang terdapat di petikan di bawah telah menerapkan identiti kebudayaan menerusi peralatan hidup ini iaitu cerita rakyat *Melayu Misteri Gajah Berkaki Enam* di bawah.

Petikan 48

Keesokan harinya, seluruh penduduk kampung berkumpul di rumah Tok Harun dengan membawa senjata masing-masing. Senapang, parang, keris dan bermacam jenis senjata mereka bawa bagi membunuh gajah berkaki enam yang dikatakan membawa malapetaka kepada kampung tersebut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:50)

Melalui petikan yang telah diambil daripada cerita rakyat Melayu *Misteri Gajah Berkaki Enam* telah mengisahkan tentang sebuah kampung di sebuah daerah di negeri Kelantan. Hikayat menceritakan dahulunya kampung ini diganggu dengan kehadiran gajah berkaki enam yang telah mengganggu ketenteraman penduduk kampung yang dulunya hidup aman damai walaupun berbagai lapisan kaum dan agama. Kisah ini bermula apabila dua orang pemuda masuk ke dalam hutan tebal bagi mencari buluh kecil untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan hasil jualan rotan tersebut di bandar. Pada saat itulah mereka terlihat akan seekor gajah yang berkaki enam lalu memberitahu perkara ini kepada orang kampung. Tok Harun yang merupakan ketua kampung telah mengumpulkan orang kampung merancang untuk menghalau gajah itu keluar dari kampung mereka. Penduduk kampung telah bermufakat untuk membunuh gajah berkaki enam itu. Bermacam-macam senjata yang dibawa seperti lembing, senapang, parang dan keris di bawa bagi membunuh gajah yang telah membawa malapetaka kepada kampung mereka sehingga menimbulkan kekacauan di dalam masyarakat setempat. Mereka mengepung gajah yang sedang minum air dan membaling lembing tepat ke arah perut gajah itu menyebabkan gajah tersebut mengganas kesakitan dan marah dirinya diburu oleh orang kampung. Akhirnya gajah itu telah mati kerana ditembak berkali-kali oleh Jusoh dan Madun yang membawa senapang bagi mengelakkan gajah itu menyerang mereka. Namun begitu, tidak berapa lama kemudian telah berlaku kejadian yang aneh seperti orang yang datang ke kampung mereka telah mati lemas dan ada juga yang membunuh diri kerana dikatakan diganggu oleh hantu air yang dipercayai jelmaan gajah berkaki enam yang datang untuk menuntut bela atas kematiannya.

Melalui cerita rakyat Melayu *Misteri Gajah Berkaki Enam* ini telah memperlihatkan akan unsur kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu iaitu peralatan hidup. Kita dapat lihat bahawa masyarakat Melayu menggunakan peralatan hidup seperti senapang, keris, lembing dan parang di dalam

kehidupan seharian. Banyak manfaat yang datang daripadanya yang menyebabkan masyarakat Melayu terdahulu sering menggunakannya. Contohnya seperti memburu binatang untuk dijadikan makanan, melindungi diri dari haiwan buas ataupun juga menebas semak samun dengan menggunakan parang. Seperti yang kita dapat lihat di dalam kisah di atas, masyarakat Melayu menggunakan peralatan hidup ini untuk membunuh dan juga melindungi diri mereka daripada serangan gajah berkaki enam itu. Oleh itu, jelaslah disini bahawa kebudayaan masyarakat Melayu dapat dilihat dengan jelas iaitu melalui penggunaan peralatan hidup bagi meneruskan dan memudahkan urusan mereka di dalam kehidupan seharian masyarakat.

Justeru itu, melalui identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam teks, ianya adalah selari dengan Pendekatan guna yang menyatakan bahawa ciptaan sastera perlulah dilihat sebagai suatu alat yang dapat memberikan faedah, ataupun sesuatu perkara yang dapat memberikan sumbagan dan kegunaan yang terbesar di dalam kehidupan manusia baik luaran mahupun dalamannya (Hashim Awang: 2002). Di sini kita dapat lihat, masyarakat Melayu telah memanfaatkan dan menggunakan teknologi dan juga peralatan hidup sebagai alatan ataupun juga perkara yang telah diciptakan oleh mereka bagi memudahkan dan melancarkan urusan seharian mereka. Seperti teknologi yang telah digunakan oleh pihak Jepun bukan sahaja dapat memudahkan urusan mereka tetapi juga merupakan kelebihan terbesar kepada mereka. Selain itu juga, kita dapat lihat di dalam cerita rakyat, masyarakat menggunakan peralatan bagi melindungi diri daripada bahaya.

Selain itu juga unsur kebudayaan ini menerusi peralatan hidup dan teknologi ini yang terdapat di dalam teks ialah menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Pemujaan Tok Mekong* di dalam petikan di bawah.

Petikan 49

Sedang dia dan ayahnya mencari kayu, Mawar telah melihat sesuatu yang pelik di serumpun buluh. Buluh itu agak besar daripada buluh yang lain. Lantas, Mawar telah terfikir untuk membuat tabung menyimpan duit. Duit yang dikumpulkannya nanti akan memberikan kehidupan yang cerah kepada keluarga itulah yang difikirkan oleh Mawar pada ketika itu. Lalu dia mencantas batang buluh itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob: 2021:47)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan melalui teknologi dan peralatan hidup ini dapat dilihat melalui watak masyarakat yang ingin tabung simpanan dengan menggunakan buluh. Hal ini adalah kerana ingin membuat simpanan untuk mencapai kehidupan yang cerah kelak dengan simpanan tersebut. Oleh itu, watak dalam cerita rakyat iaitu Mawar telah menggunakan buluh untuk dijadikan sebagai tabung penyimpanan.

Hal ini dapat diaplikasikan dengan pendekatan firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang menyatakan akan pengamatan seseorang di dalam kehidupannya untuk membuat kebaikan baik untuk mencapai tujuan tertentu baik kepada diri mereka sendiri ataupun untuk masyarakat di sekelilingnya. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyokong pernyataan ini dengan menyatakan setiap peristiwa yang dialami oleh anggota masyarakat perlulah dilihat pada sudut yang positif bagi mencapai matlamat yang diinginkan yang mana masyarakat perlulah berusaha mencapai hal tersebut menerusi daya kreativiti yang dimiliki oleh mereka. Oleh itu, matlamat dan wawasan yang ingin dicapai amatlah penting dan memainkan peranan yang sangat besar terutamanya di dalam membina keyakinan yang teguh di dalam diri seseorang individu.

Akhir sekali, unsur kebudayaan menerusi peralatan hidup dapat dilihat menerusi cerita rakyat *Kebijaksanaan Burung Hantu* di dalam petikan teks di bawah.

Petikan 50

Bagi membunuh garuda itu, raja telah meminta semua askar dan hulubalang untuk menyerang garuda tersebut. Laksamana telah bertindak memanah burung garuda itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021;87)

Melalui petikan di atas, unsur kebudayaan menerusi peralatan hidup dapat dilihat di melalui watak anggota masyarakat yang menggunakan peralatan untuk melindungi negara mereka. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana masyarakat Melayu iaitu askar dan hulubalang telah diperintahkan oleh raja untuk menyerang burung garuda yang mengganggu keamanan negeri mereka dan laksamana telah menggunakan peralatan memanah bagi memanah burung garuda tersebut. Oleh itu, jelaslah disini anggota masyarakat dalam cerita rakyat menggunakan peralatan hidup seperti anak panah dan busur untuk memanah musuh demi menjaga kesejahteraan dan keselamatan negeri daripada ancaman musuh.

Perkara ini dapat dilihat menerusi pendekatan gunaan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang merangkumi hubungkait alam iaitu anak panah dan busur dengan kehidupan masyarakat yang mana kewujudan objek alam ini banyak memberi manfaat kepada kehidupan masyarakat yang dilihat dari sudut keselamatan. Oleh itu, masyarakat mempercayai bahawasanya objek ini dapat memberikan manfaat kepada mereka dan hal ini ditegaskan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan unsur ini telah diterapkan oleh penglipur lara untuk memperlihatkan kegunaannya yang dapat membawa kepada kebaikan kepada masyarakat yang diterapkan dalam budaya anggota masyarakat Melayu. Oleh itu, pemikiran ini telah membentuk jati diri yang utuh kepada masyarakat Melayu.

4.3 Penutup

Kesimpulannya, melalui kajian yang telah dijalankan ke atas teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) telah menyatakan dan membuktikan dengan jelas bahawasanya terdapat begitu banyak akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu yang telah dipaparkan oleh masyarakat terdahulu di dalam kehidupan seharian mereka. Identiti kebudayaan yang telah diamalkan dan dihayati oleh nenek moyang kita yang terdahulu yang telah diterapkan di dalam cerita naratif lisan ini sebenarnya bertujuan untuk memperlihatkan bahawa sebenarnya masyarakat Melayu sangat kaya dengan kepelbagaian unsur budaya baik dari segi adat tradisi mahupun kepercayaan mahupun keagamaan yang telah diamalkan di dalam kehidupan seharian yang telah digambarkan dalam cerita rakyat Melayu dan telah dianalisis dengan pengaplikasian teori yang dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989 iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang dapat menjelaskan dengan lebih mendalam akan kebudayaan masyarakat Melayu. Identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang telah ditonjolkan di dalam teks bukan sahaja dapat menonjolkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu semata-mata tetapi juga sedikit sebanyak telah menyalurkan pengajaran dan tauladan kepada masyarakat agar sentiasa mempraktikkan akan unsur-unsur kebudayaan ini di dalam kehidupan seharian agar ianya tidak akan hilang ditelan dek zaman yang semakin moden kerana masyarakat dan budaya adalah satu perkara yang mempunyai hubungkait yang erat dan ianya saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan.

RUMUSAN, CADANGAN, DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab 5 adalah satu bab yang akan menerangkan akan penjelasan dengan ringkas dan meliputi keseluruhan yang berkaitan dengan kajian yang telah pengkaji lakukan di samping sekali gus melakukan rumusan yang berkaitan dengan hasil dapatan kajian yang diperolehi pengkaji yang mana ianya bertepatan dengan tujuan kajian utama yang pengkaji telah tetapkan pada mula kajian dahulu dan seterusnya akan dapat menjelaskan akan segala pertanyaan yang telah wujud di dalam kajian iaitu identiti kebudayaan masyarakat Melayu. Selain itu juga, pengkaji turut menyatakan beberapa saranan dan juga cadangan yang dapat dirujuk dan diaplikasikan menerusi kajian baharu suatu hari nanti oleh pengkaji muda yang memilih teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh seorang penulis yang hebat iaitu Mohd Firdaus Che Yaacob yang dikeluarkan pada tahun 2021 dan dijadikan sebagai tunjang kepada kajian ataupun juga penyelidikan yang berkaitan dengan cerita rakyat naratif lisan ini. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana hasil kajian ini telah banyak memberikan sumbangan untuk mengapai tujuan dan matlamat dan juga pertanyaan untuk kajian yang berkaitan pada masa akan datang. Oleh itu, bagi memantapkan dan memartabatkan cerita rakyat ini, pengkaji telah menyuarakan akan pendapat dan juga cadangan yang sewajarnya telah diselitkan di dalam bahagian ini agar ianya selari dan sejajar dengan objektif utama kajian ini dihasilkan oleh pengkaji.

5.2 Rumusan

Melalui kajian yang telah dibincangkan oleh pengkaji di dalam kajian ini yang dilakukan dengan secara mengkaji, menjelas, menghuraikan dan juga penganalisan maklumat juga telah dilakukan. Maka di dalam bahagian rumusan ini, pengkaji telah merumuskan akan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi. Kesemua penjelasan yang dijelaskan di dalam bab ini telah berpaksikan kepada analisis yang telah dijalankan ke atas objektif kajian dengan lebih mendalam pada bahagian bab empat di atas yang dihadkan oleh pengkaji sebagai tunjang yang akan ditelitikan.

Berpandukan dengan analisis yang telah dijalankan keatas objektif kajian yang pertama ialah mengenal pasti identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, pengkaji telah memperolehi maklumat yang melalui kaedah kepustakaan iaitu dengan merujuk kepada sumber yang telah dicetak contohnya seperti buku rujukan, jurnal, tesis dan juga sumber daripada akhbar. Selain itu juga, Kamus Dewan juga telah dirujuk oleh pengkaji sebagai panduan kepada mereka untuk memperolehi segala maksud atau pentakrifan sesuatu ayat yang berkaitan dengan pernyataan ungkapan yang tidak nyata maksudnya. Kaedah kepustakaan telah digunapakaikan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah kerana bagi mendapatkan seberapa banyak mungkin maklumat yang berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu ini yang sarat dengan gambaran tradisi adat resam yang dimalkan oleh masyarakat dahulu yang dipenuhi dengan moral yang dapat dijadikan ikutan dan contoh tauladan kepada masyarakat pada hari ini. Perkara yang sedemikian secara tidak langsung telah menyatakan bahawasanya cerita rakyat ini sangat kaya dengan berbagai-bagai unsur budaya yang dapat membawa dan membentuk satu keperibadian yang utuh dan juga membangunkan masyarakat yang bertamadun dan seterusnya dapat melahirkan sebuah negara yang hidup aman dan harmoni.

Pemilihan teks yang telah dihasilkan oleh seorang penulis yang sangat hebat iaitu Mohd Firdaus Che Yaacob di dalam bukunya yang bertajuk *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang telah dikeluarkan dan dicetak pada tahun 2021 adalah merupakan satu keputusan yang sangat tepat. Perkara ini dinyatakan sedemikian adalah kerana buku teks yang telah dirujuk pengkaji ini sangat kaya dan padat dengan unsur kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu yang telah menjadi tunjang dalam melahirkan identiti kebudayaan masyarakat Melayu contohnya iaitu dengan menerusi seperti alam sebagai sumber hidup, sistem ekonomi, sistem pengetahuan, sistem kemasyarakatan, kepercayaan atau ritual, kematian, sistem kerabatan, perkahwinan, sistem bahasa, dan juga peralatan hidup dan teknologi. Kesemua identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang telah dikenalpasti ini mempunyai kepentingan dan fungsinya yang tersendiri yang bukan sahaja dapat dijadikan sebagai bahan bacaan semata-mata tetapi masyarakat juga dapat menyemai dan mempraktikkan kebudayaan ini di dalam kehidupan seharian mereka di samping diperturunkan kepada generasi ke satu generasi yang baru agar warisan ini tidak hilang ditelan dek zaman yang semakin ditelan oleh arus kemodenan baik dari segi pembangunan, teknologi dan juga kebudayaannya.

Naratif lisan atau lebih dikenali dengan cerita rakyat Melayu ini adalah merupakan suatu karya yang terhasil menerusi lisan dan pengucapan atau penceritaan oleh masyarakat terdahulu dan telah disebarkan dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang baru bukan sahaja di dalam bentuk lisan tetapi juga di dalam bentuk penulisan. Cerita rakyat juga dapat dilihat sebagai satu alat yang diucapkan dalam bentuk penceritaan yang telah diujarkan oleh pencerita kepada masyarakat Melayu. Pengkaji telah memilih cerita rakyat di dalam kajian pada kali ini dan bahan kajian utama yang telah menjadi rujukan pengkaji adalah *teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini adalah kerana teks ini telah mengandungi dan sarat dengan cerita-cerita rakyat yang mana ianya

tidak diketahui asal usul dan sejauh manakah akan kebenaran yang terdapat di dalamnya yang telah diturunkan oleh nenek moyang kita yang terdahulu dari satu generasi lain kepada satu generasi yang baru yang mana diakhirnya cerita rakyat ini telah menjadi satu pemilikan bersama masyarakat Melayu.

Identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang telah menunjukkan dan menggambarkan akan kelompok masyarakat yang pelbagai seperti daripada golongan bangsawan, golongan miskin, para petani atau nelayan kerana penempatan masyarakat pada zaman dahulu adalah sangat kecil dan kebanyakannya adalah di deretan penempatan di persisiran pantai. Kewujudan cerita rakyat Melayu ini bukan sahaja sebagai penghibur kepada masyarakat di waktu lapang dan di kala dihambat oleh perasaan sedih, tetapi ianya juga telah diselitkan akan unsur kebudayaan masyarakat Melayu terdahulu yang mana kebudayaan yang dipraktikkan di dalam kehidupan masyarakat Melayu yang telah ditunjukkan dan dinyatakan yang terkandung dalam naratif lisan dapat diambil sebagai teladan dan tauladan kepada seluruh anggota manusia.

Selain itu juga, pemilihan teks ini juga sangatlah berkait dengan objektif kajian yang hendak dicapai oleh pengkaji. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana ianya telah mengandungi cerita rakyat Melayu yang telah terbahagi kepada empat bahagian yang telah berjaya mengerakkan hati pengkaji kepada pemilihan teks ini iaitu seperti cerita rakyat asal usul, cerita misteri, cerita tokoh dan akhir sekali cerita binatang yang terdapat dalam karya teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Naratif lisan yang terdapat di dalam penulisan beliau, bukan sahaja sebagai alat untuk berhibur, tetapi ianya juga sebenarnya adalah menjadi satu pengantaraan dalam memberi pengajaran, mengkritik masyarakat dan memaparkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang berlatarkan kepada zaman dahulu kala.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2020) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* telah menyatakan dalam kajian mereka bahawasanya cerita rakyat ini adalah merupakan satu bentuk pendidikan yang awal yang perlu diterapkan di dalam diri seseorang individu itu yang perlu dimulakan seawal dari peringkat kanak-kanak bagi mendalami dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan di samping mengetahui dan mendalami akan struktur dan gaya kehidupan masyarakat. Perkara ini juga dikatakan sedemikian adalah kerana naratif lisan ialah satu perkara atau kejadian yang telah berlaku di dalam persekitaran masyarakat, yang mana sama ada ianya betul-betul wujud ataupun tidak. Namun begitu, kehebatan yang terdapat dalam cerita rakyat dan cara ianya disampaikan dan dipersembahkan memberi pengaruh yang sangat besar kerana ianya dapat memberi kesan yang amat mendalam kepada pendengar dan juga pembaca.

Selain itu, dengan merujuk kepada dapatan kajian yang telah dianalisis dan diperolehi oleh pengkaji yang berpandukan kepada objektif kajian yang kedua iaitu menganalisis identiti kebudayaan masyarakat Melayu dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Pada masa kini, kita dapat melihat dengan jelas akan kebudayaan masyarakat Melayu kini yang terlalu mengikuti akan arus permodenan sehinggakan ada yang sanggup mengabaikan akan kebudayaan masyarakat Melayu ini sendiri yang semakin hari dilihat semakin parah terutamanya di dalam golongan masyarakat muda. Dengan melihat masyarakat Melayu kini yang tidak lagi menekankan dan mempertahankan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam kehidupan seharian mereka telah memperlihatkan akan jurang yang dapat menggoyahkan identiti dan warisan kebudayaan yang telah dipertahankan oleh nenek moyang kita yang terdahulu untuk diwarisi oleh generasi kini. Masyarakat sepatutnya sedar betapa pentingnya identiti kebudayaan masyarakat Melayu kepada kehidupan

anggota masyarakat kerana ianya bukan sahaja melambangkan identiti kebudayaan masyarakat tetapi ianya juga adalah merupakan satu perkara yang dapat menjadi tunjang kepada keharmonian dan kedamaian sesuatu masyarakat dan negara tersebut.

Teks yang telah dijadikan sebagai rujukan utama oleh pengkaji ini melalui sebuah buku teks oleh penulis muda yang tidak asing lagi namanya menerusi buku miliknya iaitu *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, yang telah diterbitkan oleh syarikat pencetakan UMK PRESS (2021) bukan sahaja telah memperlihatkan akan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu yang terkandung di dalam naratif lisan yang telah mengandungi teks cerita rakyat yang telah dicetak sebanyak 100 halaman ini telah memberikan satu impak yang mendalam kepada kebudayaan masyarakat Melayu baik pada zaman dahulu kala ataupun pada masa kini. Setelah dianalisis dan dikaji oleh pengkaji satu persatu teks cerita rakyat yang telah dimasukkan dan dibukukan akan sebuah penulisan yang berasal daripada lisan telah memberikan impak yang besar dalam penerapan kebudayaan dalam menjalani kehidupan bermasyarakat dan sekali gus memperlihatkan dan membentuk masyarakat yang berkeperibadian mulia tanpa mengira akan latar belakang, darjat, kekuasaan, kelebihan mahupun juga kekayaan harta benda yang dimiliki.

Keberkesanan akan penerapan unsur kebudayaan masyarakat Melayu di dalam kehidupan masyarakat bukan sahaja dapat membentuk sebuah kemasyarakatan yang hidup aman dan damai, tetapi juga dapat membentuk kebudayaan masyarakat yang mantap di dalam kehidupan anggota masyarakat yang akan melahirkan sifat cintakan kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat, memiliki keperibadian mulia dan juga bertimbang rasa terhadap masyarakat yang lain. Sesungguhnya perkara ini dapat dirujuk kepada prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan yang membawa kepada keharmonian dalam perhubungan yang telah mengalir dalam

hidup anggota masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan juga agama. Hal ini juga sejajar dengan apa yang telah dituntut oleh agama Islam yang amat menitikberatkan akan adab, adat, akhlak, budi bahasa dan etika yang terbaik kepada masyarakat lain. Ajaran Islam dalam pembentukan akan kebudayaan masyarakat adalah berdasarkan kepada perlakuan, sikap dan keperibadian seseorang anggota masyarakat yang menjadikan agama dan adat resam sebagai satu jalan lurus yang perlu diikuti. Dan secara tidak langsung telah memporong kepada pembentukan kebudayaan masyarakat yang teguh dan utuh.

Identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu telah menunjukkan akan pengamalan cara hidup dan juga kepelbagaian adat resam dalam kehidupan masyarakat. Tradisi dijunjung tinggi adalah kerana masyarakat Melayu adalah merupakan suatu bangsa, kaum dan juga kelompok masyarakat yang mengamalkan akan unsur kebudayaan dalam kehidupan seharian mereka sehingga menimbulkan akan keindahan budaya masyarakat Melayu yang tersendiri yang berbeza dengan masyarakat lain.

Kesimpulannya, identiti kebudayaan yang dipaparkan di dalam naratif lisan bukan sahaja melambangkan akan warisan kebudayaan mereka dan membentuk masyarakat yang hebat tetapi juga dapat memberikan kesan yang mendalam terhadap sesuatu masyarakat itu sendiri kerana mengamalkan dan menerapkan akan kebudayaan dalam hidup seharian mereka. Melalui penerapan akan unsur kebudayaan ini di dalam diri setiap masyarakat dalam kehidupan mereka seharian bukan sahaja dapat menjalinkan silaturrahim yang erat antara salah satu sama lain, tetapi juga dapat melahirkan masyarakat yang tinggi adat dan perpaduan antara masyarakat tanpa mengira kaum dan bangsa dapat dieratkan dengan lebih dalam lagi. Contoh yang jelas kita dapat lihat di dalam negara kita ini ialah, masyarakat diberikan kebebasan dan hak untuk mengamalkan agama masing-masing. Namun

begitu, mereka perlulah menghormati adat tradisi dan agama masyarakat lain agar tidak menimbulkan sebarang isu perselisihan yang mampu memecahbelah kaum masyarakat. Oleh itu jelaslah disini bahawasanya dengan mengamalkan akan kebudayaan dalam kehidupan masyarakat seperti yang ditunjukkan di dalam cerita rakyat Melayu dapat menjamin akan kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat dan juga keamanan negara Malaysia kerana masyarakatnya dapat saling hormat-menghormati di samping mengekalkan tradisi masing-masing.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.3 Cadangan

Berdasarkan akan maklumat yang telah dikaji, dianalisis dan dirumuskan oleh pengkaji di atas, sekarang di dalam bahagian cadangan pula, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang dapat dikaitkan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu *Identiti Kebudayaan Masyarakat Melayu Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Beberapa cadangan yang diberikan oleh pengkaji yang dirasakan amatlah sesuai dan sepadan dengan tajuk kajian yang telah dianalisis oleh pengkaji dan juga dapatan kajian dalam bab-bab sebelumnya yang mana dirasakan dapat mempengaruhi akan fikiran masyarakat terutamanya golongan muda dalam memartabatkan dan memelihara identiti kebudayaan masyarakat Melayu yang diterapkan di dalam naratif lisan. Disini pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang dirasakan bertepatan dan bersepadanan menurut pengkaji.

Antaranya yang pertama adalah menerapkan nilai cintakan budaya kita di dalam diri sendiri. Nilai adalah merupakan salah satu perkara yang sangat penting dan menjadi ukuran dan keperluan dalam membentuk diri kita sendiri agar ianya menjadi lebih utuh dan teguh terutamanya dalam membentuk dan menentukan akan perbuatan, kelakuan, perilaku, tingkah laku ataupun pegangan dan juga amalan dalam menjalani kehidupan seharian untuk seseorang masyarakat Melayu. Dan langkah yang dapat dilakukan oleh seseorang individu itu ialah melalui ilmu pengetahuan baik dari segi pendidikan tidak formal ataupun juga pendidikan formal yang sempurna amat penting dipelajari dan difahami dengan sebaik mungkin kerana ianya secara tidak langsung akan dapat membentuk keperibadian seseorang. Seseorang individu yang menuntut ilmu pengetahuan yang meluas, sudah jelas memiliki akan semangat kewibawaan dalam diri yang dapat menilai akan pentingnya pengamalan budaya masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian.

Selain itu juga, melalui dengan pengamalan dan penerapan identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam kehidupan seseorang individu akan menyebabkan seorang individu itu akan dihormati dan disegani dan akan dijadikan sebagai contoh tauladan oleh masyarakat lain. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana melalui pengalaman hidup seseorang individu yang telah terjadi akan menyebabkan seseorang individu tersebut dapat berfikir dengan lebih bijak, matang dan rasional dalam hidup mereka setelah menempuhi segala susah dan keperitan hidup yang dipenuhi dengan liku-liku yang dipenuhi dengan onak duri dalam meneruskan kehidupan baik yang berasal daripada latar belakang yang berada ataupun yang miskin dan susah. Masing-masing perlu menjalani hidup dengan kuat dan dengan menerapkan akan kebudayaan masyarakat Melayu dalam diri mereka, mereka dapat jalani hidup dengan lebih kuat dan tabah dan akan dipandang mulia dan penuh kehormatan oleh masyarakat.

Cadangan pengkaji yang kedua ialah melalui penerapan akan pengamalan kebudayaan masyarakat Melayu dimulakan dengan faktor keluarga dan latar belakang. Tidak kisah seseorang individu itu berasal daripada keluarga yang kaya raya ataupun yang susah, keluarga terutamanya ibu bapa perlulah menerapkan akan sikap dan moral yang hebat dalam diri anak-anak mereka kerana ini akan memberikan implikasi yang amat besar kepada mereka dari segi disiplin, adab, kehormatan dan juga yang paling penting budaya masyarakat yang dipertahankan dan diperturunkan dari generasi terdahulu kepada generasi kini. Ibu bapa perlulah menonjolkan dan menunjukkan kepada anak-anak sikap yang berdisiplin dan terhormat kerana mereka adalah merupakan akar tunjang yang akan membentuk anak-anak mereka kerana sifat nyata seorang anak ialah mereka akan melihat dan mengikut akan semua perilaku yang dilakukan dan ditunjukkan oleh ibu bapa mereka. Oleh itu, dengan memupuk sikap yang terbaik dalam diri ibu bapa sekali gus dapat melahirkan anak-anak yang mempunyai sikap yang bertanggungjawab yang akan meneruskan kebudayaan

masyarakat Melayu yang berwibawa dan seterusnya akan diperturunkan kepada generasi yang seterusnya.

Namun begitu, pergaulan antara rakan-rakan sebaya juga perlulah dititikberatkan. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, disebabkan oleh pergaulan dan pengaruh daripada rakan sebaya, begitu ramai anak-anak yang telah terpengaruh dan terikut-ikut akan rakan sebaya mereka yang sering dan gemar mengamalkan dan mempraktikkan budaya barat dalam kehidupan seharian mereka. Ini akan memberikan kesan yang amat mendalam dalam diri anak-anak kita jika tidak dibendung dari awal. Oleh itu, amat penting kepada ibu bapa untuk memantau dan mengenal dengan siapa anak-anak kita bergaul agar anak-anak kita tidak mendapatkan pengaruh yang negatif daripada kawan-kawan mereka yang akhirnya boleh membawa keburukan kepada diri sendiri dan akhirnya merosakkan adab dan budaya anak-anak kita.

Seterusnya, cadangan saya adalah pengamalan dan penerapan akan kebudayaan ini dapat diperlihatkan dan dipertunjukkan melalui masyarakat. Kerjasama di dalam kalangan masyarakat adalah salah satu perkara yang sangat penting dan tidak boleh dipandang remah apabila berkait dengan isu kebudayaan masyarakat Melayu ini. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana masyarakat merupakan pemangkin dan penyumbang yang terbesar kepada pembangunan modal insan yang akan mempraktikkan akan unsur-unsur kebudayaan masyarakat Melayu di dalam kehidupan seharian. Amalan dan perlakuan yang ditonjolkan oleh masyarakat akan dapat memberikan impak yang besar dan mempengaruhi akan kebudayaan masyarakat dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera kerana masyarakatnya hidup bersatu padu dan seterusnya dapat menjamin akan keselamatan dan kesejahteraan negara terutamanya negara kita yang berbilang bangsa dan kaum ini.

Contoh yang dapat kita lihat di dalam kebudayaan masyarakat Melayu yang terdapat di dalam teks ialah melalui majlis pernikahan, majlis gotong-royong dan aktiviti tarian atau lain-lain lagi yang dapat dilakukan bersama-sama oleh semua masyarakat. Dengan mengadakan aktiviti seperti ini, ianya akan dapat memberikan kesan penghayatan kepada masyarakat bahawasanya amat penting kepada masyarakat untuk mengekalkan kebudayaan masyarakat Melayu ini kerana dengan mengamalkan dan menerapkan unsur-unsur budaya dalam kehidupan masyarakat, mereka bukan sahaja dapat menjalinkan dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama mereka tetapi juga akan melahirkan sebuah negara yang harmoni kerana masyarakatnya yang hidup bersatu padu tanpa berpecah belah.

Seterusnya, pemupukan dan penerapan unsur-unsur budaya masyarakat Melayu juga dapat dilakukan melalui media massa. Hal ini adalah kerana pada zaman kini yang kita dapat lihat dengan jelas ianya semakin lama semakin maju dan moden ini dari segala aspek pembangunan dan teknologinya, media massa adalah merupakan salah satu cara yang dapat menyumbang dan memainkan peranan yang sangat besar. Media massa berperanan dalam menyebarkan akan pendedahan dan juga maklumat kepada masyarakat kita berkaitan dengan unsur-unsur kebudayaan masyarakat Melayu yang sering dipertengahan di dalam kehidupan seharian masyarakat terdahulu yang sangat kaya dengan kepelbagaian adat resam dan juga kepercayaan tradisi mereka.

Melalui media massa ini, penyebaran dan pendedahan maklumat yang berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu ini dapat dilakukan dengan mudah dan menjimatkan masa. Hal ini kerana masyarakat kini sentiasa memperolehi segala maklumat hanya dengan melalui hujung jari sahaja. Sebagai contoh yang dapat kita kaitkan dengan perkara ini ialah kerajaan ataupun badan-badan yang berkaitan boleh menggunakan media massa seperti *Instagram*, *Twitter* ataupun *Facebok* dan

menyampaikan maklumat melalui platform media tersebut dengan mengadakan kempen yang berkaitan dengan gambaran kehidupan masyarakat yang mempraktikkan akan kebudayaan masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian dan memperlihatkan akan kelebihan yang akan diperoleh jika warisan budaya tidak ketara ini terus dipelihara. Akhirnya, kita boleh memberikan pendedahan dan juga kesedaran akan pentingnya kebudayaan masyarakat Melayu ini kepada kita dan juga negara dengan melalui penggunaan platform media massa ini.

Secara kesimpulannya, cadangan-cadangan yang telah dijelaskan di atas yang berkaitan dengan pengkajian yang telah dijalankan ke atas teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini jelas menunjukkan wujudnya kaitan antara teks dan juga cadangan yang telah diutarakan. Keupayaan penulis yang telah berjaya menyalurkan makna yang tersurat dan tersirat melalui naratif lisan Melayu yang telah dipilih adalah merupakan sesuatu perkara patut disanjung kerana bukan semua dapat memikirkan dan menggambarkan perkara ini dengan jelas sekali. Dan disebabkan perkara tersebut jugalah, pengkaji dapat menjadikan teks ini sebagai satu tunjang di dalam membangkitkan cadangan yang sangatlah boleh digunapakai kerana ianya merupakan satu perkara yang sangat berkaitan. Jelaslah di sini bahawasanya teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sangatlah bermanfaat dan dalam waktu yang sama mampu memaparkan dan sarat dengan unsur kebudayaan yang telah mencerminkan dan membentuk identiti kebudayaan masyarakat Melayu di dalam cerita rakyat Melayu ini.

5.4 Penutup

Melalui pengkajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji ini, kita dapat lihat dengan jelas bahawasanya terdapat dengan jelas akan penerapan akan unsur kebudayaan masyarakat Melayu di dalam kehidupan seharian masyarakat yang mana ianya adalah suatu perkara yang sangat penting untuk dititikberatkan. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana bagi mengelakkan masyarakat daripada lupa akan adat dan budaya yang telah diperturunkan oleh masyarakat Melayu yang terdahulu dari satu generasi ke satu generasi yang baru agar ianya tidak luput ditelan dek zaman yang semakin lama semakin moden ini terutamanya dalam mengatasi cabaran untuk memelihara kebudayaan masyarakat Melayu agar kekal seperti sedia kala dan tidak mengandungi unsur-unsur budaya barat yang tidak elok untuk diamalkan di dalam kehidupan seharian kita. Oleh itu, amat penting bagi masyarakat terutamanya masyarakat Melayu dalam memupuk, menyemai dan mengamalkan akan kebudayaan ini di dalam diri dan kehidupan seharian masyarakat.

Kesimpulannya, seperti yang telah kita ketahui, masyarakat Melayu sejujurnya sangat kaya dengan unsur-unsur kebudayaan yang telah dipraktikkan di dalam kehidupan seharian. Walaupun begitu, amatlah menyedihkan kerana pada masa kini begitu ramai masyarakat Melayu terutamanya golongan muda yang meremehkan akan pentingnya untuk mengamalkan kebudayaan masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini terjadi kerana mereka menganggap bahawa dengan mengamalkan gaya hidup dan budaya masyarakat Melayu adalah ketinggalan zaman dan tidak mengikut trend pada yang wujud angkara pengaruh budaya masyarakat barat yang semakin lama semakin berleluasa tanpa dapat dibendung lagi. Perkara ini akan dapat memberikan impak yang buruk kepada masyarakat Melayu jika budaya dan warisan yang dipertahankan oleh masyarakat Melayu terdahulu diremehkan oleh bangsa kita sendiri. Lihatlah pada masa kini, apa yang telah terjadi kepada bangsa kita semua disebabkan oleh sikap kita sendiri yang mudah terpengaruh oleh budaya barat.

Oleh itu, sudah terang lagi bersuluh, akan pentingnya dalam memelihara dan mengamalkan kebudayaan masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian kita semua baik golongan muda mahupun golongan tua kerana dengan mengamalkan akan kebudayaan masyarakat Melayu ini bukan sahaja dapat menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat tetapi juga dapat membentuk akan nilai-nilai murni yang teguh dalam diri masyarakat Melayu seperti yang telah digambarkan di dalam cerita rakyat Melayu akan gambaran masyarakat Melayu yang terdahulu yang hidup harmoni kerana mempraktikkan unsur-unsur kebudayaan ini di dalam kehidupan seharian mereka.

Bibliografi

- A. Aziz Deraman. (1975). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan.
- A. Rahman Zainuddin. (2002). "Ilmu Sejarah, Sosial dan Politik" dalam Taufik Abdullah (eds.), *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam, Pemikiran dan Peradaban*, IV Jakarta. Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Abd. Muin Salim. (2002). *Konsepsi Kekuasaan Politik dalam al-Quran*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Abdul Rahman Embong. (1999). Identiti dan Pembentukan Identiti. *Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*. 5(5), 3-15.
- Abdul Hamid Mahmood. (1990). "Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas." *Jurnal Dewan Bahasa*. 13(2), 32-43.
- Adidah Abd Gani. (2018). Peranan Srikandi Melayu: Satu Penelitian Terhadap Watak-Watak Terpilih dalam Cerita Rakyat Melayu di Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Adventi Feravati Sembiring. (2018). Kedudukan Perempuan Dalam Hukum Waris Adat pada Sistem Keperibatan Patrilineal di Lau Pakam, Kecamatan Mardinding, Kabupaten Karo, Provinsi Sumatera Utara. *Jurnal Ilmiah Hukum dan Dinamika Masyarakat*, 15(2). 102-109.
- Ahmad Sahlah Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Rasit. (2015). Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. *Al-Hikmah Journal Of Islamic Dakwah*. 7(1), 132-148.
- Ahmad Yani. (2021). Peace According To Qur'an. *Jurnal STIU Darul Hikmah*. 7(1), 13-22.
- Al-Ghazali. (1990). *Terjemahan Ihya' Ulumuddin Jilid III*. Semarang: Asy-Syifa'.
- Aminuddin. (1995). *Stilistika: Pengantar Memahami Bahasa dalam Karya Sastra*. Semarang: IKIP Semarang Press.
- Arbak, Othman & Karim Safiah. (2013). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Oxford Fajar
- Aripin Said. (1996). *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203–211.
- Atikah Mohd Noor, Shahril Nizam Sha'ri, & Rohaidah Kamaruddin. (2018). Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 92-102.

- Ayu Nor Azilah Mohamad. (2016). Kepercayaan Kepada Tuhan: Satu Sorotan Dalam Kepelbagaian Agama di Malaysia. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 22-23 November.
- Badrul Azmi Abdul Holed, Norshah Afizi Shuaib, Muhamad Farizuan Rosli & Mohd Effendi Muhammad Saundi. (2014). *Sejarah dan Apresiasi Seni Lukis dan Senireka*. Universiti Malaysia Perlis. Perlis.
- Charles Joseph Singer & Richard Raper. (1954). *A History of Technology*, Clarendon. Oxford Fajar Press, 84.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu Manifestation of The Malay Society's Livelihood In Bedar Sukma Bisu. *Jurnal Melayu*. 17(2) 328-342.
- Chris. (2004). *Identity and Culture*. England: Open University Press. Manuel Castells. 1997. The Power of Identity. Massachusetts: Blackwell Publishers.
- Christian Cahyaputra Siat & Agus Arianto Tolly. (2013). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepatuhan Wajib Pajak Dalam Memenuhi Kewajiban Membayar Pajak Di Surabaya. *Tax & Accounting Review Journal*. 1(1), 42-48.
- Daldjoeni. (2013). *Geografi Kota dan Desa untuk Mahasiswa dan Guru SMU*. Alumni Bandung. Yogyakarta: Ombak.
- Deliarnov. (2003). *Perkembangan Pemikiran Ekonomi Jakarta*. Raja Grafindo Persada.
- Edward Burnett Tylor. The Origin Of Culture dalam Achmad Sobirin. (2007). *Budaya Organisasi, Pengertian, Makna dan Aplikasinya dalam Kehidupan Organisasi*. Yogyakarta. UPP STIM YKPN.
- Eiffa Yuhani Roslan. (2022). *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989)*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Faez Huzaini Ramleh & Humin Jusilin. (2018). Unsur Spiritual dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 2*, 256-273.
- Fatimah Md Yassin. (1991). Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan. Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. *Dialog Kesusasteraan* (Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin & Zahir Ahmad, Ed.). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Farra Humairah Mohd. (2018). *Pemikiran Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 Hingga 2015*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Fifi Anak Rinyuk. (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu). Fakulti Bahasa Dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

- Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *PENDETA*, 8, 36-46.
- Francis Lee Utley. (1965). *Folk Literature: An Operation Definition*. In. *The Study of Folklore* (Dundes, A., Ed.). New Jersey: Prentice-Hall
- Hadijah Johari, Norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melayu Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(4), 1-11.
- Halliday, M.A.K. (1994). *Introduction to Functional Grammar*, 2nd Ed. London: Edward Arnold.
- Harun Mat Piah et al. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim Awang & Hashim Ismail. (2021). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 23, 1-20.
- Hashim Awang. (1989). *Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Sastera, Mei.
- Hashim Awang. (1993). Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. *Dewan Sastera*, Januari: 52-56.
- Hashim Awang. (1995). *Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian. Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1999). Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu. Kertas Kerja dalam Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6-8 Disember 1999.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi Pendekatan Dakwah. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil 12. Jun/June 2009, 19-37.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsipnya* dibentangkan dalam Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, dari 28-29 Jun.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali@Zalay. (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetak. *Idealogi Journal*. 5(1), 43-56.
- Husni Thamrin. (2018). *Antropologi Melayu (1st ed.)*. Yogyakarta: Kalimedia.
- Ibrahm Komoo. (2000). *Conservation Geology: A Multidisciplinary Approach in Utilization of Earth Resource Without Destruction. Dalam Geological Heritage of Malaysia-Resource Development for Conservation and Nature Tourism*. Bangi: Lestari UKM.
- Jack Richards, John Platt, & Heidi Weber. (1985). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Harlow: Longman.

- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimarangang Di Sabah: Heroism Values In Selected Tangon Of The Kimarangang Community In Sabah. *MANU Jurnal Pusat Perantaraan Ilmu Dan Bahasa (PPIBO)* 32(1), 175.
- Jelani Harun. (2010). *Perbandingan Adat-Istiadat Kesultanan Melayu-Jepun Berdasarkan Naskah Klasik*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johari Yahaya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*.
- Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roger. M. Keesing. (1992). *Pengantar Sosiologi*. Jakarta: PT Gramedia.
- Koentjaraningrat. (1999). *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*, Djambatan.
- Koentjaraningrat. (2013). *Pengantar Ilmu Antropologi*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)* 51-65. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M Junus Melalatoa. (2014). Kesenian Indonesia. *Antropologi Indonesia*.
- Malinowski sebagaimana dikutip William M. Evan dalam Achmad Sobirin. (2007). *Budaya Organisasi, Pengertian, Makna, dan aplikasinya dalam Kehidupan Organisasi*. Yogyakarta. UPP STIM YKPN.
- Maizatul Akma S. (2022). *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*, Universiti Malaysia Kelantan.
- Marzudi Md Yunus. (2019). *Konsep Sosiologi Kenegaraan: Siri Ilmiah APM-ITBM*. Malaysian Institute of Translation & Books.
- Masthene Emmanuel G. (1970). *Technological Change: Its Impact On Man and Society*, Publ. Havard Univ. Press.
- Mastura Othman. (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin. (2016). Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 4(1), 25-40.
- Mega Herdina. (2013). Konsep Komaruddin Hidayat Tentang Terapi Ketakutan Terhadap Kematian. *Jurnal Studia Insania*, 1(2), 117-129.
- Minah Sintian & Tanjong Malim. (2019). Nilai-nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun. Dalam Kesusasteraan & Kebudayaan Borneo. *Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris*, 25-42.

- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan: Hikayat Awang Sulung Merah Muda from The Perspective of the Management Approach. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*. 26(1), 95–116.
- Mohd Fadli Ghani. (2018). *Konsep Alam Melayu Dari Sudut Sejarah*. MyNewsHub. 23 Julai 2018.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Satu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistic (Ijjeal)*. 3, 91-100.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 6(2), 121-143.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Sosial Development*, 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. & Nasirin Abdilah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal Of Business and Social Development*. 5(2). 67-74.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*. 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 21–35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistic (Ijjeal)*. 6, 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, 1-36.
- Mohd Firdaus Che Yacob & Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 5(2), 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Doctoral thesis Universiti Malaysia Kelantan.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Cerita-Cerita Lisan Melayu*. UMK Press.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Penerbit Umk.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Penerbit Umk.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriati Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin A. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1).
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*. 6(1), 91–98.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5(4), 26–30
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Malaysia Journal Of Society And Space*. 17(2), 355-365.
- Muh. Amin Arqi. (2018). Kematian menurut Islam wetu telu ditinjau dari perspektif psikologi Islam. *Jurnal Psikologi Islam*. 5(1), 37-44.
- Muhammad Izani Ab. Ghani. (2018). *Nilai-Nilai Budi Dalam Cerita Rakyat di Daerah Jeli, Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Izzat Farhan Mohd Asri. (2021), *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12(1) 11-25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20(1), 79-92.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *Internatinal Journal Of Language Education And Applied Linguistic (Iijeal)*. 10(2), 48-56.

- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin. (2021). Bertajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater*. *Advances In Humanities And Contemporary Studies*. 2(2), 34-41.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*. 1(1), 296–329.
- Muhammad Syauqi M. Z. (2022). *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Issues In Language Studies*, 10(1), 110-132.
- Mulyadi, (2005). *Ekonomi Kelautan*. PT Raja Grafindo Persada. Jakarta
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda: Child Education through Surah Luqman in Ayahanda Novel. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. 30, 103–129.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2020). Application Of Theory Of Malay Methology In Light Of The Rural Though An Art Approach. *International Journal On Studies In English Language And Literature (ijsell)*. 8(5), 19-25.
- Nadia Ishak, Kamariah Kamarudin, Halis Azhan Mohd Hanafiah & Haliza Abdul Rahman. (2021). Literature Role In The Daily Malay Community In The Novel “Seorang Tua Di Kaki Gunung From The Perspective Theory Of Pengkaedahan Melayu”. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*. 11(15), 1-14.
- Nadia Ishak, Kamariah Kamarudin. (2019). *The Proselytization Aspect In The Novel Suriati Based On The Proselytization Approach Of The Malays Methodology Theory*. *Malay Literature*. 32(1), 116-144.
- Naquiah Nahar & Jimaain Safar. (2017). Penguasaan Pengetahuan Kandungan (Content Knowledge): Pemangin Keterampilan Pedagogi Jawi Berkesan Abad Ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 2289-7356.
- Nik Nurul Azreen Nik Mohamad Sharifuddin & Salmah Jan Noor Muhammad. (2019). *Cultural Values Of The Malay Community Through “Hikayat Misa Melayu”* *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*. 9(11), 1172-1179.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 37-43.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2016). Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan. *Persidangan Antarabangsa Sains & Kemanusiaan*. 3, 2-15.

- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Jamal & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*. 9(1), 18-29.
- Noraini Abd. Shukor. (2016). *Padi dan air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu: Pendekatan firasat* / Noraini Abd. Shukor. Doctoral dissertation. University of Malaya.
- Nordin, Nor Muhammad Shahir. (2022). *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Norzatul Iqma M. N. (2022). *Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengapikasian Teori Pengkaedahan Melayu*, Universiti Malaysia Kelantan (Umk).
- Norlizawati Md. Nor, Jelani Harun & Mohamad Luthfi A. Rahman. (2017). Shamsu'l Bahrain Sebagai Wira Legenda di Beruas, Perak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 5(1), 193-212.
- Normadiyah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin. (2017). Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah. *Kemanusiaan the Asian Journal of Humanities*. 24(2), 59-88.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animal Fable 'Bird Of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*, October, 10(19): 17-23.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor. (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 14(1), 12-21.
- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2019). Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani: Islamic Thought In The Context of Socio-Economics In The Short Story of Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 167-187.
- Nor Hasimah Ismail, Mardzelah Makhsin, Fauziah Md Jaafar & Mohammad Syawal Narawi. (2019). *Nilai murni dalam karya animasi*. 101-105.
- Nor Muhammad Shahir Nordin. (2022). *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Nur Anis Izzatti Noridzulhata. (2022). *Nilai Budi Dalam Cerita Asal Usul Melalui Teks Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nur Emy Amirah Zawawi. (2022). *Analisis Nilai dan Pengajaran Dalam Buku 'Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka' Karya 'Azimin Daud*, Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nur Erieyana Hassan. (2022). *Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah: Satu Kajian Naratif Lisan*, Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

- Nur Ezatul Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*. 3(2), 147–160.
- Nur Safiah, Mohamad Zakir. (2020). *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengalokasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 9(1), 93–106.
- Nur Shahirah Othman. (2020). *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat: Satu Pengplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Master Sastera, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris. (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19(2).
- Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(2), 1–15.
- Nurul Safiah Ab. Rahim. (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Master Sastera, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejan F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59.
- Omar Yusof. (2005). Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Isu-Isu budaya dalam Konteks Pembentukan Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Latihan Ilmiah: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*.
- Pg Haji Yakup Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). Sajak-Sajak Baharuddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 29(1), 156-180.
- Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik. (2022). *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (Umk).
- Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei. (2018). Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-15.
- Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail. (2000). *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. (2020). Perspektif “Melayu Malas” dan “Melayu Bodoh” oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(3), 71–82.
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven. (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Journal of Business and Social Development*, 24(1), 23-49.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Musatafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12(2), 291-319.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Samsudin A. Rahim. (2001). Media Dan Identiti Budaya: Membangunkan Industri Kandungan Tempatan Yang Berdaya Tahan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication* 17, 67-80.
- Sahlan Mohd Saman. (1999). *Tokoh dan Kecenderungan Kritikan Sastera Mutakhir*. Bangi: Persatuan Penulis Selangor.
- Sesilia Seli. (2016). *Kearifan tempatan dalam cerita rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shukri Ahmad. (2002). Konsep Tamadun dan Ciri-Ciri ke Arah Pembangunan. Dalam. Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, Munif Zariruddin Fikri Nordin & Solahuddin Ismail (pnyt.) *Tamadun Islam Suatu Sorotan*, hlm. 1-17. PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd. Terbitan pertama 2002. Pahang Darul Makmur.
- Siti Aishah Jusof, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 12(2), 67-79.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*. 4(1), 77–89.
- Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul Bahaman. (2017). Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 213-232.
- Siti Uzairah Mohd Tobi. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Siti Zuhaidah Zakeria. (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Pantai Timur dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *International Journal Of The Malay World and Civilisation*, 4(1), 93-103.

- Soerjono Soekanto. (2006). *Sosiologi Suatu Pengantar*, Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa. (2021). *Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat*.
- Susanto. (1993). *Pengantar Pengolahan Hasil Pertanian*. Fakultas Pertanian Universitas Brawijaya: Malang.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 7, 47-63.
- Syani, Abdul. (2012). *Sosiologi Skematika Teori dan Terapan*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Syed Husin Ali. (2008). *The Malays: Their Problem and future*. Kuala Lumpur: Others Press.
- Tarigan, Henry Guntur. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 27-37.
- Tuan Syuhada Tuan Mohd Pani. (2022). *Cerita Binatang Dalam Bentuk Animasi: Analisis Nilai Murni Kepada Kanak-Kanak*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Umar Kayam. (1981). *Seni Tradisi Masyarakat*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Umar Latif. (2016). Konsep Mati dan Hidup Dalam Islam. *Al-Bayan*, 22(34), 27-38.
- Wan Abdul Kadir. (2007). *Masyarakat dan Budaya Melayu: Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur. Pustaka Ilmu.
- Wan Muhammad Aiman Wan Aziz. (2018). *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia. 2015*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Wan Nurzafirah Wan Zin. (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).
- Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin. (2019). *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).

- Yuhanis Che Hassan. (2015). *Pengetahuan, Sikap dan Kesedaran Pensyarah dalam Pengamalan Penyelidikan di Politeknik Premier*. Thesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Yusup Hashim. (1994). Penggunaan Teknologi dalam Inovasi Pendidikan. *Jurnal Pendidikan*, 13(1), 73-95.
- Zaitun Hassan. (2015). *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Pengajian Bahasa Melayu Kontempori, Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Zurina Mahadi & Hakil Sino. (2018). Hubungan Nilai Masyarakat dan Pembangunan Satu Analisa. *Jurnal Pengajian Umum*, 8(1), 77-94.

Biodata Penulis



Saya, Wan Siti Nur Aini Binti Wan Noor Ajman, yang telah pun berusia 23 tahun genap pada 27 Oktober yang lalu. Dilahirkan di Kampung Pasir Puteh, Pasir Gudang, Johor Bharu dan berasal dari Johor Bharu tetapi membesar dan menetap di Pasir Puteh, Kelantan. Memulakan persekolahan di peringkat Menengah Rendah dengan menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) di Sekolah Menengah Ugama Maahad Saniah, Pasir Puteh, Kelantan. Pada tahun 2015-2016, pengkaji telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan Gaal, Pasir Puteh, Kelantan. Pengkaji juga telah melanjutkan pelajaran pada peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) selama setahun setengah dalam aliran kemanusiaan. Akhir sekali, pengkaji kini sedang menjalani baki akhir sebagai seorang mahasiswa tahun 4 di Universiti Malaysia Kelantan di dalam Elektif Kesusasteraan Warisan di bawah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Penulisan kajian ini yang telah bermula pada semester keenam dan sehinggalah semester ketujuh adalah sangat mencabar. Bukan sahaja kerana faktor persekitaran yang kini semakin hebat cabarannya, tetapi juga kepada pengkaji dalam mencurahkan idea, menyusun kata dan menghasilkan satu kajian yang baik dan sempurna.

Sekian, itu sahaja serba sedikit mengenai diri ini. Terima kasih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN